

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 18**

**Khamis**

**20 Julai 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Pelindung 2006 (Halaman 61)

Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 (Halaman 89)

**USUL:**

Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat (Halaman 48)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Khamis, 20 Julai 2006

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah tentu terlebih dahulu bagi pihak Dewan Negara saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri selaku ahli-ahli Menteri negara memberi sambutan yang sewajarnya kepada mereka. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, secara kebetulan saya terpaksa mengiringi tetamu negara menghadap Seri Paduka Baginda pada pukul 10.30 dan kebetulan pula Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua menghadap urusan rasmi dengan Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Dipertuan Agong, maka dengan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 6(3) saya mohon agar Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin bersetuju mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara sehingga saya kembali ke kerusi. Dipersilakan Yang Berhormat.

[Dato' Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang telah dilakukan bagi mengatasi pemilikan dan monopoli kedai dan ruang-ruang niaga di sekitar Kuala Lumpur oleh warganegara asing yang semakin berleluasa terutamanya di sekitar Chow Kit yang lebih popular dengan panggilan 'Mini Jakarta' dan Jalan Tunku Abdul Rahman sebagai 'Mumbai Malaysia'; dan
- (b) sejauh mana langkah penguatkuasaan dan tindakan tegas Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap pertambahan premis perniagaan di tepi siar kaki seperti kafe dan ala-bistro di ibu kota yang didapati mempamer dan menjual minuman keras secara terbuka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL mengeluarkan dua jenis lesen iaitu jenis penjaja dan jenis premis perniagaan. Sehubungan dengan lesen penjaja di pasar Chow Kit dan kawasan sekitarnya, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 1,366 lesen kepada penjaja warganegara Malaysia sahaja yang mana menjalankan perniagaan gerai-gerai di dalam premis pasar Chow Kit dan kawasan sekitarnya.

DBKL sedar melalui maklumat yang diperolehi bahawa terdapat pemilik lesen penjaja tempatan telah menyalahgunakan lesen yang diberikan kepada mereka dengan menyewakan lesen kepada mereka kepada warga asing. Di atas penyalahgunaan ini, pihak DBKL telah mengambil tindakan pada pemegang lesen yang terlibat seperti berikut:

- (i) pembatalan lesen – 26 kes;
- (ii) memberi surat tunjuk sebab – 20 kes;
- (iii) memberi surat amaran pertama dan kedua – 18 kes;
- (iv) kompaun – 18 kes.

Manakala di Jalan Tunku Abdul Rahman tiada lesen penjaja diberikan kepada mana-mana individu. Bagaimanapun untuk mengatasi masalah pemilikan dan monopoli oleh warga asing, DBKL sentiasa mengambil tindakan dari semasa ke semasa dengan membuat operasi untuk mengenal pasti penjaja tempatan yang telah menyewakan lesen milik mereka kepada warga asing. Sekiranya tindakan yang diambil ini kurang berkesan, DBKL bercadang untuk mengadakan satu operasi sitar secara bersepadu dengan jabatan-jabatan lain yang berkaitan untuk membersihkan pemilikan dan monopoli warga asing di kawasan itu.

Berkenaan dengan lesen premis perniagaan, DBKL mengeluarkan lesen kepada pengusaha-pengusaha premis tanpa mengira status warga negara tetapi perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (ii) bangunan mempunyai pelan menduduki yang diluluskan oleh pihak berkuasa;
- (iii) permohonan mempunyai perjanjian penyewaan premis jika bukan pemilik sendiri.

Berkenaan dengan pertambahan premis perniagaan di tepi siar kaki di ibu kota yang menjalan perniagaan kafe atau ala-bistro. Lesen di premis dikeluarkan oleh DBKL dengan syarat pengusaha telah mendapat kelulusan perancangan atau perakuan menduduki bangunan.

Berhubung dengan penjualan minuman keras di premis-premis ini, DBKL tidak mengeluarkan lesen bagi maksud ini kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam. Bagaimanapun pihak Kastam dengan DBKL dari semasa ke semasa telah mengadakan beberapa operasi bersepadu untuk mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha yang menjual minuman keras secara terbuka tanpa lesen. Sekian.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanyakan soalan tambahan. Soalan tambahan saya Yang Berhormat, memandangkan lesen ini dikeluarkan hanya kepada warga tempatan dan umum mengetahui bahawa perniagaan ini dijalankan oleh warga asing seperti mana dalam soalan asal yang dikuasai oleh kumpulan-kumpulan dari negara-negara tertentu sehingga boleh di cop '*Mini Jakarta*' atau '*Mumbai Malaysia*' dan sebagainya.

Tidakkah ini menggambarkan kelemahan dari segi penguatkuasaan daripada pihak DBKL sendiri. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat, pihak kementerian, kenapa tindakan tegas tidak dibuat dengan lebih berkesan dalam usaha untuk memastikan bahawa longgokan peniaga-peniaga asing ini tidak lagi menumpu di satu kawasan yang boleh mencetuskan gejala-gejala lain yang kurang menyenangkan?

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang DBKL ada maklumat di mana khasnya di tempat Pasar Chow Kit dan persekitarannya, di mana ramai penjaja-penjaja warganegara asing yang membanjiri tempat itu dan untuk mengatasi masalah ini, memang bukan suatu tindakan yang senang. Memang dia boleh menimbulkan beberapa masalah dan boleh dikatakan sangat rumit. DBKL pun pernah menjalankan beberapa tindakan untuk meminimumkan masalah di tempat yang telah saya sebutkan tadi.

Masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan sekitar Chow Kit biasanya ialah gangguan lalu lintas atau pencemaran yang DBKL dari semasa ke semasa pun menerima aduan. Oleh itu, sekarang di bawah kementerian saya, kita ada jangka lebih panjang untuk mengatasi masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu kementerian akan mengadakan khususnya untuk penjaja satu *retreat* penggubalan dasar penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada penghujung bulan ini untuk mengenal pasti dan mengambil kira semua pandangan dan aduan yang diterima sehingga hari ini dan juga khususnya untuk kawasan Chow Kit. DBKL ada perancangan untuk menaik taraf Chow Kit dan peruntukan RM25 juta sudah disediakan dan dijangka kerja-kerja naik taraf ini akan bermula pada awal tahun 2007 untuk mengatasi masalah yang dihadapi sekarang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, pada masa kegawatan ekonomi, kita mengalu-alukan penjaja yang berpendapatan rendah untuk berniaga untuk menyara kehidupan, jadi untuk melaksanakan projek ini DBKL mestilah mengadakan satu sistem yang baik iaitu sistem yang lengkap untuk meletakkan mereka di tempat yang sesuai. Saya selalu mendapat aduan daripada orang ramai bahawa pekedai-pekedai yang membayar cukai pintu begitu tinggi iaitu 12%, di hadapan kedai dia tidak ada tempat atau lorong untuk kedai mereka berniaga.

Ini akan menjejaskan perniagaan mereka disebabkan di bahagian depan kedai mereka penuh sesak oleh gerai-gerai. Kesesakan lalu lintas di Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman bukan disebabkan oleh kereta tetapi disebabkan oleh gerai-gerai. Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ada dua bahagian. Yang kedua, DBKL pada masa ini memberi lesen kepada *cafe* tepi jalan di Bukit Bintang atau di *Bintang Walk* dan di Jalan Tuanku Abdul Rahman berhampiran bangunan MARA. Kita tahu ramai pelancong datang ke Bukit Bintang. Mereka hendak minum teh atau minum bir di tepi jalan, jadi kita menggalakkan lebih *bistro* dan *cafe* diadakan kerana orang ramai suka hendak pergi ke *cafe* di tepi jalan berbanding kita sebagai orang tempatan

yang selalu pergi ke kedai mamak. Orang asing pergi ke *cafe* di tepi jalan. Mereka tidak mahu pergi ke *coffee house* di dalam hotel.

Kalau kita tidak mengikutkan trend model ini, jadi industri pelancongan kita akan terjejas. Oleh sebab ini saya mintalah pihak DBKL bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Pelancongan untuk bersama-sama mengatasi industri pelancongan untuk kebaikan negara kita. Inilah soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Nampaknya ini adalah cadangan. Walau bagaimanapun dari pandangan Yang Berhormat akan diambil kira juga dalam *retreat* penggubalan dasar penjaja Wilayah Persekutuan, di mana satu plan menyeluruh untuk pembangunan penjaja di Kuala Lumpur akan dikaji dalam *retreat* ini dan pihak-pihak berkenaan termasuk wakil-wakil penjaja dan jabatan-jabatan berkenaan telah dijemput untuk menghadiri *retreat* ini, dan kementerian harap hasil *retreat* dapat mengadakan satu dasar menambahbaikkan dasar sedia ada di Kuala Lumpur termasuk penjaja di luar bandar untuk kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kacau sedikit Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kerana kita hendak buat *retreat* penjaja, tetapi yang saya kesalkan *retreat* dasar hiburan baru-baru ini kita sudah cadangkan *maintain* 3.00 pagi, tetapi keputusannya dilanjutkan sampai pukul 5.00 pagi, belum jawab Yang Berhormat dan kalau boleh *retreat* penjaja ini biarlah pandangan daripada ahli panel dan peserta itu diambil kira. Terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya *retreat* untuk dasar hiburan ini kementerian sudah selesai laporannya dan kita sekarang sedang tunggu pandangan-pandangan dari kementerian-kementerian lain atas dasar-dasar hiburan di Wilayah Persekutuan. Dasar hiburan ini memang bukan soalan asalnya tetapi ia menyeluruh juga termasuk had jam operasi dan juga tempat yang sesuai dan juga kriteria-kriteria lain.

Kementerian berharap dalam masa yang singkat ini jikalau pandangan dari kementerian lain dapat diambil kira, kita akan membuat suatu keputusan muktamad di mana semua pihak akan diambil kira. Sama juga untuk *retreat* penjaja. Kita akan buat cara yang sama dengan mendapatkan pandangan dari semua yang terlibat untuk kepentingan bandar raya yang berjalan lancar pada tahun 2000 menjadi satu bandar raya yang bertaraf dunia. Terima kasih.

2. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengapa kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk membuat keputusan penubuhan IPCMC ataupun adakah kerajaan mempunyai cadangan yang lebih baik bagi membentuk polis yang bertaraf dunia.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, status perancangan penubuhan sebuah

Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis atau IPCMC telah diberi penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat pada 26 Jun 2006.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan bahawa cadangan penubuhan badan penyemakan bebas tersebut kini berada dalam peringkat akhir kajian oleh Jabatan Peguam Negara. Pada dasarnya kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu badan penyemakan bebas IPCMC ini. Namun cadangan yang diutarakan di dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis Diraja Malaysia adalah merupakan suatu perkara baru di dalam pengurusan pentadbiran negara.

Justeru itu ia memerlukan satu kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh oleh Peguam Negara kerana ia melibatkan implikasi perundangan serta tugas-tugas yang dijalankan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersikap terbuka dalam pandangan-pandangan yang diberikan oleh semua pihak termasuk PDRM, badan-badan bukan kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mengenai cadangan penubuhan IPCMC ini. Kesemua pandangan-pandangan ini diberi perhatian dan diambil kira orang Peguam Negara di dalam membuat kajian dan perancangan mengenai penubuhan badan penyemakan bebas ini. Peguam Negara juga tidak terikat dengan apa-apa yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis Diraja Malaysia terutama sekali dari aspek komposisi dan bidang kuasa IPCMC tersebut.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah pendirian pasukan polis terhadap penubuhan IPCMC. Saya baca dalam surat khabar, Ketua Polis Negara tidak menyokong penubuhan ini tetapi timbalannya pula bersetuju di atas penubuhan ini, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat tadi seperti mana yang saya maklumkan tadi, kita dalam soal ini kita bersikap terbuka daripada menerima pandangan-pandangan dari semua pihak termasuk PDRM, Ketua Polis Negara itu polis juga, selepas itu Timbalan dia pun polis juga. Jadi kita terima semua pandangan-pandangan termasuk yang saya katakan tadi daripada orang-orang perseorangan NGO dan sebagainya. Jadi segala-galanya sedang kita kaji dan keputusan muktamad akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita tahu bahawa masalah yang berbangkit dengan IPCMC ini ialah fokus mereka terhadap masalah disiplin dan tingkah laku polis. Sebab itulah diwujudkan Suruhanjaya Diraja penambahbaikan, perjalanan dan pengurusan polis yang mencadangkan IPCMC ini. Tetapi Suruhanjaya Diraja ini sendiri pun mendapat dan ada beberapa itu dan itu pun tidak betul. Contohnya iaitu ada pegawai polis mengisytihar harta 34 juta, apabila disiasat semua *hearsay* dengan izin. Jadi oleh sebab itu, apakah IPCMC ini masih menjadi satu keperluan jika sekiranya ada akta-akta lain yang juga boleh menyelesaikan masalah-masalah disiplin yang dihadapi oleh

polis ini. Jadi apakah maksudnya masih menjadi satu keperluan dan apakah tidak akta-akta lain yang boleh menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan disiplin polis ini, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya suruhanjaya penambahbaikan polis ini, dia bukan sahaja IPCMC, dia melibatkan segalanya termasuklah pembangunan iaitu dari segi kelengkapan polis, berek polis dan sebagainya. Jadi IPCMC ini sebahagian daripadanya iaitu cadangan daripada suruhanjaya untuk menangani masalah disiplin di dalam PDRM itu sendiri. Dan buat seketika ini, kita dalam Polis Diraja Malaysia pun kita sudah ada badan-badan kita sendiri, suruhanjaya polis sendiri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, yang baru-baru ini pun kita bermesyuarat ada tindakan diambil kepada beberapa orang pegawai polis termasuk di buang kerja, seorang DSP telah dibuang kerja, seorang *superintendent* polis telah diturun pangkat. Jadi polis pun kita ada, jadi sekarang ini cadangan dari Suruhanjaya, so sekarang ini sebab itulah kita sekarang ini kita sedang kaji sama ada bentuknya, sama ada kita hendak tambah lagi ke, atau kita hendak guna yang sedia ada dan sebagainya. Jadi pandangan-pandangan itu kita ambil kira dan kita amat peka tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan kerana dalam perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada yang kadang-kadang kita ragu dalam soal-soal tertentu tetapi walau bagaimana pun kajian sedang dibuat dan pengumuman akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

**3. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengambilan kakitangan untuk menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam pada tahun 2004 dan 2005. Dari jumlah ini berapa ramaikah kakitangan keturunan India mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah salah satu daripada pihak berkuasa yang melantik untuk memasuki perkhidmatan awam di Malaysia di peringkat persekutuan. Statistik bilangan yang memohon pada tahun 2002, 2003, 2004 dan 2005 menunjukkan jumlah permohonan dari kalangan kaum bukan Melayu khususnya kaum Cina dan India adalah kecil. Sebagai contoh bagi tahun 2004, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menerima 403, 631 permohonan dengan kaum Melayu iaitu mewakili 78.43% daripada mereka yang memohon. Manakala kaum cina 8,067 yang memohon, dari kaum India ialah 9,562 dan lain-lain kaum 69, 439. Daripada jumlah ini calon yang ditawarkan pelantikan ialah 13,104 daripada orang Melayu, kaum cina ialah 694 orang, kaum India ialah 961 orang dan lain-lain kaum ialah 1,629.

Pada tahun 2005, permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ialah sebanyak 409,711 permohonan di mana permohonan dari kaum Melayu sebanyak 333,716 permohonan. Kaum Cina ialah 6599 iaitu 1.6 %, kaum India 9, 826 iaitu 2.4% daripada permohonan dan lain-lain kaum ialah 59, 567. Daripada jumlah ini, calon yang ditawarkan pelantikan ialah 13,378 orang daripada kaum Melayu, kaum cina ialah 922, kaum India 887 dan

lain-lain kaum, 1844. Walau bagaimana pun dari segi lantikan, terdapat sedikit peningkatan bagi kaum bukan Melayu dalam tempoh 2004 hingga 2005 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Peratusan permohonan bagi kaum India meningkat pada setiap tahun iaitu 19.94% pada tahun 2004 dan 31.33% pada tahun 2005.

Peratusan pelantikan meningkat pada tahun 2004 iaitu 65.91% tetapi menurun pada tahun 2005 pada 36.80%. Jumlah tawaran lantikan pada tahun 2004 ialah sebanyak 571 dan pada tahun 2005 sebanyak 594. Untuk memasuki perkhidmatan awam, semua pemohon perlu melalui syarat dan proses tapisan Yang Berhormat Menteri sama tanpa mengira kaum kerana sistem merit digunakan sebagai asas tapisan pemilihan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Beberapa kelonggaran akan diberikan tetapi kepada kelompok masyarakat yang memerlukan perhatian khas seperti orang Asli dan orang kurang upaya dan mereka yang termasuk dalam kategori penduduk termiskin. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan mengambil langkah Yang Berhormat Menteri sesuai dengan fungsi dan bidang kuasanya untuk membantu kerajaan mengurangkan masalah ketidakseimbangan kaum dalam perkhidmatan awam. Langkah yang telah dan sedang akan diambil ialah:

- (i) menyiarkan iklan urusan pengambilan sepanjang masa iaitu sistem mengambil sepanjang masa, SMSM, dua kali setahun iaitu pada awal dan akhir tahun melalui akhbar aliran-aliran perdana.
- (ii) mempromosi dan menyebarkan maklumat secara berkala mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada orang ramai serta syarat memohon melalui media cetak dan media elektronik seperti RTM dan TV3.
- (iii) mengadakan sesi dialog di antara pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bersama media untuk menyampaikan maklumat yang betul mengenai peluang pekerjaan yang terdapat di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- (iv) program hari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bersama pelanggan iaitu melalui program ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menjemput pelajar sekolah, guru kaunseling dan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam ataupun Swasta terutamanya kaum bukan Melayu. Program ini diadakan di ibu pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Putrajaya dan lokasi-lokasi yang berlainan pada setiap bulan.
- (v) Menyertai Program Hari Kerjaya di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dengan mengadakan sesi taklimat kerjaya, penjualan borang SPA 8 dan permohonan secara *online*; dan
- (vi) Menyiarkan iklan dalam akhbar pelbagai bahasa seperti Bahasa Cina, Tamil dan akhbar tempatan di Sabah dan Sarawak.

Usaha di atas setakat ini belum lagi mendatangkan hasil yang memuaskan. Perlu diingatkan bahawa jumlah pemohon yang ditawarkan jawatan setiap tahun oleh SPA tidak sampai 10% daripada jumlah permohonan keseluruhannya. Ini bermakna....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat ini lama panjang sangat.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Sedikit sahaja, ini bermakna peluang pekerjaan dalam sektor awam yang berada di dalam bidang kuasa SPA amat terhad. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri hanya memberi satu jawapan yang pendek Ahli Yang Berhormat tidak puas. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya perhatikan soalnya banyak ditumpukan kepada kaum India tetapi jawapan yang diberikan begitu panjang sekali saya takut tidak ada lagi dah soalan tambahan. Kita pergi kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita sering kali dengar di dalam Dewan yang mulia ini persoalan dibangkitkan tentang pasukan keseimbangan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dari segi *race*, dari segi bangsa. Tetapi persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini, pertanyaan yang sentiasa dibangkitkan bagaimana pula pihak kerajaan memantau penglibatan bumiputera dalam pihak swasta.

Daripada angka yang dinyatakan di sini, 13,000 puratanya setiap tahun dalam perkhidmatan awam dan saya pohon apa strategi kerajaan bagi menjayakan saranan Rancangan Malaysia Kesembilan, mewujudkan keseimbangan dari segi kerjasama pihak swasta untuk mengambil Bumiputera dan saya pohon juga Yang Berhormat Menteri menyatakan jumlah pihak swasta yang mengambil Bumiputera di peringkat pengurusan setiap tahun dan kalau tidak ada saya pohon perkara ini harus diambil tindakan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju bahawa masyarakat kaum Bumiputera belum kelihatan berkhidmat di pihak swasta setaraf dengan bilangan penduduknya iaitu kalau dalam pandangan saya yang lebih sesuai ialah kita mempunyai satu perkhidmatan awam di mana kalau dari segi pengambilan kekosongan oleh kerajaan, dia dapat lebih sesuai dengan bilangan penduduk-penduduk di negara ini dan begitu juga dengan pihak swasta misalnya kalau di negara ini kita mempunyai 65% ataupun 60% kaum Bumiputera dalam negara ini dan saya ingat kita lebih baik kalau kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan mengambil 60% daripada kaum Bumiputera untuk berkhidmat di Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri.

Begitu juga dengan pihak swasta iaitu 60% juga daripada penduduk negara Malaysia ini ditempatkan dalam perkhidmatan swasta tetapi kita tahu keadaan negara kita ini ialah pihak swasta adalah bergantung pada *market forces* dan kerajaan tidak dapatlah untuk menyekat mereka, untuk meminta mereka dan memaksa mereka untuk mengambil ahli dan pemohon-

pemohon daripada kaum Bumiputera untuk mengisi kekosongan dalam pihak swasta. Jadi usaha ini saya ingat lebih kepada kesedaran pihak swasta iaitu untuk memenuhi hasrat negara kita ini supaya semua akan mengambil tempat di dalam pentadbiran dan pengurusan negara di pihak swasta mahupun di peringkat kerajaan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ini hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan bukan Bumiputera di dalam perkhidmatan kerajaan dan juga SPA itulah mengadakan langkah-langkah untuk menangani masalah ini tetapi usaha-usaha yang dijalankan itu dan yang dijawab itu mungkin tidak memuaskan. Bolehkah SPA mengeluarkan dan memikir, *think out of the box* dan juga mengadakan satu langkah-langkah yang lebih efektif, yang lebih berkesan supaya hasrat kerajaan untuk meningkatkan itu dapat dicapai dengan mengeluarkan tindakan-tindakan yang lebih efektif. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua sekarang ini pihak SPA sedang pun mengambil langkah untuk mencari jalan bagaimana mereka yang enggan memohon pekerjaan dalam kerajaan agar dapat memohon dan kemudahan-kemudahan telah disediakan untuk mereka supaya mereka dapat memohon dengan mungkin tiada banyak birokrasi iaitu *online* dia dapat memohon dan SPA telah pun seperti mana yang saya katakan tadi mengadakan hari kerjaya, mengadakan hari dengan pelanggan dan sebagainya. Jadi semua usaha ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh SPA untuk dapat meminta daripada pihak-pihak yang tertentu iaitu daripada kaum bukan Bumiputera supaya mereka dapat memohon dan kalau mengikut statistik kita melihat satu trend iaitu langkah itu sedang meningkat.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk memberi jawapan kepada soalan ini. Daripada statistik yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri kita nampak ada pertambahan sedikit dari 2004 dan 2005 dari permohonan daripada bukan Bumiputera bagi jawatan-jawatan kerajaan. Tetapi apabila kita bandingkan angka ini bersama dengan angka permohonan daripada Bumiputera, boleh dikatakan angka ini bukan begitu kecil sebab kita juga perlu memandangkan jumlah penduduk bukan Bumiputera khasnya jumlah penduduk kaum India dan apabila kita banding jumlah penduduk...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi soalnya?

**Tuan M. Munusamy:** Soalan?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya.

**Tuan M. Munusamy:** Soalan saya, apabila kita banding jumlah penduduk, permohonan itu bukan kecil. Oleh itu saya ingin tahu adakah pengambilan ataupun pelantikan itu dibuat atas kuota daripada permohonan ataupun kuota daripada jawatan yang ada kosong. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Dalam pertemuan saya dengan SPA baru-baru ini, mereka telah memberitahu saya bahawa mereka mengiklankan jawatan-jawatan yang terdapat

kosong pada suatu masa. Selepas itu semua permohonan-permohonan ini akan ditapis dan hanya mereka yang layak akan diberi peluang untuk ditemu duga oleh pihak Ahli-ahli SPA. Masalahnya Yang Berhormat ialah begini, pada tahun 2003 misalnya permohonan daripada kaum Melayu adalah sebanyak 273,646 pemohon. Pada tahun 2004, 316,563 pemohon dan pada tahun 2005, 333,719 pemohon. Daripada kaum India misalnya pada tahun 2003 ini 7,253 daripada kaum India yang memohon kalau dibandingkan dengan permohonan daripada kaum Bumiputera Melayu memang jauh bezanya.

Jadi pihak SPA mengatakan kepada saya dia juga terpaksa melihat kepada jumlah yang memohon, jumlah yang memohon yang besar. Sebab itulah dia menggalakkan kaum bukan Melayu dan kaum bukan Bumiputera ini memohon supaya dia dapat memilih daripada angka yang lebih besar daripada yang memohon sekarang ini. Itulah yang saya telah difahamkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri menjawab soalan. Saya panggil Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor

4. **Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula kegunaan serta pembelian pesawat jenis Hawk yang digunakan untuk latihan agar tidak berlaku lagi lebih banyak kemalangan yang melibatkan pesawat tersebut.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Wan Nordin bin Che Murad. Memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan. Untuk pengetahuan, Kementerian Pertahanan setakat ini belum bercadang untuk mengkaji semula pembelian serta penggunaan pesawat Hawk yang digunakan untuk latihan kerana pesawat ini telah memberi perkhidmatan yang baik. Semua pesawat pejuang TUDM termasuk pesawat pejuang Hawk menjalani jadual rawatan dan seliaan yang ketat berdasarkan jam penerbangan serta hasil laporan askar penerbangan daripada juruterbang itu sendiri.

Pemeriksaan berjadual yang rapi merupakan sebahagian dari budaya yang diamalkan untuk memastikan pesawat pejuang Hawk sentiasa berada pada tahap *airworthiness* yang tinggi. Di samping itu pantauan pengoperasian pesawat pula dilaksanakan dengan mengambil kira semua aspek berkesan latihan serta keupayaan pesawat dengan mengutamakan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, dalam mencari punca sesuatu nahas pesawat agar penyiasat TUDM yang ditubuhkan meneliti semua bukti yang diperolehi sama ada dari segi faktor manusia (*human factor*), teknikal, rawatan, organisasi mahupun faktor luaran sebelum mengeluarkan laporan kepada Lembaga Penyiasatan.

Dalam dua kejadian terakhir yang melibatkan jet pejuang Hawk punca nahas pesawat di perairan Rompin belum dapat ditentukan kerana serpihan bangkai pesawat yang baru itu, baru

sahaja dijumpai. Sementara itu penyiasatan awal kejadian pendaratan cemas di pangkalan udara Kuantan pula menunjukkan tanda-tanda masalah teknikal. Kedua faktor manusia dan faktor teknikal tetap ada dalam setiap kejadian atau kemalangan. Ini sering mempunyai kaitan dalam menentukan punca sebenar sesuatu kemalangan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma saya nak tanya tadi bila Yang Berhormat menjawab untuk memaklumkan dan mengambil kira soalan Yang Berhormat Wan Nordin tidak ada disebut tarikh soalnya. Kita nak tahu tarikhnya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Soalan yang sama hari ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Senator Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, adakah permasalahan ini ada disebabkan penyelewengan dalam pembelian dalam siasatan yang dibuat oleh Kementerian?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau penyelewengan dalam masa pembelian kita nak beli Hawk dia hantar High jadi yang ni kita nak beli Hawk dia hantar Hawk dan kita dah guna sejak 1994 sehingga hari ini. Pembelian ini mengikut spesifikasi dan kemampuannya boleh diguna selama 25 ke 30 tahun dan hanya lapan sahaja jet ini telah jatuh dan bakinya masih ada beroperasi dalam negara ini. Soalan penyelewengan tidak berlaku kerana semua yang kita beli semua sampai.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Tuan Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat sambung kepada soalan Yang Berhormat Sharifah tadi, maksud penyelewengan ini pembelian itu memanglah pembelian itu memanglah kita *order Hawk* kita dapat Hawk tetapi maksud dia penyelewengan dia dari segi barang-barang dalaman dia *spare part* dan sebagainya kerana kemalangan ini kerap sangat berlaku. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua kemalangan yang berlaku ini bukan disebabkan penyelewengan walaupun ada tetapi saya menyatakan penyelewengan tentang pembelian itu tidak berlaku dan semua *spare parts* yang dikehendaki apabila operasi dijalankan pembaikan dilakukan maka *spare parts* ini memang dikehendaki. Sepanjang ini *spare parts* yang dikehendaki untuk baik pulih mana yang diperlukan masih tidak ada masalah. Tentang kemalangan yang berlaku iaitu sama ada daripada segi teknikal ataupun dari segi apa masalah *human* yang berlaku tentang lapan jet yang telah gugur hanya lima orang sahaja *pilot* yang meninggal.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Senator Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad.

5. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pihak Kementerian akan mengiktiraf guru-guru yang mempunyai ijazah Doktor Falsafah (Ph.d) dan ijazah Sarjana (Master) kepada guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah di seluruh negara sekarang agar pendapatan yang mereka peroleh setimpal dengan kelulusan yang dimiliki mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk memberikan hadiah pergerakan gaji kepada guru-guru yang meningkatkan kelulusan mereka pada peringkat Doktor Falsafah (Ph.d) dan Ijazah Sarjana (Master). Walau bagaimanapun, memandangkan perkara ini melibatkan soal dasar yang melibatkan skim-skim perkhidmatan yang lain maka pihak agensi pusat perlu mengkaji kesesuaiannya yang akan membawa implikasi yang besar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat dalam bidang pendidikan, Kementerian Pelajaran memang membuka ruang dan peluang yang seluasnya kepada warga Kementerian Pelajaran untuk menimba ilmu setinggi yang boleh.

Buat masa ini seramai 8,903 pegawai dalam perkhidmatan pendidikan mempunyai kelulusan akademik di peringkat Sarjana dan sejumlah 188 orang pemegang Ijazah Kedoktoran. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Senator Dr. Norraesah binti Mohamad.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengimbas kembali kepada Rancangan Malaysia Kesembilan yang memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan. Maknanya pendidikan dan pembelajaran merupakan faktor yang amat penting untuk negara kita, terutama sekali dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Dengan itu peranan guru amat penting sekali dan taraf yang sebaik mungkin yang setimpal dengan peranan yang diberi harus diberi perhatian dengan sebaik mungkin. Dengan itu saya ingin mencadangkan dan bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kita berfikir untuk meningkat gaji guru itu secara menyeluruh sama ada dari permulaan hingga ke atas. Terima kasih

**Puan Komala Devi:** Buat masa ini skim guru iaitu Skim Pegawai Pendidikan Siswazah adalah lain daripada skim yang sedia ada sebagai contoh Skim PTD atau Pegawai Tadbir Diplomatik. Jadi memandangkan skim yang sedia wujud adalah berbeza maka kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji juga adalah berbeza. Tetapi ini adalah di bawah penelitian dan kajian bukan sahaja di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri tetapi juga agensi pusat yang saya bermaksud Jabatan Perkhidmatan Awam dan kami tunggu sampai syor-syor dikemukakan kepada kerajaan. Terima kasih

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kementerian membuat kajian dan juga penyelidikan, bagaimanakah tugas-tugas guru Doktor Falsafah dan Sarjana dapat membantu meningkatkan prestasi akademik

sekolah atau sama sahaja dengan guru-guru yang lain dari segi kesungguhannya, teknik mengajarnya, dorongannya, semangatnya dan juga lain-lain. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini ialah satu soalan spesifik iaitu adakah kajian yang tersebut yang telah dijalankan? Jadi saya akan mengemukakan soalan ini kepada kementerian, saya mohon untuk menjawabnya secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, dan saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah, syabas kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah yang dianugerahkan Dato' semalam. Di jemput Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim.

**6. Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Alam Sekitar di peringkat DUN atau daerah, sekiranya ada apakah status atau perkembangan yang dicapai setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memang bercadang untuk melibatkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen bagi mengukuhkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dan langkah ini akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli-ahli Parlimen untuk turut terlibat secara aktif di dalam menangani masalah-masalah alam sekitar di kawasan masing-masing. Ia juga akan dapat meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan rakyat di kawasan masing-masing dan akan dapat membantu Jabatan Alam Sekitar di dalam kegiatan pemantauan dan penguatkuasaan serta meringankan beban yang dihadapi oleh jabatan yang sekarang ini kekurangan kakitangan penguatkuasaan.

Kementerian juga telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai isu-isu alam sekitar dan menghadapi masalah alam sekitar dan jabatan juga akan menetapkan pegawai di kawasan-kawasan tersebut untuk bekerjasama secara terus dengan Ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga adalah di dalam proses mendapatkan persetujuan semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan negeri dan juga Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mengenai cadangan penglibatan ini. Dan dijangka ianya akan dapat beroperasi sebelum penghujung tahun ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Dato' Omar, eh...saya minta maaf, Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nama pun silap, bagi kebenaran kepada saya. Soalan tambahan saya, apakah kuasa dan tanggungjawab yang ada kepada jawatankuasa ini, dan kita tidak mahu ibarat bagi senapang tanpa peluru. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat, senapang memang sudah ada, dan memang kita anggap Ahli-ahli Parlimen ini, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, JKK ini semua senapang kita. Pelurunya seperti yang saya cakap tadi, Pegawai-pegawai Alam Sekitar tersebut akan ditugaskan khas terhadap kawasan-kawasan yang kita sebagai *hot spot*, iaitu kawasan-kawasan yang mempunyai terlalu banyak kilang yang harus di pantau di mana kita mengambil konsep bahawasanya kawasan tersebut hendaklah di jaga oleh orang kawasan itu sendiri. Sebab pegawai-pegawai kita di peringkat negeri memang tidak tahu kawasan, itu kita akui. Jadi sebab itulah jawatankuasa ini akan bertindak sebagai peluru. Apa-apa yang berlaku terus kepada pegawai yang kita lantik khas untuk mengawal selia kawasan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Kasim.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sedikit penjelasan, maksud peluru yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi ialah duit Yang Berhormat. Kerana bila tubuh jawatankuasa, macam mana Jawatankuasa Kelab Sukan Komuniti di peringkat daerah atau pun DUN ini, dia ada peruntukan yang besar, lebih daripada RM43,000. Jadi kita harap jawatankuasa yang ditubuhkan ini juga dapat sekurang-kurangnya sedikit peruntukan kalau tidak banyak macam Jawatankuasa Sukan Komuniti pun bagi membolehkan aktiviti digerakkan. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian juga bercadang untuk diadakan Hari Alam Sekitar bagi peringkat DUN daerah atau pun negeri.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Fasal peluru itu, Insya-Allah, ini saya cakap dengan menteri, Insya-Allah boleh dapatlah, saya akan cuba bagi untuk cara bergerak melalui jabatan atau pun JPS yang mana ada di setiap daerah. Berkenaan dengan Hari Alam Sekitar, saya terkejut Yang Berhormat tahu ada Hari Alam Sekitar, memang kita ada Hari Alam Sekitar peringkat dunia pada bulan Mei dan di peringkat nasional pada bulan Ogos. Dan cadangan untuk mengadakan Hari Alam Sekitar di peringkat negeri dan juga daerah-daerah juga akan kita pertimbangkan. Dan saya Insya-Allah akan membawa perkara ini kepada peringkat kementerian dan Insya-Allah kita akan adakan di peringkat Parlimen atau pun di peringkat daerah. Terima kasih.

**7. Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa ramaikah pemaju yang telah diambil tindakan mahkamah kerana melanggar Akta Pemaju Perumahan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemaju perumahan yang telah diambil tindakan mahkamah kerana melanggar Akta Pemajuan Perumahan dari tahun 2000 sampai Jun 2006 ialah sebanyak 218 pemaju. Pendakwaan mahkamah merangkumi semua kesalahan yang telah dilakukan, seperti melanggar seksyen 51 dan seksyen 52, yang mana pemaju yang tidak berlesen dan menggunakan perkataan pemaju perumahan atau apa-apa penerbitannya yang

menunjukkan perjalanan pemajuan perumahan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Perumahan. Terdapat juga kesalahan di mana pemaju telah melanggar seksyen 16 (1) iaitu kesalahan ingkar *award* tribunal tuntutan pembeli rumah, pemaju juga telah melanggar seksyen 7 (f) iaitu gagal mengemukakan laporan kemajuan projek dua kali setahun.

Kesalahan juga merangkumi pelanggaran kepada peraturan-peraturan pemajuan perumahan, kawalan dan pelesenan seperti melanggar peraturan 6(1) dan 11(2), di mana kesalahan ialah dalam iklan jualan dan di dalam mengutip deposit sebelum menandatangani surat perjanjian jual beli. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah terdapat pemaju-pemaju perumahan yang telah di senarai hitamkan, tetapi telah menubuhkan syarikat yang lain pula dan juga mendapat projek-projek. Adakah kerajaan sedar berlakunya perkara sebegini? Jika sedar, sejauh manakah tindakan telah diambil?

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, selepas seseorang pemaju telah dikenal membuat satu kesalahan di dalam mana-mana peraturan di dalam Akta Pemaju Perumahan seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat, beliau akan disenaraikan hitam di dalam sistem kita. Dan memang betul kadang-kadang kalau, satu bila syarikat itu memohon untuk satu projek yang baru, memang itu tidak akan dibenarkan. Tetapi ada keadaan seperti yang telah di sebut oleh Ahli Yang Berhormat, di mana *director-director* daripada *company* asalnya menubuhkan *company* yang lain, ini pun di dalam kajian kita. Adakah orang di dalam permohonan syarikat-syarikat yang baru telah di senarai hitam di dalam mana-mana syarikat di mana mereka telah membuat pemajuan perumahan sebelum itu. Memang tindakan sedang diambil, sekarang kita lebih berwaspada daripada segi ini, dan kita periksa dengan teliti segala permohonan untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan dan hukuman yang paling tinggi yang telah diambil kepada pemaju berkenaan dan kenapa masalah projek terbengkalai masih belum lagi dapat diatasi sehingga membebankan pembeli. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Untuk kesalahan di bawah seksyen 51 dan 52 di mana pemaju atau pemaju membuat perumahan tanpa lesen dan permit, di bawah akta kesalahan mereka boleh dikenakan denda daripada RM50,000 sampai RM500,000 dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat apa yang paling tinggi yang telah dikenakan sampai sekarang, maklumat itu saya akan dapatkan dan beri. Saya tidak boleh beri pada masa sekarang, saya tidak mempunyai apa-apa maklumat. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Ikhwan.

**Datuk Soon Tian Szu:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Dato' Ikhwan ada urusan pergi ke hospital dengan *urgently*, maka izinkan saya mengemukakan soalan nombor 8. Terima kasih.

8. **Datuk Soon Tian Szu [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kementerian memainkan peranan di dalam menentukan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor oleh kementerian serta Pihak Berkuasa Tempatan mengikut arahan atau dasar yang ditentukan ataupun yang ditetapkan. Contohnya membuat pembayaran 2 minggu selepas kerja telah pun disiapkan serta mendapat kelulusan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, semua peraturan dan prosedur perolehan yang sedia ada mengenai bayaran seperti dalam Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan adalah terpakai kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Ketua agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan kontraktor diberi pembayaran mengikut klausa kontrak. Bagi mempercepatkan pembayaran, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan menetapkan bahawa 50% daripada bil tuntutan kontraktor hendaklah dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh tuntutan diterima.

Baki 50% lagi pembayaran hendaklah dijelaskan selepas proses penyelarasan dan pengesahan tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh tuntutan lengkap diterima oleh agensi. Kontraktor yang menghadapi masalah kelewatan bayaran oleh agensi bolehlah membuat aduan kepada Unit Bayaran Lewat, Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan. Aduan mengenai kelewatan bayaran ini akan disusuli oleh unit ini bagi mengenal pasti masalah yang timbul dan mengambil tindakan yang sewajarnya, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita sering berbincang tentang masalah projek terbengkalai, saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Kewangan, berapa kontraktor-kontraktor yang telah gagal kerana mereka tidak dapat terima wang kerana bayaran itu lewat daripada pihak pengurusan ataupun JKR dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat agak terkeluar sedikit. Saya tidak ada maklumat tentang projek terbengkalai, tetapi saya ada maklumat berkenaan dengan aduan-aduan yang telah dibuat dan telah dapat diselesaikan. Contohnya pada tahun 2005, jumlah aduan yang telah dibuat 187 kepada pusat aduan ini dan kes yang telah selesai 155. Bagi 2006 sehingga bulan ini, *mid July*, kes yang telah pun dilaporkan kepada pusat ini 58, yang sudah selesai 11. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

9. **Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerianya bercadang melanjutkan tempoh perjanjian konsesi Syarikat Pharmaniaga Sdn. Bhd. apabila ianya tamat pada 2009 atau status konsesi ditender secara terbuka dan telus kepada pihak-pihak yang berminat memohon menjadi syarikat konsesi utama untuk hospital-hospital kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini Kementerian Kesihatan masih lagi belum membuat sebarang keputusan sama ada untuk melanjutkan tempoh perjanjian penswastan makmal ubat dan stor Kementerian Kesihatan kepada Syarikat Pharmaniaga Logistik Sdn. Bhd., anak syarikat kepada GLC akan berakhir pada tahun 2009 atau menenderkannya secara terbuka kepada pihak yang berminat.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang ditandatangani, syarikat konsesi boleh membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh konsesi sekurang-kurangnya dua tahun sebelum tamat tempoh tersebut. Dalam hubungan ini, syarikat tersebut telah pun mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh konsesi kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan masih lagi dalam perbincangan.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada syarikat konsesi utama yang saya sebutkan tadi, ada juga kita dapati bahawa syarikat-syarikat pembekal yang lain yang milik bumiputera sebanyak 20 buah dan yang milik bukan bumiputera 71 buah dan perbelanjaan ubat-ubatan di dalam hospital kerajaan dalam tahun 2004 adalah sebanyak RM494 juta, dan pada tahun 2005 adalah sebanyak RM508 juta. Jadi perbelanjaan perubatan dalam kedua-dua tahun ini berjumlah lebih daripada RM1 bilion.

Saya dimaklumkan bahawa syarikat konsesi utama ini mengenakan komisen sebanyak 15% kepada syarikat-syarikat pembekal yang lain jika hendak membekalkan ubat-ubatan kepada hospital kerajaan. Jadi adakah..

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi soalnya?

**Tuan Lee Chee Keong:** Soalnya, adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk menjimatkan perbelanjaan yang sebesar ini, kalau RM1 bilion kali 15% menjadi sebanyak RM150 juta. Adakah kementerian ingin menjimatkan perbelanjaan duit ini pada tahun 2009 untuk membuka tender kepada syarikat-syarikat lain secara bebas? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Senator Lee. Kita kena lihat konsesi ini secara menyeluruh, bukan setakat mengenakan... Kalau ada dan kalau betul apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, 15% dan sebenarnya kerajaan berusaha untuk mengurangkan kos ubat, tetapi dalam suasana sekarang rakyat hanya bayar duit RM1 tetapi dalam bekalan ubat sampai dua bulan umpamanya. RM1 bilion memang besarlah bagi satu tahun tetapi kalau kita bahagi kepada seluruh penduduk Malaysia ada 25 juta orang, maknanya kerajaan belanja RM400 sahaja satu kepala satu tahun. Maknanya lebih sedikit RM1 satu harilah.

Bermakna kalau kita melihat penjagaan pesakit dari sudut pembelian ubat masih rendah. Walau bagaimanapun, ramai orang tidak berapa faham dalam konsesi tersebut, ia ada *provision*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita membina usahawan-usahawan pembekal ubat. Kalau kita tengok penggunaan ubat, 70% daripada ubat yang dibekalkan kepada Kementerian Kesihatan adalah ubat daripada syarikat multinasional. Hanya 30% sahaja ubat yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal atau pengilang di Malaysia yang terdapat hanya kurang daripada 10 kilang yang membuat ubat generik.

Bukan semua ubat yang dibekalkan oleh Pharmaniaga Logistik ini dibekalkan oleh kilang daripada syarikat mereka. Ia ada satu program kita panggil program *Adoption Scheme*, di mana kita bangunkan bukan sahaja pembekal tetapi *manufacturer* untuk membekalkan bukan sahaja ubat tetapi bahan-bahan *disposable*. Kita di Kementerian Kesihatan hanya memberi nasihat dari sudut teknikal sementara Kementerian Kewangan yang memberi *award*.

Dalam struktur harga ubat, kita antara negara yang paling rendah harga ubat berbanding dengan umpamanya negara Indonesia. Ubat di sana terlalu mahal malah 10 atau 20 kali ganda. Sebab itu rakyat kena beli ubat dengan belanja sendiri. Tetapi walaupun kita belanja RM1 bilion, kos ini masih dianggap rendah. Kita tidak boleh hendak kurangkan kos dalam merawat pesakit, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, iaitu saya ingin tahu sejauh manakah benarnya komisen yang dikenakan oleh Syarikat Pharmaniaga itu sebanyak 15% kepada syarikat-syarikat yang ingin membekalkan ubat. Berapa bilangan syarikat-syarikat yang *disubkan* oleh Pharmaniaga untuk membekalkan ubat-ubat itu?

Sebab 15% itu memanglah satu jumlah yang besar dan sekiranya semua ubat itu dibekalkan secara subkontrak, maknanya kerajaan memang berbelanja lebih sekiranya Pharmaniaga itu sendiri yang boleh membekalkan *direct* kepada kerajaan, ini bermakna kerajaan telah pun menjimatkan sebanyak 15% daripada harga ubat-ubatan itu, apakah pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini agak *detail*. Saya kena *check* sama ada betul atau tidak 15%, pertama. Kedua sewaktu mengambil alih makmal ubat dan stor oleh syarikat Pharmaniaga ini, kira-kira 12 tahun yang lalu. Dia ambil kilang yang biasa kita ada kilang dahulu, Kementerian Kesihatan, kalau Yang Berhormat ingat ada kilang dan setiap *part* kita ada tulis KK, itu MD. Kilang itu di Seksyen 17 Petaling Jaya. Apabila Pharmaniaga ambil, dia juga ada kilang sendiri dan dia juga bekalkan ubat-ubat yang termasuk dalam *list* kita panggil APPL *list*. Mana-mana ubat yang tidak ada dalam *list* tersebut yang dia tidak bekalkan kerana dia tidak buat ubat tersebut, dia akan ditentukan oleh satu Jawatankuasa, harga ubat ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Sekarang ini pun di peringkat kita sedang menentukan apa dia ubat-ubat yang kita hendak, jenis-jenisnya dan juga harga. 15% ini, saya kena *check*lah. Walau bagaimanapun, dalam perniagaan Pharmaniaga, “.....” ubat, dia secara menyeluruh nampak banyak sampai RM500 juta, tetapi ubat yang dibekalkan sendiri oleh Pharmaniaga amat rendah sebenarnya, jadi dia kena ambil daripada syarikat-syarikat lain dan oleh kerana ia adalah berorientasikan perniagaan. Walaupun dia sebuah anak syarikat kerajaan, Khazanah Holding punya anak syarikat, jadi dia kena juga memenuhi *key performance index* yang telah ditetapkan. Maknanya kalau dia untung pun, dia akan bagi balik kepada kerajaan. Jadi ini adalah ambil daripada poket kanan, masuk poket kiri atau kurangkan masuk poket kiri, masuk poket kanan. Pokoknya dia masih berlegar-legar dalam poket kerajaan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, cuma angka tadi RM1 bilion bagi RM25 juta itu, RM40. Saya ingat kita teruskan dengan Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**10. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **Menteri Pelajaran** menyatakan apakah kerajaan bercadang menubuhkan satu jawatankuasa bertindak bersama Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyelesaikan permasalahan siswazah yang berkelulusan pendidikan dan masih belum mendapat tempat untuk mengajar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajar Malaysia ingin menjelaskan bahawa masalah pengangguran graduan bidang pendidikan yang berlaku pada masa kini adalah di kalangan mereka yang bukan tajaan Kementerian Pelajaran. Mereka hanya diberi penempatan apabila ada kekosongan jawatan dan keperluan yang sesuai dengan *option* mereka. Buat masa ini Kementerian Pelajaran hanya melaksanakan penempatan guru dengan memberi keutamaan kepada semua calon guru yang menerima tajaan biasiswa dari Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini bermakna semua lepasan KPLI atau Kursus Perguruan Lulusan Ijazah yang dianjurkan oleh bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pelajaran dan lain-lain universiti yang di taja oleh Kementerian Pelajaran telah diberikan penempatan yang sesuai dengan *option* masing-masing.

Keputusan ini selaras dengan terma-terma perjanjian yang dibuat di antara pelajar atau pelatih dengan kerajaan. Kementerian turut mengambil langkah-langkah perlu bagi membantu graduan bidang pendidikan untuk ditempatkan di sekolah. Sehubungan itu, kementerian telah membuka peluang kepada mereka yang berminat untuk berkhidmat di kawasan pedalaman untuk mendaftar diri ke bahagian sekolah Kementerian Pelajaran. Sehingga tarikh tutup pada 24 Mei 2006, seramai 760 orang telah mendaftar diri. Kementerian telah memanggil seramai 62 orang calon guru yang layak. Bagi Fasal 1, untuk temu duga yang telah diadakan pada 6 Jun hingga 7 Jun tahun ini untuk ditempatkan di sekolah-sekolah kawasan pedalaman. Calon-calon yang

dipanggil temu duga adalah bagi mengajar mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris dan Kemahiran Hidup.

Calon-calon yang berjaya akan diberikan latihan khas dalam bidang-bidang yang diperlukan di sekolah. Kementerian Pelajaran akan mengadakan penyelesaian keperluan guru dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menangani masalah ini dan membuat unjuran keperluan guru berdasarkan *option* dan keperluan pada masa hadapan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tidakkah kementerian sedar bahawa dengan menempatkan mereka-mereka ini dapat mengatasi masalah kekurangan guru dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa banyakkah lagi sekolah yang kekurangan guru dan berapa sebenarnya jumlah guru yang masih lagi diperlukan?

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan spesifik dan saya memerlukan masa untuk menjawabnya, saya akan jawab secara bertulis, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi kemudian Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengangguran ini berkaitan dengan *mismatch* berkenaan dengan keperluan dan juga pembekalan dan juga kita, walaupun bilangan guru itu keseluruhannya berlebih, tetapi di SK pun tidak terdapat lebih kurang 3000 ribu lebih kekurangan guru Bahasa Inggeris kerana *miss-match* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon izin ganggu sebentar. Adakah Yang Berhormat Menteri tunggu untuk menjawab soalan? Soalan nombor berapa? [*Bertanya kepada Tan Sri Bernard Giluk Dompok*]

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** 22. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** 22. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah *mismatch* dengan izin antara keperluan dan juga pembekalan guru sesuatu mata pelajaran itu, sesuatu *option* itu dan bilakah masalah *mismatch* itu dapat diselesaikan dalam rancangan kementerian, terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengurangkan masalah *mismatch* adalah untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin memaklumkan bahawa pada 12 Julai 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan satu memorandum bersama di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran dan kedua-dua kementerian telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dan

penyelesaian dalam empat aspek, iaitu termasuk nombor satu, penyediaan unjuran keperluan guru yang lebih komprehensif secara bersama meliputi keperluan guru dan pensyarah bagi sekolah, kolej, matrikulasi, kolej komuniti dan juga politeknik. Satu lagi langkah yang telah diambil untuk mengurangkan *mismatch* dan juga untuk mengurangkan kekurangan untuk mengisi jawatan-jawatan yang masih belum diisi. Baru-baru ini juga, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan untuk meningkatkan norma perjawatan guru daripada satu sebanyak 0.2N iaitu dari 1.5N kepada 1.7N. Dengan peningkatan norma perjawatan ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat memadailah Yang Berhormat, ada lagi? Saya mohon kepada pihak yang bertanya, di hadapan negara ada banyak hal, jadi kalau kita tanya pun jangan kita duk tanya satu perkara sahaja. Kalau kita jawab pun janganlah jawab panjang-panjang sangat. Seolah-olah perkara itu sahaja negara ini mementingkan. Jadi itu sahaja pertimbangan hakiki. Jadi, silakan Yang Berhormat.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan cepat-cepat.

**Puan Komala Devi:** Di harapkan peningkatan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedangkan Yang Berhormat Menteri Kabinet menunggu menjawab soalan nombor 22 dan saya akan guna kuasa untuk membolehkan beliau jawab.

**Puan Komala Devi:** Diharap juga peningkatan norma jawatan ini akan juga dapat menangani masalah *mismatch*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Sudah terjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah terjawab? Bagus Yang Berhormat, terima kasih. Jadi menggunakan kuasa-kuasa, saya jemput Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad kemukakan soalan, pertanyaan nombor 22 dahulu.

22. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan mengikut perangkaan pada ketika ini, terdapat anggaran melebihi 250,000 kekosongan jawatan dalam sektor awam dan nyatakan pecahan kategori jawatan di semua peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan nyatakan strategi perancangan jangka panjang dan pendek bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut agar pelaksanaan RMK-9 tidak menghadapi sebarang masalah kelak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memang adalah satu Suruhanjaya yang bebas dan merupakan satu daripada pihak berkuasa untuk melantik memasuki perkhidmatan awam di Malaysia di peringkat Persekutuan. SPA akan menjalankan urusan pengambilan berdasarkan permintaan daripada kementerian, jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Melaka, Perlis dan Pulau Pinang.

Pecahan kategori jawatan seperti yang diminta adalah seperti dalam lampiran yang akan saya edarkan nanti. Selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, beberapa langkah bagi jangka masa pendek dan panjang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah kekosongan jawatan dalam sektor awam seperti:

- (i) Hari SPA bersama pelanggan. Melalui program ini, SPA menjemput orang ramai, para pelajar sekolah dan IPTA serta guru kaunseling untuk bersama promosi maklumat;
- (ii) SPA juga akan mengadakan Hari Kerjaya iaitu satu program Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk mengadakan sesi taklimat;
- (iii) taklimat untuk pelajar-pelajar tahun akhir. SPA sering mengadakan taklimat khusus kepada pelajar-pelajar tahun akhir di institusi-institusi. Proses pengambilan adalah bagi menawarkan calon lantikan kepada kementerian-kementerian dalam tempoh 8 minggu hingga 12 minggu daripada tarikh permohonan bagi jawatan yang tidak mensyaratkan ujian khas dan 16 minggu bagi jawatan yang mensyaratkan ujian khas.

Temu duga terbuka dapat dijalankan bagi jawatan dalam skim perubatan seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di mana calon-calon boleh datang terus untuk ditemu duga pada setiap Selasa di Ibu Pejabat SPA, Putrajaya. SPA mengedarkan borang-borang soal selidik pada setiap kementerian dan jabatan yang di bawah bidang kuasa SPA pada setiap hujung tahun untuk mengetahui kekosongan pada jawatan tersebut. Sistem permohonan jawatan secara *online* membenarkan calon-calon memohon sehingga 10 jawatan pada suatu masa. SPA juga akan menggunakan Sistem Peperiksaan Berkomputer (SISPEK). Sistem ini akan diperkenalkan bagi memudahkan calon memohon jawatan-jawatan yang dikehendaki mereka menduduki ujian-ujian tertentu.

Calon akan menduduki peperiksaan dengan menggunakan komputer. Sistem membenarkan sistem pemeriksaan dan penganalisan jawapan-jawapan calon serta berkomputer termasuk mendapat markah lulus. Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan secara berkomputer setengah jam selepas peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, SPA juga akan menyiarkan iklan dalam akhbar pelbagai bahasa di seluruh negara untuk memberitahu kepada pemohon supaya dapat memohon jawatan-jawatan yang kosong dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin memberitahu Dewan bahawa jumlah kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kumpulan perkhidmatan dari pelbagai gred lantikan dan kenaikan pangkat sehingga 31 Disember 2005 adalah seperti berikut.

Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan merupakan 184 ribu dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya lebih baik kalau saya ingin menjelaskan bahawa kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan pertanyaan tambahan dalam bidang Yang Berhormat begitu bertanggungjawab. Yang Berhormat Datuk Yaakob, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan dan kemudian Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu di hadapan kita sekarang ini, keberkesanan sistem penyampaian yang dibangkitkan dalam RMK-9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Pertanyaan saya, mengapa kalau ikut sistem yang ada yang akan dilaksanakan oleh SPA memakan masa? Kenapa tidak diambil satu gerakan operasi penuh seperti mana yang pernah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana kekosongan ini memerlukan pengisian yang mendadak. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, amalan yang digunakan oleh SPA sekarang ini adalah untuk memberi peluang kepada pemohon-pemohon untuk ditemu duga. Jadi, ini memerlukan lebih banyak daripada Ahli-ahli SPA yang turun ke padang untuk memberi temu duga. Jadi saya ingat apa yang perlu dibuat ialah untuk menambahkan bilangan mereka yang menemu duga pemohon-pemohon.

Satu juga amalan yang telah diperkenalkan dahulu iaitu memberi kebenaran kepada pihak jabatan-jabatan untuk dapat melantik secara langsung mereka yang memohon kepada jabatan-jabatan. Jadi cadangan juga yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi boleh disampaikan kepada SPA supaya ia ada diambil kira dalam mesyuarat mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semasa Yang Berhormat menjawab, saya terpandang kepada pertanyaan nombor 11 yang juga merangkumi perkara yang lebih kurang sama. Adakah Yang Berhormat hendak mencadang? Kalau begitu, saya beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Chew Vun Ming sama. Ianya mengenai *delivery system* di Sabah.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Yang mana ini? 11?

**Tuan Yang di-Pertua:** 11. Iaitu mengenai sistem *delivery* yang cekap dan berkesan kerana perkara ini tersentuh dalam perkhidmatan awam juga.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijuruskan, ya?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi penjelasan ataupun pandangan terhadap perkara ini sebab memang saya pun pernahlah mentadbir negeri Sabah. Kerajaan Sabah ini mempunyai ataupun negeri Sabah mempunyai satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti juga dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan.

Jadi, kalau kita lihat dari fungsi mereka, mutu pentadbiran di negeri Sabah ini banyak bergantung pada prestasi pentadbiran kerajaan di negeri Sabah dan kalau dilihat dari segi pengagihan kuasa, saya ingat Kerajaan Persekutuan hanya dapat memperkemaskan

pentadbiran di mana ia terdapat di kementerian-kementerian di mana Kerajaan Persekutuan menguasai. Iaitu misalnya Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan sebagainya.

Jadi dari pihak kalau diambil kira badan-badan berkanun di bawah jagaan negeri Sabah, memang hanya Kerajaan Persekutuan hanya akan dapat memberi nasihat kepada mereka. Berkenaan dengan agensi-agensi Persekutuan di negeri Sabah ini, negeri Sabah diketuai pentadbiran negeri Sabah, badan-badan ataupun jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah diketuai oleh satu Setiausaha Persekutuan di negeri Sabah dan semua masalah ini dapatlah diperkemaskan oleh jabatan mereka.

Dan saya telah difahamkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, pihak berkuasa di negeri Sabah akan mengambil langkah supaya masalah-masalah yang telah dirasai oleh pegawai-pegawai yang diberi mandat untuk mentadbir ataupun melaksanakan projek akan dikurangkan seperti masalah tanah misalnya.

Kadangkala dalam pengurusan projek-projek dalam mana-mana rancangan pun, dalam Rancangan Malaysia Kelapan pun saya melihat banyak daripada projek-projek itu terlambat oleh kerana tanah tidak tersedia dan ini akan dapat dikurangkan kalau kerajaan itu cekap untuk mengurus supaya tanah yang diperlukan oleh Jabatan Persekutuan itu dapat disediakan apabila ia diperlukan.

Jadi, saya telah difahamkan oleh rakan-rakan sayalah di negeri Sabah bahawa semua urusan negeri akan dapat diperkemaskan untuk mempercepatkan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya harap Datuk Chew Vun Ming berpuas hati. Saya mohon maaf, lebih baiklah saya beralih kepada perkara berterusan biar saya mohon izin mungkir janji sikit boleh. Datuk Soon Tian Szu.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab banyak barisan kerajaan hadir dan minat nak jawab. Kalau kita buatlah supaya kehadiran mereka di Dewan ini sia-sia, mereka pun tak minat. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat tak bolehlah kompelin si polan tak hadir, tak mahu hadir, tak minat nak hadir. Yang Berhormat yang membuatkan mereka tak minat. Silakan Datuk Soon.

**Datuk Soon Tian Szu:** Soalan tambahan saya tentang, ialah tentang pengambilan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak..

**Datuk Soon Tian Szu:** pengambilan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan nombor 12..

**Datuk Soon tian Szu:** Oh! Bukan soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dibatalkan

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih, sekali lagi...

12. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Pelajaran menyatakan pelbagai usaha telah diambil oleh Kementerian bagi melahirkan tenaga pengajar yang komited, berdisiplin dan memenuhi cabaran semasa seperti mengenakan syarat-syarat tambahan, namun begitu adakah Kementerian mempunyai satu perancangan jangka panjang menerusi syarat-syarat pengambilan yang mantap bagi mencapai matlamat tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia, melaksanakan proses pemilihan calon guru yang ketat melalui berbagai tahap tapisan sebelum ditawarkan untuk mengikuti program latihan guru. Selain daripada syarat-syarat akademik yang diperlukan antara proses tapisan dilaksanakan iaitu Malaysian Teacher Selection Test atau and MTeST. Ujian bertulis bahasa Inggeris bagi setengah program inventori sahshiah guru dan juga temu duga. Usaha meningkat kualiti latihan pengurusan adalah bersesuaian dengan agenda memartabatkan profesion perguruan dan seterusnya melahirkan kualiti pendidikan bertaraf dunia. Kementerian Pelajaran Malaysia juga menyediakan pelbagai latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan lagi tahap profesionisma dan ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** ...potensi mereka. Terima kasih.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma..

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja pertanyaan tambahan lepas ini pertanyaan nombor 13..

**Tuan Soon Tian Szu:** Soalan tambahan saya ialah tentang setakat ini pemantauan di kementerian *after training* dengan izin, selepas latihan dan sebagainya. Sejauh manakah pemantauan pihak kementerian tentang guru-guru yang telah hantar ke kursus dan prestasi mereka, hasil dan terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya nyatakan di sini bahawa dengan langkah-langkah yang telah diambil, usaha-usaha untuk memberi banyak peluang lagi untuk mereka, guru-guru kita mendapat latihan dan sebagainya nampaknya minat untuk akan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kita adalah pada tahap yang baik.

Walau bagaimana pun Kementerian Pelajaran akan sentiasa memantau supaya usaha untuk mewujudkan tahap pendidikan di negara kita ini di dalam tahap yang baik. Terima kasih.

13. **Tuan Munusamy a/ Mareemuthu** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan kemudahan pinjaman mikro Kredit untuk peniaga-peniaga kecil sekali lagi untuk meningkatkan status ekonomi rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti mana yang..

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih pun bunyi seronok ya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Seperti mana yang kita maklum bahawa terdapat beberapa skim kredit mikro yang wujud sekarang yang dilaksanakan oleh TEKUN umpamanya, Amanah Ikhtiar dan agak terakhir dan secara besar-besarnya ialah yang dilaksanakan oleh BSN sebanyak RM800 juta dan BPM Bank Pertanian Malaysia sebanyak RM200 juta. Skim ini khususnya yang kedua-dua yang saya sebut ini telah memberi manfaat kepada lebih 100 ribu peminjam dan buat masa ini skim-skim ini sudah pun dipakai guna pakai sepenuhnya dan kerajaan sedang mengkaji semula tentang sama ada ianya harus dilaksanakan seperti mana yang disoal oleh Yang Berhormat kerana di dapati bahawa kadar NPL dengan izin, *Non-Performing Loan* agak tinggi di antara 25% hingga 40%. Jadi, kita ingin melihat bagaimanakah satu skim yang lebih kemas yang lebih berkesan. Namun begitu dalam RMK-9, ada diwujudkan satu skim khusus untuk diberikan kepada Kementerian Pertanian sebanyak RM100 juta untuk kredit mikro dalam bidang pertanian dan ini akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ir. Hiang A Li..

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila satu pertanyaan.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya soalan tambahan. Soalan tambahan ialah berapa kes yang berjaya dalam permohonan-permohonan yang lepas mengikut pecahan kaum yang kedua, berapakah yang telah diberi kemudahan pinjaman ini telah atau adalah membayar balik pinjaman itu yang ketiga, adalah diberitahu bahawa proses permohonan kemudahan ini agak ada sukar dan susah untuk diluluskan adakah itu benar. Kalau sekiranya benar untuk masa akan datang sekiranya kemudahan ini dilaksanakan semula boleh kah kita berikan satu proses yang lebih *user friendly* dengan izin, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak mempunyai banyak masa untuk menjawab banyak-banyak itu..

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Dengan ringkas..

**Tuan Yang di-Pertua:** Separuhnya ada memerlukan butir-butir..

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** ...dengan ringkas..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kebijaksanaan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat terima kasih, seperti yang saya katakan jumlah pinjaman lebih daripada 100 ribu peminjam, ini khusus untuk pinjaman daripada Bank BSN, iaitu sebanyak 800 juta. Keduanya, ingin saya nyatakan tidak mungkin proses kelulusan dan penilaian dibuat terlalu rumit seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat kerana jumlah yang diperuntukkan ini habis diguna dalam jangka masa yang singkat. Jadi, bahkan hari ini kalau kira yang diperuntukkan ini dah habis dah. Jadi, tak mungkin merumitkan menyusahkan kalau cepat sekali telah habis. Ketiganya, dari segi kadar bayar balik yang tidak memuaskan hati ini NPL seperti mana yang saya katakan tadi agak tinggi sehingga 40%. Jadi,

ini sesuatu yang kerajaan perlu kaji semula. Keempatnya, dari segi mengikut kaum saya boleh menyatakan di sini dari skim BSN yang dibuat ini hampir 32 % adalah di kalangan silap saya ya, 27 % adalah di kalangan bukan Bumiputera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi kalau saya lanjutkan lagi dia bukan guna kuasa, dia salah guna kuasa masa, maka masa dah cukup dan saya cukup masa cukup. Terima kasih.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAN MALAYSIA (PINDAAN) 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukkan bagi membolehkan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mengendalikan Majlis Peperiksaan Malaysia, mengendalikan peperiksaan lain selain daripada peperiksaan yang bersifat akademik dan perkara-perkara yang berkaitan dengan dibacakan kali kedua sekarang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan sebagai Badan Berkanun dengan berkuat kuasanya Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 atau Akta 225 bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan untuk membuat peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengendalikan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia sejak tahun 1982. Iaitu selepas peperiksaan ini sepenuhnya diambil alih daripada Universiti of Cambridge Local Examination Syndicate.

Di samping itu, Majlis Peperiksaan Malaysia juga mengendalikan ujian Malaysia Universiti *English Test* sejak tahun 1999. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 Akta 225 telah dipinda sebanyak tiga kali. Pindaan kali pertama ialah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985. Pindaan ini dibuat untuk memberi peruntukan atau perbekalan tambahan khususnya tentang pemeliharaan keselamatan peperiksaan. Pindaan kali kedua iaitu Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1998. Pindaan ini menyentuh tentang takrif dan tata tertib terhadap pegawai Majlis Peperiksaan Malaysia.

Pindaan ketiga menyentuh dua perkara iaitu mengemaskinikan gelaran jawatan yang perlu dibuat supaya selaras dengan gelaran jawatan yang digunakan dalam Akta Pendidikan

1996 atau Akta 550. Dan juga pindaan bagi memperlengkapkan keanggotaan Lembaga Pengelola Majlis Peperiksaan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kali ini saya akan membentangkan pindaan yang kecil sahaja kepada Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Pindaan ini menyentuh tentang fungsi Majlis bagi membolehkan Majlis Peperiksaan Malaysia mengendalikan peperiksaan lain selain daripada peperiksaan yang bersifat akademik.

Saya seterusnya ingin mengulas dan memperjelaskan pindaan dan tambahan kepada Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005. Pindaan dibuat atas Seksyen 7 untuk memasukkan Subseksyen baru 7(5) dan (6) ke dalam Akta 225.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sedikit. Bertanya sahaja kemungkinan ada di dalam pengetahuan Yang Berhormat. Apabila kita mengadakan peperiksaan di bawah harga *Cambridge* dahulu, adakah lembaga-lembaga berkenaan diperbadankan di bawah sesuatu Akta Parlimen, *where they instituted who an act or Acts of Parliament in Westminster?* Ini kerana saya agak tertarik di sini negara Malaysia kita sehingga Lembaga Peperiksaan pun di bawah sesuatu Akta Parlimen sedangkan di *Westminster*, Perlembagaan pun tidak ada? *No written Constitution*. Maka, adakah perlu Majlis Peperiksaan itu diperbadankan di bawah sesuatu Akta Parlimen ataupun di bawah kuasa-kuasa kementerian sahaja? Ini sahajalah, demi memperluaskan pengetahuan kita. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu pandangan yang lengkap kerana memang pada masa ketika itu peperiksaan itu dikendalikan oleh *Cambridge Examination Syndicate*. Pada ketika itu memang mereka yang mengendalikan peperiksaan - HSC. Jadi sekarang, selepas diambil alih oleh rakyat Malaysia, kita sendiri, maka wujudlah undang-undang untuk mengendalikan peperiksaan. Setakat itu yang boleh saya jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saja saya biar supaya hidup perbahasan dan suasana Dewan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas minat yang ditunjukkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Subseksyen (5) yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan Majlis dengan kelulusan Majlis mengelolakan peperiksaan lain di samping peperiksaan tertentu. Manakala Subseksyen (6) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa kelulusan pengarah peperiksaan hendaklah diperoleh jika Majlis mengelolakan peperiksaan lain di samping peperiksaan tertentu yang berkaitan dengan perkara akademik.

Selain daripada itu, Akta Ibu dipinda dengan memotong Seksyen 30 kerana seksyen ini tidak lagi diperlukan kerana Mahkamah Seksyen sekarang mempunyai bidang kuasa penuh terhadap kesalahan di bawah Akta 225. Seksyen 31(d) Akta Ibu juga dipinda untuk

membenarkan Majlis menetapkan *fee* atau caj berkenaan dengan peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa rang undang-undang yang dibentangkan ini adalah untuk mengadakan peruntukkan bagi memperluas fungsi Majlis Peperiksaan Malaysia dalam hal pengendalian peperiksaan. Iaitu mengendalikan peperiksaan yang bukan sahaja berkaitan dengan akademik tetapi juga peperiksaan lain seperti peperiksaan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, memang ada baiknya kita perundangkan supaya sesuatu itu ada *the weight of law*. Tetapi janganlah sampai satu hari kita berdepan dengan satu rang undang-undang klasifikasi durian. *[Ketawa]* Hendak klasifikasi durian pun ada *the weight of law*. Itu teruk sangatlah. *[Ketawa]* Itu sahaja. Ada penyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk di bahas. Yang Berhormat Datuk M. Ratnam dan selepas itu Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**11.46 pg.**

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahas mengenai Rang Undang-undang Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang MPM yang membolehkan MPM untuk mengendalikan lain-lain peperiksaan selain daripada STPM dan *Malaysian University English Test*, dengan izin. Ini adalah satu usaha yang baik. Satu usaha baik ke arah mempelbagaikan operasi MPM.

Sejarah awal peperiksaan itu dibentuk memang ia berasal dari negeri China, yang mana ia telah ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa itu Yang Berhormat yang berasal dari negeri China? Apa yang berasal dari negeri China itu?

**Datuk M. Ratnam:** Peperiksaan itu berasal dari negeri China.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia orang yang membuat menyusahkan kehidupan kita. *[Ketawa]*

**Datuk M. Ratnam:** Yang mana ia hendak mencari satu pegawai tadbir. Jadi, ia mengadakan satu peperiksaan untuk menguji mereka setakat manakah mereka dan inilah dalam negeri China. Cerita bagaimana rasuah berlaku. Anak pembesarnya ada tujuh dan anak

pembesar juga kadangkala tidak jujur kemudian sogok pemeriksa sehingga mereka dapat dalam *civil service*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di antara peradaban China dengan peradaban India ini, mana yang lebih tua?

**Datuk M. Ratnam:** Tua!

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih lama.

**Datuk M. Ratnam:** Lama dari segi mana, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Indian civilization or Chinese civilization?*

**Datuk M. Ratnam:** Saya ingat dua-dua pun serupa. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, peradaban India tidak mencipta kaedah peperiksaan?

**Datuk M. Ratnam:** Setahu saya – tidak tahu banyak mengenai peperiksaan di negeri India. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih tahu mengenai peperiksaan di negeri China, pula.

**Datuk M. Ratnam:** Ini baca dari buku. *[Ketawa]* Sehingga mereka dapat dalam *civil service* di negeri China, di Vietnam ataupun di Kampuchea. Sebenarnya bila kita bercakap mengenai dengan pindaan akta ini kita bercakap mengenai peperiksaan pada keseluruhan. Oleh kerana Majlis ini mengendalikan peperiksaan yang tertinggi, bagi saya, pada peringkat sekolah menengah atas yang mana ia melibatkan penuntut di sekolah menengah atas. Sebagai sebuah badan peperiksaan tertinggi negara, MPM secara tidak langsung memainkan peranan yang penting dalam pembangunan modal insan seperti mana yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita pun dalam abad yang ke 21 ini, memerlukan modal insan yang begitu besar.

Ini adalah penting dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Dalam usaha ini, kita harus mempunyai sebuah badan peperiksaan yang akan mengendalikan bukan untuk pengambilan universiti sahaja, tetapi mengendalikan peperiksaan bukan akademik seperti Penilaian Tahap Kecekapan ataupun Sijil Kemahiran.

Sudah tiba masanya selepas 26 tahun penubuhannya, MPM mara ke hadapan dengan misi yang lebih besar, dengan wawasan menjadikan MPM sebagai badan peperiksaan yang berwibawa dalam mengendalikan peperiksaan untuk pengajian tinggi dan kemahiran.

Diharapkan perubahan pada akta ini akan membolehkan MPM mengendalikan peperiksaan di IPTS terutama untuk kertas Lembaga Akreditasi Negara seperti pengajian Malaysia supaya kertas ini diambil serius oleh pihak IPTS bagi memenuhi objektif pengenalannya. Ini adalah kerana kertas-kertas LAN dijalankan tanpa pemantauan oleh pihak kementerian.

Dalam usaha memperkasakan MPM, badan peperiksaan di luar negara seperti EDEXCEL di UK haruslah menjadi contoh yang baik untuk MPM ikuti. Selain daripada itu, dalam

usaha mempelbagaikan pengendalian peperiksaan MPM, latihan dan taraf pemeriksa kertas haruslah dipertingkatkan malahan bukan hanya dilantik secara ad-hoc, tetapi membentuk sekumpulan pemeriksa kertas dengan status yang tertentu yang diiktiraf oleh pihak kementerian. Ini adalah penting dalam usaha kita memartabatkan sistem pendidikan terutamanya di IPTS supaya kualiti pendidikan kita terjamin dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Saya rasa kita tersangkut di antara penyusunan semula masyarakat dan dasar negara. Penyusunan semula masyarakat (*affirmative action*), dengan izin dengan persaingan global dan kualiti terkini yang dituntut oleh pasaran baru di dunia ini khususnya di Malaysia melahirkan pelajar-pelajar yang tidak berupaya bersaing di peringkat antarabangsa, kerana kita masih hendak pegang kepada doktrin bahawa kita hendak menolong untuk menyusun semula masyarakat.

Maka mekanisme itu perlu dikaji semula untuk melihat bagaimanakah pelajar-pelajar yang berkualiti dapat dilahirkan, dan kita tidak harus memperalatkan peperiksaan sebagai *instrument* ke arah mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat. Maka dalam konteks keyakinan, masyarakat yang dikatakan tadi terhadap peperiksaan keberkesanan proses pengendalian peperiksaan dari segi *transparency*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cuba terangkan selepas Yang Berhormat baca petikan ucapan itu. Kalau Yang Berhormat ulangi hujah-hujah itu secara spontan dengan merujuk kepada perkara itu macam mana supaya jelas lagi hujah Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** Baca sebutlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat hendak katakan tadi itu dalam masa lima minit yang diambil itu?

**Datuk M. Ratnam:** Apa saya kata tadi Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengadakan satu peperiksaan yang kompetitif .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lebih baik daripada yang baca tadi.

**Datuk M. Ratnam:** ..... dan keputusan yang dapat adalah keputusan yang tulen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berwibawa.

**Datuk M. Ratnam:** Berwibawa, janganlah kita adakan satu peperiksaan dan anggapan banyak orang ialah, bahawa dia orang ada memainkan markah sendiri .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kiralah, ada kira ..... peperiksaan.

**Datuk M. Ratnam:** Saya ingat Yang Berhormat sudah faham. Baiklah, saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh faham apa Yang Berhormat belum nyatakan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India dilihat masih jauh terkebelakang dalam sistem pendidikan negara hari ini. Mengapakah mereka dipinggirkan. Laporan bancian tahun 2000 jelas menunjukkan bagaimana hanya 39.8% ataupun 13,714 orang daripada 34,470 orang kanak-kanak berusia 6 tahun telah mengikuti pendidikan prasekolah.

Adakah Kementerian Pelajaran pernah cuba mendapatkan jawapan ke atas persoalan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak mahu mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri bersama kita.

**Datuk M. Ratnam:** Selamat datang [*Memberi hormat kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar – Dato' Seri Azmi bin Khalid*].

Adakah Kementerian Pelajaran pernah cuba mendapatkan jawapan ke atas persoalan ini? Pada tempoh yang sama, hampir 2.8% ataupun 5,580 kanak-kanak India yang berusia di antara 7 hingga 12 tahun tidak meneruskan pendidikan sekolah rendah mereka. Kadar keciciran dalam kalangan pelajar India di peringkat menengah sebelum SPM adalah 27% ataupun seramai 39,680 orang.

Mengapakah jenayah dalam kalangan remaja India meningkat? Bukankah dengan sistem pendidikan yang lebih teratur atau mesra rakyat akan membantu mengurangkan pembabitan remaja India dalam kancah kurang bermoral. Yang diperlukan adalah kemudahan dan guru berwibawa.

Saya juga merasakan kerajaan perlu mengkaji semula penggunaan dua sistem berlainan dalam pengambilan pelajar ke IPTA iaitu STPM dan Matrikulasi. Saya hanya meminta kerajaan bersifat rasional kemasukan pelajar India ke IPTA lepas sistem meritokrasi diperkenalkan, sebenarnya telah menjejaskan bilangan pelajar untuk mengikuti kursus yang kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan farmasi.

Seramai 1,530 pelajar India ataupun 4.7% berjaya memasuki IPTA dari 32,752 tempat yang disediakan tahun ini. Berdasarkan keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ataupun STPM atau yang setaraf dengannya, selebihnya pula diisi oleh pelajar-pelajar bumiputera iaitu 22,557 atau 68.9% dan 8,665 pelajar kaum Cina iaitu 26.4%. Golongan bukan bumiputera turut mendakwa ketidakadilan berlaku kerana menyamatarafkan antara gred STPM dan Matrikulasi yang memberikan kelebihan kepada pelajar bumiputera yang mengikuti program Matrikulasi.

Pelaksanaan sistem meritokrasi untuk kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam telah mewujudkan persaingan tidak adil di antara pelajar matrikulasi dan kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Persaingan di antara pelajar matrikulasi dan lulusan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kira Yang Berhormat berucap, kebetulan hari ini ada bersama kita anak-anak kita yang menghayati ucapan Yang Berhormat. Jaga baik-baik nanti Yang Berhormat bercakap, peperiksaan tidak guna, mereka balik ke sekolah tidak mahu belajar.

**Datuk M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, luar daripada ucapan saya, saya beri sedikit keterangan. Bila saya pergi ke sekolah, Darjah 1, Primary 1 masa kitalah, ada peperiksaan. Primary 2 ada peperiksaan, kalau lulus baru ke Primary 2. Lepas Primary 2 lulus baru ke Standard 1. Baru semua orang dapat tahu baca, mengira dan sebagainya. Sekarang tidak ada peperiksaan, jadi semua ikutlah, tahu baca, tidak tahu baca, tidak tahu a, b, c pun naik. Perkara

itu dari pandangan saya tidak berapa sesuai. Mesti mahu tapis dan hendak tahu sama mereka layak pergi ke Darjah 2.

Kalau dia tidak pandai huruf pun tidak tahu, pergi ke Darjah 2 dan dia pergi Darjah 3, Darjah 4, Darjah 5, Darjah 6 sampai Form 3 pun tidak tahu. Nanti dia keluar jadi orang jahatlah. Itulah Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Datuk M. Ratnam:** Sila.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan, saya ada dua perkara. Satu saya hendak minta panduan dan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua di dalam memartabatkan imej Dewan Negara yang begitu berhasil sekarang ini. Dari segi apabila saya memohon laluan kepada Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat tidak dapat menjelaskan dan tidak dapat menjawab dan hanya saya katakan dan saya minta Yang Berhormat bersetuju untuk dijawab oleh kementerian. Jadi isu yang saya bangkitkan semalam.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat meminta supaya pihak kementerian juga mengambil maklum terhadap penjelasan-penjelasan yang diminta selain daripada ucapan induk semata-mata.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Benar Yang Berhormat, itu maksud saya sebab kawan-kawan saya agak kecewa semalam ada tujuh, lapan soalan-soalan yang dibangkitkan yang dianggap untuk dijawab oleh kementerian tetapi tidak disentuh langsung. Jadi hari ini mungkin kementerian yang ada kalau boleh.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang munasabah kerana celahan-celahan itu juga merupakan sebahagian daripada perbahasan mengenai masalah yang di hadapan kita.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keprihatinan tersebut. Yang Berhormat saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, tadi daripada angka-angka yang Yang Berhormat nyatakan, wujud satu ketidakpuasan .....dari segi kriteria proses pengambilan ke IPTA kerana dinyatakan Bumiputera lebih kurang 22,000 bukan Bumiputera kurang plus 10,000, Cina 8,000 lebih dan India 1,530. Saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. Dari segi IPTA dan IPTS kalau dilihat dari segi perangkaan kemasukan IPTA dan IPTS bagaimana pula kedudukan Bumiputera di kalangan IPTS yang mana hampir 85% bukan Bumiputera mengambil penyambungan pelajaran di swasta. Dan kalau dilihat kualiti yang pernah dihebahkan dan diwar-warkan antara IPTS dan IPTA wujud seperti ada ketidakseimbangan dari segi kualiti. Terbukti jumlah pengangguran yang ada di pasaran hari ini hampir 80% yang menganggur itu keluaran IPTA, manakala "....." IPTS rata-rata boleh dikatakan hanya 15 % yang menganggur. Apa pandangan Yang Berhormat dan ini berkaitan dengan peperiksaan juga, terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Senator Datuk Yaakob , barangkali soalan-soalan Datuk juga boleh dijawab oleh pegawai-pegawai yang ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Datuk M. Ratnam:** Mengenai.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pegawai tidak boleh jawab di sini.

**Datuk M. Ratnam:** Oh, itu menterilah, atau wakil ya. Mengenai IPTA dan IPTS, apabila kita masuk ke IPTA, itu adalah kerajaan punya. Jadi apabila kita masuk ke IPTA, aliran dominal sahaja untuk pelajaran. IPTS, mengapa orang pilih IPTS? Dia pilih IPTS kerana dia tidak dapat masuk IPTA, dia terpaksa jual dia punya emas, kadang-kadang dia kena gadai dia punya rumah hantar anak untuk belajar di IPTA. Saya tahu, dalam kalangan orang India semua orang India middle class, middle class ingin mengadakan sekurang-kurangnya satu graduan di rumahnya, satu doktor di rumahnya. Kalau you pergi rumah India tanya, apa you belajar, you tanya itu punya budak, I want to be a doctor. Tidak tahulah dalam minda dia apabila dia masa kecil-kecil pun dia sudah ada, I want to be doctor, I want to be a doctor, I want to be a lawyer, I want to be a lawyer, I want to be a lawyer, itu sudah masuk. Jadi apabila anak hendak belajar, ibu bapa terpaksa pinjam ke, dapat biasiswakah dari kerajaan, pinjaman dari khidmat ini yang diuruskan oleh MIC, nation and finance.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kita.....jika kita terlalu memperluaskan perbahasan dan pihak Timbalan Menteri atau Menteri atau Setiausaha Parlimen yang membentangkan Rang Undang-Undang tidak dapat menjawab sebahagian daripadanya kita perlu ampun mereka sebab kita memperluaskan perbahasan bagi perkara-perkara yang hampir tidak berkaitan. Walaupun sebagai ahli Yang Berhormat berhak, jadi kalau Yang Berhormat hendak jawapan-jawapan yang tepat perlulah ada kaitan dengan secara langsung atau sedikit sebanyak tidak secara langsung atau tidak secara langsung pun ada sedikit sebanyak kaitan dengan masalah di hadapan kita iaitu pindaan kepada Rang Undang-Undang ini. Jadi kesimpulan saya ialah kalau kita timbulkan perkara-perkara yang jauh dan hampir tidak berkaitan, janganlah harap sangat kementerian akan menjawab. Kita tidak boleh marah kalau mereka tidak jawab.

**Datuk M. Ratnam:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Memang apabila kita berbahas dan bawa statistik memang betul-betul tidak ada di tangan dia, dia hanya dapat jawab apa yang dia tahu. Jadi kita tidak marah, memang tidak marah. Apa you boleh jawab, you jawablah, apa you tidak dapat jawab dan boleh jawab dengan cara bertulis, kita pun berterima kasih. Jadi sahabat saya kata tadi, orang yang pergi ke IPTS kebanyakannya dapat kerja. IPTA tidak dapat kerja, jadi saya tidak dapat memberi satu jawapan yang tepat mungkin andaian saya ialah IPTA lebih standard adalah lebih kepada IPTS dan IPTS lebih kepada IPTA. Mungkin itu saya tidak tahu, orang yang pergi belajar di IPTS belanja wang sendiri. Wang pinjaman perlu di bayar balik, jadi selepas dia keluar dari universiti kah dia pergi cari kerja mana-mana tempat. Apa kerja pun dia sanggup terima, sebab keluarga dia miskin, dia perlu

mendapatkan sedikit duit. Jadi itulah kemungkinan orang dari IPTS dapat peluang kerja berlebihan, lebih pada itu saya tidak dapat jawab, minta maaf.

Okey, saya teruskan. Persaingan di antara pelajar matrikulasi dan lulusan STPM tidak dianggap adil kerana sistem matrikulasi diwujudkan sebagai persediaan. Pelajar Bumiputera untuk memasuki universiti awam dengan bilangan yang tidak seberapa, ibu bapa masyarakat India menaruh harapan yang tinggi ke atas kerajaan untuk timbang rasa kerana kebanyakan mereka tidak berkemampuan untuk menampung kos pengajian anak mereka di luar negara. Kita mahu menjadi universiti bertaraf antarabangsa dan kita mahu kedudukan yang baik dalam senarai universiti dunia tetapi pernahkah kita terfikir, apakah keperluan masyarakat India turut diambil kira dalam proses meningkatkan status universiti? Dalam merentasi fasal II Wawasan 2020, saya amat berharap kepentingan dan kebajikan masyarakat India turut diambil kira supaya ia tidak merencat proses menjadi masyarakat kelas satu di sebuah negara maju pada ambang tahun 2020.

Sistem pendidikan negara berorientasikan peperiksaan dikatakan menjadi punca kepada kelemahan pengetahuan am di kalangan lepasan sekolah termasuk calon bakal guru. Pendedahan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar dianggap bukti menunjukkan penguasaan pengetahuan am begitu lemah di kalangan lepasan sekolah walaupun memiliki keputusan peperiksaan yang cemerlang. Namun dalam masa yang sama, ada pihak yang mahukan Kementerian Pelajaran mengenal pasti standard pendidikan semasa untuk memastikan kes berkenaan adalah *significant* bukan sekadar membuat andaian *simplistic* terhadap keupayaan calon institusi perguruan.

Dalam hal ini saya menyokong rancangan dan tindakan kerajaan mengambil kira penglibatan pelajar dalam ko-kurikulum sebagai sebahagian keputusan mereka semasa memohon masuk ke IPTA. Seterusnya dalam perubahan yang begitu dinamik dalam sistem pendidikan. Kita dengan pelbagai laporan dan jawatankuasa, sudah tiba masa untuk satu *Select Committee* untuk memastikan penglibatan Ahli-ahli Parlimen di dalam menggubal sistem pendidikan kita. Inilah satu kementerian yang mendapat peruntukan yang terbesar, lebih RM20 bilion setiap tahun tetapi penglibatan Ahli-ahli Parlimen di dalam menggubal sistem ini tidak ada. Maka, satu *Select Committee* dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen untuk melihat kembali sistem pelajaran kita diperlukan untuk membuat satu transformasi baru dalam memperkasakan ilmu pendidikan dalam negara kita.

Pendidikan dan pembangunan sumber manusia adalah kunci kepada peningkatan daya saing negara. Bekalan tenaga kerja yang terlatih, produktif dan komited adalah keperluan utama bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara berterusan seperti negara lain. Sistem pendidikan kita harus mampu memenuhi kehendak komersial dan industri dan boleh menghasilkan tenaga kerja yang berupaya dan bersifat inovatif, produktif dan kemahiran. Kepelbagaian kemahiran, kecemerlangan intelek, ketinggian nilai moral dan keteguhan jati diri

sepatutnya adalah hasil muktamad sistem pendidikan kita. Kekurangan buruh mahir akan memperlambatkan peralihan Malaysia ke ekonomi yang berdasarkan pengetahuan.

Untuk Malaysia melahirkan generasi masa hadapan yang berkemahiran, berketerampilan, berilmu dan beretika mulia yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan serta mewujudkan satu bangsa yang bersepadu oleh satu badan peperiksaan yang lebih *holistic* seperti mana langkah yang diambil oleh MPM adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri saya juga ingin memberi lagi satu pandangan saya kepada soalan Yang Berhormat tadi. Apabila murid-murid pergi ke IPTS dia pilih kursus-kursus yang ada *market*. Apabila di IPTA, masuk sahajalah. Masuk! Mana-mana bidang ada kosong, dia masuk. Tetapi bidang itu tidak boleh digunakan di *market*. Dengan izin, *they don't follow the market requirement. They go and take any subject they need and that is one of the reasons why they unable to get the job*, dengan izinlah. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yaakob tidak mahu lepaskan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat berkaitan dengan peperiksaan juga. Apa pandangan Yang Berhormat dengan sistem yang ada dengan peperiksaan dua jam atau tiga jam bagi satu-satu peringkat STPM ataupun SPM, kita sebagai ahli keluarga kadang-kadang terikut-ikut dengan ketakutan fobia, tentang status anaknya boleh lulus atau kecemerlangannya di peringkat mana. Dan apa pandangan Yang Berhormat dengan mengikuti peperiksaan tersebut, ada yang lulus cemerlang dapat menyambung pelajaran dan ada yang gagal. Dan apakah kriteria yang lebih baik masa tiga jam itu atau satu minggu itu menentukan modal insan atau kualiti pelajar itu yang lulus dan yang gagal.

Yang gagal itu ertinya masa depannya gelap kalau gagal peperiksaan. Kemudian apa pandangan Yang Berhormat, apa patut kita buat kepada mereka yang dinilai kerana peperiksaan tetapi hakikatnya pelajar itu baik, cemerlang dan bagaimana kita hendak hadapi pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran. Inilah yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu menjerus ke hala jenayah sosial dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih, saya tidak dapat memberi jawapan dengan sepenuhnya. Saya akan memberi jawapan setakat mana yang saya bolehlah. Dari pandangan saya seperti yang saya kata tadi peperiksaan itu perlu, baru kita dapat nilai seseorang. Oleh sebab ada peperiksaan, murid-murid itu rajinlah. Kalau tiada peperiksaan *I also go to school, I come back from school*. Macam itu sahaja dengan izin. Kalau kita perlu murid-murid yang cukup pandai, *they have to have exam*. Memang dalam ujian dua jam kita tidak dapat ujilah

sepenuhnya tetapi kita dapat uji sebahagiannyalah. Tuan Yang di-Pertua, macam jari kitalah bukan semua yang serupa panjang. Macam itu juga manusia, bukan sama pandai, ada yang banyak pandai dan ada yang bodoh sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya maklumkan kepada Yang Berhormat saya telah melalui peperiksaan dan saya dapat gred tiga apa Yang Berhormat hendak kata?

**Datuk M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada masa itu Tuan Yang di-Pertua dapat gred tiga tetapi sekarang gred A+++ . Kerana *you're the well learned man, very wide knowledge and we all have very high respect in regard to you*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, bukan mengenai saya. Mengenai peperiksaan.

**Datuk M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya belajar di *VI (Victoria Institution) leading school in the country at that time*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya juga dapat gred tiga. Mengapa saya dapat gred tiga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Kita sama.

**Datuk M. Ratnam:** Ha, sama. Saya juga dapat gred tiga Tuan Yang di-Pertua kerana saya anak orang banyak miskin. Saya tidak dapat pergi tuisyen manakala budak-budak lain semua pergi tuisyen. Walaupun saya dapat gred tiga, saya tidak berhenti. Selepas itu saya cari kerja *immediately after school, I got a job as a teacher*, dengan izin. Selepas itu hujung tahun saya masuk Tenaga Nasional pada masa itu *CEB (Central Electricity Board)*, 15 Disember sini habis pada awal Disember, sini dapat satu bulan punya gaji sini dapat setengah bulan. Oh! macam syurgalah pada masa itu.

Walaupun saya masuk dan kerja sebagai kerani, pada waktu malam saya pergi belajar *book keeping, intermediate* lulus sekali gus. *Intermediate, advance, secretarial, and i did a part of law also*. Jadi saya tidak ada buang masa saya hendak *improve myself* dengan izin, tetapi pada masa yang sama saya sudah masuk itu politiklah. Saya sudah dapat satu *scholarship* yang diberi *under Colombo Plan* dari *Australian Government*. Saya buat jawapan kepada soalan saya dapat markah yang tinggi 90 dan atas.

Apabila saya masuk MIC saya memberi perkhidmatan kepada orang ramai sikit demi sedikit saya sudah lepas. Ini pelajaran *accountancy* jika tidak, hari ini saya sudah akauntanlah. *I sacrificed my self to the community, by scarifying my education*.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya juga tertarik berkenaan dengan pandangan-pandangan yang diberi mengenai peperiksaan. Jadi sahabat kita telah berkata bahawa ada juga pelajar-pelajar yang gagal apa yang kita akan buat. Saya percaya sekiranya seseorang itu gagal dalam peperiksaan bukannya dia tak boleh maju dalam dia punya karier. Sekiranya beliau berusaha seperti Yang Berhormat Datuk Ratnam, kalau berusaha memang boleh maju tetapi perlu ada garis panduan, perlu ada bantuan. Oleh itu, cadangan saya - saya tak tahulah Yang Berhormat setuju atau tidak, sekiranya pelajar-pelajar yang tertinggal seperti ini atau gagal dalam peperiksaan itu kerajaan perlu mencari jalan untuk membantu

mereka memberi garis panduan kepada mereka supaya mereka boleh maju dalam karier mereka. Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya belum jawab dia punya soalan lagi, *I'll come to you* dengan izin. Orang yang gagal dalam peperiksaan bukan ertinya dia tidak boleh berjaya. Semalam saya ada baru dengar satu cerita dia gagal sampai LCE sahaja. Dia pergi kerja di satu kilang lepas itu dia jadi *boiler man*, tetapi budak itu pandai cakap dalam bahasa Mandarin fasal dia belajar darjah 1-6 di sekolah Cina. Jadi dia kerja di kilang Cina *boiler man* selepas itu, syarikat itu menubuh satu cawangan di Singapura dia juga di bawa ke sana dia sudah cukup pandai jaga itu *boiler*. Sekarang dia punya gaji saya diberitahu 5000 *Singapore Dollar*.

Jadi budak itu tidak pandai, dia gagal LCE, sekarang dia punya gaji lebih banyak daripada jurutera. Jadi kalau gagal peperiksaan jangan ingat *that is the ends of my life*, dengan izin. Sekarang kerajaan pun sudah ada banyak sekolah vokasional banyak keperluan diberi. Pergilah belajar sana tidak kena bayar, *free* kadang-kadang ada juga hostel dan makan juga *free*. Bila keluar dari itu *vocational school* banyak peluang untuk dapat kerja. Lagi satu kita pergi belajar sampai *form five* duduk peperiksaan ini itu, belajar sampai arkitek balik gaji 1500 atau 2000. Orang yang gagal darjah 6 atau LCE dia menjadi pemandu lori - gaji dia lebih pada 4000. Saya tahu ini kerana anak saya jaga saya punya syarikat, kita ada 20 lori lah. Pemandu itu boleh dapat RM4300, RM4500 yang rajinlah yang malas dapat RM2000 lebihlah *because we go on commission basic*. Jadi kalau gagal dalam peperiksaan sekolah ini bukan bererti dia tidak boleh berjaya dia juga ada harapan dia juga boleh berjaya. Apa soalan dari encik lupalah?

**Tuan M. Munusamy:** Itu kerajaan perlu memberi perhatian khas kepada pelajar-pelajar yang gagal mereka perlu diberi peluang dan beri garis panduan untuk maju dalam karier mereka.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih kerajaan sedang beri banyak peluang bukan kerajaan tidak beri peluang. Budak-budak kita tidak mahu pergi. Seperti itu Arumugam Pillai College yang ada di Nibong Tebal khas untuk budak-budak India. Oleh sebab budak-budak India tidak mencukupi kita tawarkan kepada yang bukan Indialah. *They must able to go*. Baru-baru ini, Ini satu cerita, Sungai Buloh seorang budak perempuan India dia pergi belajar di sekolah kebangsaan, peperiksaan darjah enam cemerlang. Dia dapat *Science College* di Kuantan, mak dia kerja sebagai buruh dan ayah ada kerjalah. Jadi bila saya dapat tahu saya pergi pujuk itu budak jangan susah hati saya boleh tolong awak, kasi awak punya *book list*. Saya bagi 1000 panggil dia belajar di Kuantan hostel dia pergi lepas satu minggu dia sudah balik.

Saya lalu sana saya tengok budak itu, apa pasal you balik? Saya pergi sana, semua budak orang Melayu. *First week* dia ada satu orientasi dia orang kacau macam-macam buat dia sudah takut. Lagi dia kata makanan bau, dia tidak biasa makan kalau dia tinggal sana dia susah dan dia sudah balik. Jadi saya pergi rumah nasihat kepada emak dia hantar baliklah. Dia kata

tak apalah, saya perlu saya punya anak. Nanti dia pergi sana dia tak dapat makan susah. Tak apa dia belajar sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam ada anak muda Malaysia yang idolanya David Beckham pergi Manchester United kemudian balik dia kata sebab tidak ada nasi.

**Tuan M. Munusamy:** Jadi inilah. Cerita banyak ini, bukan kerajaan tidak beri peluang, kerajaan ada beri peluang. Kita mahu mengambil kesempatan dan ikut. Itulah, dengan kata-kata ini....ok sila

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan izin saya nak ambil kesimpulan Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan perbincangan rakan-rakan saya tadi iaitu tentang perkara peperiksaan. Ada yang gagal dan ada yang berjaya. Ada yang gagal, tak semestinya gagal dalam hidup dan ada yang berjaya, kadang-kadang tak berjaya dalam hidup. Bagaimana kita mahu menggunakan kebijaksanaan saya. Saya nak ambil contoh Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini kalau wakil menteri tak mahu jawab tak apa ini sebagai contoh. Hari ini kita lihat bekas Perdana Menteri sendiri membuat kritikan kepada kerajaan yang ada pada hari ini.

Dan kita lihat hari ini menteri-menteri yang ada pada zaman bekas Perdana Menteri dan hari bekerja bersama-sama Perdana Menteri hari ini ini saya nak cakap kebijaksanaan. Jadi kita hairan apabila keputusan dibuat semasa bekas Perdana Menteri Dewan dan hari ini keputusan ini juga boleh jadi bawa kepada Perdana Menteri atau Kabinet. Yang menghairankan kita apabila bekas Perdana Menteri, Tun sendiri kritik Perdana Menteri kenapa menteri-menteri ini tidak boleh berjumpa dengan bekas Perdana Menteri menyelesaikan masalah kecil ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi apa kaitannya dengan peperiksaan ini?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Peperiksaan ini kebijaksanaan dia. Jadi tidak semestinya jadi menteri ini kita kata kita dah pandai. Kadang-kadang perkara yang kecil ini pun kita tak boleh, macam mana kita nak jadi pemimpin jadi hari ini kita rasa Perdana Menteri dah keseorangan kita baca akhbar hari ini maknanya beliau perlukan pertolongan. Apakah tidak boleh menteri ini jumpa dengan Tun selesaikan. Hari ini dalam akhbar kita tengok surat-surat rasmi kerajaan telah pun diedarkan dan satu dua tuduhan daripada bekas Perdana Menteri. Kalau ada 10 tuduhan adakah kerajaan hari ini nak dedah 10 surat rasmi kerajaan? Ini akta-akta rahsia sampai bila harus berlarutan? Jadi kita minta menteri-menteri kabinet yang ada pada hari ini keseluruhan buatlah rombongan jumpa bekas Perdana Menteri selesaikan masalah yang kecil ini. Kalau tak boleh selesai masalah kecil ini, saya ingat kita fikir mereka ini pun fikir dua kali kalau nak jadi menteri. Apa pandangan Yang Berhormat ?

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Itu pandangan Yang Berhormat Dato' Musa. Jadi seperti yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi MIC tidak mahu campurlah ini.

**Datuk M. Ratnam:** Ini MIC bukan...memang itu tepatlah...tepat, saya hendak *winding* sikit Tuan Yang di-Pertua tepat. Tetapi seperti...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Presiden MIC juga Menteri Kabinet semasa Tun ada, dan hari ini juga beliau menjadi menteri. Tanggungjawab beliau juga ada untuk negara. Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Musa, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, mungkin menteri dapat jawablah. Ini pun saya ingat keluar daripada subjek yang kita kupaskan sekarang. Dengan ini saya mohon menyokong. Tuan Yang di-Pertua terima kasih, sebelum saya undur saya ingin memberitahu mungkin ini kali yang ke *last* saya bahas di Dewan yang mulia ini kerana tempoh saya akan tamat pada 11 Ogos nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak hari lagi bersidang.

**Datuk M. Ratnam:** Mungkin tidak dapat peluang ke apa ke. Jadi saya ucap terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, terutama sekali kepada Tuan Yang di-Pertua. *Very honestly I love you very much*, dengan izin. *You're the good guardian*, dengan izin, imej Dewan Negara telah pun naik. Jadi, saya tidak tahu macam mana hendak cakaplah, kalau dalam bahasa Inggeris senang sikitlah. *Your very firm to the point, knowledgeable, and you make us feel happy and feel like home* dengan izin. Kalau saya ada kata apa-apa yang menyusahkan hati sahabat-sahabat saya, saya mohon maaf, mohon maaf. Saya sayang Dewan ini, walaupun saya akan ada di luar, saya akan sentiasa datang sini, jumpa sahabat-sahabat saya juga Tuan Yang di-Pertua yang kita semua sayangi. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasihlah Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat buat saya tersipu-sipu. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**12.32 tgh.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda akta Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Sebelum daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat gred tiga, apa penilaian. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya pun lebih suka sebenarnya perkataan Majlis Peperiksaan Malaysia ini ditukar kepada perkataan Majlis Penilaian Malaysia. Sebab bila sebut peperiksaan ini dia sudah jadi macam *taboo* dengan izin, menakutkan orang sehingga akhirnya menimbulkan apa yang dikatakan sebagai *exam oriented* ini dan ini menyebabkan kadang-kadang timbullah soal kebijaksanaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi, iaitu apakah tujuan peperiksaan kita sebenarnya.

Ini cukup menarik sebenarnya untuk diperkatakan. Walau bagaimanapun dalam membahaskan Rang Undang-undang ini saya ingin menyentuh hanya kepada Seksyen 7 perkara (5) dan (6) yang sebenarnya tujuannya untuk memperluaskan fungsi MPM supaya MPM ini dapat

mengendalikan peperiksaan-peperiksaan yang bukan bersifat akademik, iaitu tidak ada kena mengena dengan PMR, UPSR, STP, hendak masuk universiti, matrikulasi dan sebagainya.

Dan saya rasa memang sudah sampai masanya MPM ini mengendalikan peperiksaan-peperiksaan ini yang bukan akademik ini. Biar MPM yang menyelaraskan supaya berlaku apa yang disebut sebagai kualiti kontrol. Dan sampai kepada matlamatnya, terutamanya dalam peperiksaan-peperiksaan seperti Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Peperiksaan Profesional atau pun mengadakan peperiksaan-peperiksaan khas untuk tujuan-tujuan tertentu, untuk pelantikan-pelantikan tertentu.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, tentang peperiksaan khas ini, kita ramai mengambil *expatriate-expatriate* dari luar untuk bekerja di negara kita dan kadang-kadang mereka memegang jawatan-jawatan yang penting. Sebagai contohnya barangkali dalam MAS, orang-orang seperti ini juga perlu diberikan peperiksaan khas, iaitu penilaian khas supaya mereka faham budaya kita, mereka faham cara kita, supaya mereka hormat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bila saya ke Cyprus, saya dapat berjumpa dengan *consulate* terhormat kita yang dipanggil sebagai *honorary consulate*. Maka apakah kriteria pelantikan dia ini. Saya rasa orang seperti ini juga perlu menduduki satu peperiksaan atau pun penilaian, supaya dia faham budaya kita, supaya bila dia bercakap dengan kita, maka dia tidak menimbulkan isu-isu yang sensitif. Terutamanya bila kami empat orang Ahli Dewan Rakyat ini, seorang Ahli Parlimen dari Cameron Highlands, daripada agama Hindu, saya daripada Islam, Dato' Lim Bee Kau seorang Buddha dan Datuk Ronald Kiandee seorang Kristian. Jadi kalau dia sebagai seorang konsulat terhormat faham tentang budaya kita, sudah tentulah dia mengelak bercakap benda-benda yang sensitif. Sebab itu saya kata bahawa sudah sampai masanya dan saya amat setuju dengan pindaan ini, iaitu bahawa MPM juga boleh mengendalikan peperiksaan-peperiksaan yang non-akademik ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia itu orang Cyprus Greek atau orang Cyprus Turki?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Greek Cyprus. Dan dialog itu pun Tuan Yang di-Pertua ialah *interface* dialog sebenarnya, perkara yang sensitif. Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengharapkan dan ini adalah satu keputusan yang baik sebenarnya. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini banyak syarikat-syarikat GLC, dan ramai yang memimpin syarikat-syarikat GLC ini adalah orang-orang muda yang berkelulusan tinggi. Tetapi kalau mereka ini tidak dinilai dari segi patriotismenya, nasionalismenya, kefahamannya tentang sejarah negaranya sendiri, dan dia tidak faham tentang obligasi sosial dalam negaranya maka sudah tentulah akhirnya matlamat kita mewujudkan GLC ini, supaya GLC ini menjalankan tugas-tugas lain, yang lain tidak akan tercapai. Dan akhirnya nanti mungkin kerana tidak ada patriotismenya itu, syarikat GLC ini pun boleh terjual kepada syarikat asing.

Dan kita memang sekarang ini sudah jadi banyak isu, banyak GLC yang rugi, banyak GLC yang sahamnya dibeli oleh syarikat-syarikat asing, sebab bagi dia bila dia memimpin GLC

tujuannya hanyalah untuk mencari untung sahaja. Sebab dia tidak dinilai patriotismenya itu, nasionalismenya. Bahkan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri ini pun kena ada penilaian juga, cara hendak menjawab di Parlimen, berkhemah ke, berhelah ke, tidak jawab langsung ke atau pun tidak payah datang, bagi kementerian lain tolong jawabkan. Ini satu contoh, bukan saya kata mesti di buat, tetapi satu contoh bagaimana bahawa kadang-kadang perkara ini, peperiksaan khas perlu diperluaskan untuk tujuan-tujuan, memperbaiki apa yang dikatakan sebagai minda kelas pertama di negara kita.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang penilaian jawapan dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin buat satu contoh, saya pertikai soal MAS dan Air Asia, ini penilaian atas Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh. Saya tanya, Timbalan Menteri menjawab bahawa tidak ada permainan silap mata di antara MAS dan Air Asia, jawab dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi selepas itu, bulan lepas MAS sendiri, pihak atasan MAS sendiri menyatakan bagaimana mereka mahu majukan MAS kalau kaki tangan mereka diikat. Dan seorang lagi jawab iaitu Pengarah Urusan MAS sendiri Encik Idris Jala, menyatakan bahawa sembilan puluh *route* yang diberi kepada Air Asia itu, beliau sanggup ambil balik kalau kerajaan setuju. Maksudnya jawapan yang diberi dalam Dewan sendiri tidak betul, saya setuju apa yang Yang Berhormat cakap tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya kalau hendak dijawab dari segi peperiksaan saya boleh jawablah, tetapi saya hendak mencari ruang macam mana saya hendak kaitkan persoalan itu dengan masalah peperiksaan. Cuma saya mengharapkan tadi Yang Berhormat kalau hendak tanya, tanyalah, maksudnya saya setuju ke atau tidak setuju peperiksaan ataupun penilaian khas dibuat kepada setiausaha Parlimen atau timbalan menteri cara hendak menjawab soalan dan sebagainya. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya buat andaianlah, saya mengikuti perbahasan ini sama ada andaian saya itu tepat, adakah seolah-olah sekarang ini Dato' Musa korek lubang, Yang Berhormat takut jatuh ya? *[Ketawa]*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tidak begitu, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya sukalah persoalan seperti itu, persoalan yang tujuannya ialah untuk itu yang saya kata tadi bahawa saya setuju perkataan "peperiksaan" ini diubah kepada "penilaian", sebab kita memang sebenarnya hendak mewujudkan satu generasi minda kelas pertama dan saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apa juga punca masalah kita sekarang ialah cara kita menilai seseorang itu. Sebab itulah nanti saya pun hendak menyebut tentang peperiksaan PTK ini sebab apakah

sebenarnya ia benar-benar melahirkan generasi yang benar-benar mempunyai standard yang tinggi. Yang ini yang timbul masalah.

Sebab itu saya kata tadi bahawa bila ada kementerian lain yang tolong jawab, kita ada soalan tambahan, dia jawab pula dia kata saya akan berikan jawapan bertulis sebab itu bukan di bawah kementeriannya. Maka ini yang saya kata yang kita rasa tidak puas hati.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan persoalan peperiksaan khas tadi ini ialah kerana kita banyak contoh seperti GLC ini. GLC ini maksudnya yang memimpin bukanlah orang yang calang-calang – mereka yang berkelulusan daripada Ivy League, mereka yang berkelulusan daripada *top ten university*, (Ostrich) dan sebagainya. Tetapi akhirnya kita lihat, katalah macam Telekom sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, 5% daripada sahamnya sudah pun dibeli oleh Temasek. Bukan maksudnya kita dengar jawapan bahawa dibeli daripada *open market*, dengan izin, tetapi rupa-rupanya dibeli kerana Khazanah sendiri yang menjual 5% itu kepada Temasek. Dan siapa yang duduk dalam Khazanah? Mereka seperti inilah.

Sebab itu saya kata bahawa kadang-kadang penilaian terhadap patriotisme mereka itu, penilaian terhadap nasionalisme mereka, kecintaan kepada negara sebab ini soal maruah. Kita sekarang ini sudah bercakap soal maruah, iaitu kita tidak hendak beri ruang udaralah, kita tidak hendak bagi pasirlah dan sebagainya kerana maruah. Sebab itu saya kata memang sampai masanya dan saya berharap jika sekiranya Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ini memohon kebenaran menganjurkan peperiksaan-peperiksaan seperti ini mestilah diberikan sokongan. Banyak perkara lain yang perlu diberikan perhatian dalam peperiksaan khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal peperiksaan perkhidmatan awam ini, PTK di bawah Skim Saraan Malaysia (SSM) ini, kita dengar banyak kompelin tentang PTK bahkan CUEPACS pun banyak menegur tentang PTK ini. Memang PTK ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya sudah 500 ribu lebih orang sudah ambil tetapi ada 400 ribu lebih sahaja yang lulus sedangkan mereka ini kebanyakan sudah berkhidmat begitu lama dalam perkhidmatan awam. Itulah saya katakan tadi bila peperiksaan ini dilihat dari segi *exam-oriented*, dijadikan sebagai satu '*taboo*', mereka tidak lulus, mereka tidak boleh naik pangkat, maka akhirnya saya melihat seolah-olah PTK...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak kaitkan dengan rang undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa peperiksaan sedemikian rupa boleh dikendalikan di bawah kuasa-kuasa yang diminta ini?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya. Sebab tadi apa yang saya faham, timbalan menteri ada menyebut peperiksaan seperti perkhidmatan. Jadi bagi saya PTK melibatkan soal perkhidmatan awam. Sebab itu saya harap PTK ini kalau boleh juga MPM yang mengambil alih ataupun sekurang-kurangnya pandangan, nasihat mereka supaya PTK ini benar-benar berkualiti. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan persoalan ini ialah kita tidak mahu kakitangan

kerajaan kita, sebab tujuan PTK ini ialah supaya jangan berlaku pilih kasih dalam soal kenaikan pangkat supaya pertimbangan itu adalah pertimbangan berdasarkan prestasi.

Sebab itu saya harap PTK ini bukan kerana peperiksaan, bukan objektif dan sebagainya tetapi peperiksaan yang menilai tahap kefahaman mereka yang kita boleh menilai kelompok mana mereka berada dan mereka ini sebenarnya semakin mempunyai motivasi untuk terus berjaya sebagai kakitangan kerajaan. Itu yang saya fikir tujuan PTK. Sebab itu ia sepatutnya tidak bersifat *exam-oriented*. Sebab itu saya fikir permasalahannya ialah jika sekiranya ia dikendalikan oleh MPM, mungkin masalah-masalah seperti ini dapat kita atasi.

Seperti mana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, CUEPACS ini sebenarnya mengatakan seolah-olah PTK ini sudah tidak relevan, tidak sesuai. Ia sebenarnya lebih menghalang. Sebab itu timbul soal kegagalan. Orang yang gagal ini apa jadi? Sepatutnya bagi saya, penilaian ini bukan lagi dalam peperiksaan berbentuk *clause ended*, Tuan Yang di-Pertua tetapi sepatutnya dalam bentuk ia pula yang menimbulkan persoalan. Ia mencabar daya intelek dan sebagainya. Ini lebih sesuai dalam persoalan PTK ini. Tetapi jika sekiranya dia ambil peperiksaan, dia sudah bekerja lama, kemudian dia gagal, dia tidak boleh naik pangkat, sebenarnya membunuh daya kreativitinya.

Inilah yang timbul. Orang yang gagal ini hendak ke mana perginya? Tetapi oleh kerana saya bukan menyentuh soal peperiksaan akademik, maka saya tidak hendak menjawablah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Munusamy tadi tetapi dalam soal perkhidmatan ini yang tujuannya ialah untuk kenaikan pangkat, akhirnya yang tujuannya supaya tidak berlaku pilih kasih, penindasan dan sebagainya, maka akhirnya membawa kesan yang lebih buruk daripada itu. Jadi...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yes.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih. Saya tertarik tentang isu yang dibangkitkan oleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat rela supaya menjawab dan menggulung pada sebelah petang sebab perbahasan menarik dan begini minat sekali.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mematuhi arahan. Jika perlu saya jawab sebelah petang, saya tetap di sini. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tukar sedikit ungkapan bukan patuhi arahan, Yang Berhormat akur kepada prosiding Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Untuk itu saya rakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk. Isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi tentang

peperiksaan PTK, saya lihat rata-rata dari segi maklum balas yang diterima dari kalangan sahabat-sahabat dalam perkhidmatan awam baik pun dalam perkhidmatan perguruan, nampaknya satu yang timbul, niat ataupun hala tuju kerajaan amat baik, yang mana diilhamkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari segi sistem kenaikan pangkat, tetapi implikasi dan impaknya harus juga diambil kira kerana ianya akan mewujudkan satu tekanan, *stress* kepada mereka yang telah mencapai usia 40-an ke 50-an. Apatah lagi untuk mengikuti perkembangan yang begitu canggih pada hari ini dari segi isu-isu semasa dalam sistem perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat kerana peringkat tiga tahun yang lalu ujian-ujian PTK ini melahirkan kegagalan yang banyak. *Percentage* yang lulus amat sedikit iaitu sekitar antara 30%. Jadi di sini kajian perlu diambil kira apakah PTK itu masih relevan ataupun diperlukan kerana ujian dalam bentuk peperiksaan ini di peringkat perkhidmatan awam baik apa-apa perkhidmatan termasuk perguruan ataupun polis, ianya menimbulkan *stress* yang tidak sepatutnya wujud.

Jadi seharusnya pihak kerajaan memikirkan bagaimana cara *skill* ataupun prestasi dalam menjalankan tugas itu diambil kira daripada menguji otak ketika mengambil peperiksaan, kerana kesan kebaikan kepada perkhidmatan awam ataupun apa-apa perkhidmatan yang terlibat dalam PTK menampakkan positifnya kurang daripada negatifnya.

Apakah Yang Berhormat setuju kalau saya bukan hendak memperjuangkan perkhidmatan awam hampir satu juta ataupun polis ataupun tentera ataupun apa-apa perkhidmatan, tetapi unsur peperiksaan ini pada sayalah lebih menimbulkan kesengsaraan kerana mereka bawa pulang, sudah di pejabat hendak kena *study-study*, di samping fail-fail yang menimbun di samping *backlog* kasih sayang mesra dengan keluarga terpaksa dikorbankan kerana fasal *study* dan perlukan mereka hanya pergi mengikuti kursus dengan menambahkan ilmu pengetahuan dengan pensyarah-pensyarah yang *expert* daripada mengambil peperiksaan, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu, penjelasan yang diminta oleh seorang ahli yang sekarang kita dapat saksikan jadi *specialist* perkhidmatan awam. Setiap soalan, setiap ucapan banyak menyentuh soal perkhidmatan awam. Apa Yang Berhormat hendak kata?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sebenarnya apabila Datuk menyebut tadi, dia kata daripada kita buat peperiksaan, lebih baik kita buat dalam bentuk kursus. Saya rasa ini satu perkara yang menarik, sebab itu saya kata lebih baik sebenarnya perkataan peperiksaan ini ubah pada penilaian dan saya memang sebut daripada awal tadi bahawa PTK ini memang menjadi satu bebanan Tuan Yang di-Pertua. Ia sudah menjadi *exam oriented* dan menjadi macam satu perkara yang menakutkan dan kadang-kadang soalan itu tidak sesuai pun dengan kerja mereka. Kalau seorang doktor, kalau seorang doktor

ambil PTK, soalan tidak berkaitan dengan dia pun, buat apa? Jadi lebih baik diubah kepada penilaian dalam bentuk lain.

Pergi kursus, buat program-program *outreach, community service* dan sebagainya yang mana meningkatkan lagi motivasi mereka, komitmen mereka terhadap negara, membentuk sahsiah mereka, keperibadian mereka dan minda kelas pertama. Itu yang saya kata bahawa, memang wajar pindaan ini dibuat supaya kita melihat lebih jauh daripada itu kepada peperiksaan-peperiksaan seperti ini. Sebab Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah CUEPACS sendiri pun, kalau saya baca laporan CUEPACS, CUEPACS sendiri pun tidak puas hati tentang PTK ini, tidak relevan dia kata. Membebankan, menyusahkan dan akhirnya membunuh daya saing mereka, daya kreativiti mereka. Bukannya soalan-soalan itu berbentuk analisis yang sesuai dengan pegawai kerajaan, dia objektif yang menyebabkan di berfikir dalam kotak. Saya dengar Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad semalam sebut, kita patut menggalakkan mereka ini berfikir di luar kotak, bukannya maksudnya berfikir di dalam kotak.

Ini yang menyebabkan barangkali, akhirnya membawa kesan kepada cita-cita kerajaan dari segi soal *delivery system*. Sebab mereka ini sudah diasuh dengan peperiksaan daripada awal, berfikir dalam kotak dan akhirnya matlamat kita, soal *delivery system* ini tidak tercapai, sila.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya, boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah pun memberi laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih. Saya ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Saya juga bekas pekerja perkhidmatan awam, jadi saya tahulah apa dia peperiksaan dalam perkhidmatan awam seperti yang telah dirujuk oleh Yang Berhormat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini PhD sama PhD ini.....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat sama-sama PhD tidak perlu tanya.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ingin bertukar fikiran Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan perkataan penilaian daripada peperiksaan-peperiksaan kerana ia membawa bentuk teori peperiksaan. Tetapi penilaian mempunyai sifat kuantitatif dan kualitatif itu yang amat penting sekali ialah kualitatif, terutama sekali kepada mereka yang sudah pun bertugas menjalankan tanggungjawab yang sedia ada, bukan daripada sekolah hendak masuk ke satu pekerjaan yang baru. Sama ada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bersetuju dengan saya supaya penilaian itu ada juga mengambil bentuk *self-assessment, self-evaluation* dengan izin.

Maknanya kalau peperiksaan semata-mata, ia selalunya berbentuk teori. Saya teringat dahulu masa saya bekerja dalam kakitangan awam, soalan yang diajukan termasuklah kalau kita hendak buat *claim* dari satu *point* ke satu *point*, berapakah jumlah hendak dibayar. Itu *clerk* saya yang buat, kita tidak payahlah jawab itukan. Jadi sekarang ini ialah berasaskan segala falsafah yang terdapat dalam RMK-9, sistem *delivery* umpamanya. Mereka harus dinilai dan menilai diri

mereka sendiri tentang prestasi mereka terhadap membawa ataupun menjurus kepada pencapaian RMK-9 umpamanya. *Delivery system*, ukuran prestasi mereka, penilaian prestasi mereka, harus berasaskan pada umpamanya berapa lamakah mereka mengambil masa untuk memproses sesuatu permohonan. Berapa lamakah mereka mengambil masa untuk menjamin pembayaran kontraktor-kontraktor yang menjadi masalah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** *Performance driven*....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** *Performance driven* dan lagi pun kalau berbentuk teori ini, selalunya orang yang menghafal, yang membaca mungkin lulus. Tetapi mereka yang benar-benar menjalankan kerja yang realitinya adalah lebih berkesan, mungkin tidak mendapat pencapaian tinggi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, sebenarnya ini perkara yang penting Tuan Yang di-Pertua. Iaitu bahawa sepatutnya itu saya kata bahawa, kita sudah terbawa dengan orientasi lama sebenarnya tentang peperiksaan ini, iaitu tujuannya lebih hendak mendera, bukan tujuannya seperti mana yang saya sebut tadi ialah untuk menganalisis untuk melihat keupayaan diri dan dengan tujuan untuk menilai prestasi. Jadi akhirnya kita ini Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada pendekatan lama yang menyebabkan tidak berlaku peningkatan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi dalam sistem kita yang terlalu banyak birokrasi yang belum dapat kita rungkai Katalah di pejabat tanah, tempat yang cukup birokratik ini, sebab itu kadangkadangkang orang memohon hendak menukar *title* tanah dia pun, tiga empat tahun dan kita faham bahawa memang manusia ini berasal daripada tanah, jadi apabila soal tanah ini, dia akan jadi lambat.

Dia akan macam-macam. Bahkan keluarga pun boleh gaduh fasal tanah, tetapi inilah *delivery system* yang paling rumit yang masih belum dapat diselesaikan yang masih mengganggu pemikiran kita ialah di pejabat tanah. Sebut apa sahajalah. Jadi sebab itu, jika sekiranya orang yang bertugas di situ, penilaian mereka sendiri masih tidak mengajak mereka melihat prestasi mereka, dan dia tidak melihat dari segi kerja dia, bagaimana lambat dan sebagainya. Kerana dia tidak didorong penilaian itu untuk melihat pekerjaan dia sendiri. Maka sebab itu tidak akan berlaku perubahan. Sebab itu saya mengatakan bahawa, orientasi kepada Majlis Peperiksaan Malaysia, MPM ini, perlu dirombak daripada awal lagi, sampailah ke peringkat perkhidmatan awam ini. Jika tidak, berbangkitlah seperti mana yang dikatakan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya bertanya sedikit? Yang Berhormat bercadang untuk berucap agak berapa lama lagi?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya ingat saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, berapa lama nanti selepas kita sambung?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Dalam 15 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** 15 minit. Bolehkah saya dapat tahu siapa lagi yang hendak berucap dan supaya kita berlaku adil kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agak berapa lama memerlukan.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** 10 minit. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit. Ada lagi? Ok, Yang Berhormat boleh bersedia untuk menggulung dan menjawab dalam lingkungan pukul 3 begitu. Kita perlu beri notis supaya orang yang menjawab dan menggulung dengan lebih memuaskan hati kita, silakan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan dengan apa yang disebut oleh Datuk Yaakob tadi kerana beliau membangkitkan satu perkara yang menarik perhatian saya juga iaitu soal penilaian ini, iaitu beliau menyebut tentang kursus, mungkin program motivasi ataupun seminar dan sebagainya. Ini saya rasa satu cara yang lain daripada yang lain dalam kita hendak menilai prestasi mereka dan saya rasa ini cukup menarik untuk diberikan perhatian sekurang-kurangnya dalam soal perkhidmatan awam ini supaya di situ bukan sahaja sebenarnya dia memotivasikan dirinya sendiri, tetapi dia mendapat ilmu sebenarnya. Ilmu dia bertambah, pengetahuan dia bertambah, perhubungan dia, barangkali maksudnya apabila dia buat dalam bentuk LDK, membincangkan tentang soal *delivery*.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup masa. Mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri hendak membangkitkan Peraturan Mesyuarat.

### **MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 yang dijadualkan nombor 2 dalam aturan Mesyuarat hari ini, diturunkan ke nombor 8”.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah suatu Usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

*Majlis Mesyuarat disambung semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi sila sambungkan ucapan.

**2.33 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneruskan kembali apa yang saya perkatikan di peringkat awal tadi iaitu mengenai dengan Peperiksaan Perkhidmatan Awam khususnya PTK ini iaitu Penilaian Tahap Kecekapan. Namanya pun sebenarnya ialah mengenai dengan tahap kecekapan. Oleh kerana itu, saya fikir kita wajar memberi ruang kepada MPM ini untuk terlibat dalam peperiksaan-peperiksaan seperti ini supaya peperiksaan ini benar-benar menepati kepada kehendaknya.

Dan saya ingin berbalik kepada pandangan yang dikemukakan iaitu bahawa apabila kita mengadakan penilaian ini, tahap kecekapan ini, mestilah berkaitan dengan apa yang mereka terlibat di dalam pekerjaan mereka. Kalau kita hendak bagi *percent* pun tak apa. Mungkin maksudnya 75% iaitu mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan kerja dan 25% barangkali dengan yang berkaitan dengan pengetahuan umum.

Tetapi yang paling penting ialah supaya penilaian-penilaian seperti inilah memberi ruang kepada mereka untuk bertanya kepada diri mereka sendiri, membuat *assessment* kepada diri mereka sendiri dari segi kecekapan mereka dalam pekerjaan mereka. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam mengumumkan tentang projek RM15 bilion yang melibatkan 880 projek. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pengumuman tersebut dan jelaslah bahawa tidak benarlah yang mengatakan bahawa sekarang ini dah tak ada projek, orang dah tak boleh nak buat apa, kerajaan tak keluar *business* dan sebagainya.

Dengan pengumuman itu jelaslah bahawa sebenarnya kerajaan memang nak *spin* ekonomi kita. Tetapi yang menjadi isu sekarang ini ialah soal *delivery system*. Jadi ini yang kita katakan tadi bahawa, kalau sekiranya kakitangan ini dalam penilaian mereka ketika kita menilai mereka, yang mana mereka memahami bidang tugas mereka yang mereka sedar tentang di mana tahap kecekapan mereka, permasalahan mereka.

Maka sudah tentulah tidak timbul soal *delivery system* dalam projek yang sebegini besar iaitu RM15 bilion ini supaya tidak berlaku ketirisan, tidak berlaku kebocoran, tidak ada orang yang hendak *sub* dan sebagainya dan macam-macam lagi yang akhirnya manfaatnya tidak boleh dirasakan oleh kontraktor kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi berbalik kepada perkara pokok. Kita berhadapan dengan masalah. Masalah kita ialah satu rang undang-undang. Bila rang undang-undang dikemukakan, bermakna kerajaan minta kuasa. Kadang-kadang orang minta kuasa ini macam orang minta duit. Dan kadang-kadang dia belum tahu apa yang dia hendak buat dengan duit, dia dah minta duit. Jadi persoalan pokoknya sekarang, kuasa yang diminta ini, wajar tak wajar pada pertimbangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu di peringkat awal tadi saya kata saya bersetuju tentang pindaan ini sebab dia sebenarnya membuka ruang kepada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan yang selain daripada akademik yang mana sekarang ini menimbulkan banyak persoalan dan banyak kritikan dan teguran seperti perkhidmatan awam tadi. Yang saya lihat CUEPECS lebih banyak mengkritik tentang peperiksaan PTK ini.

Jadi, bagi saya wajar iaitu kerana dengan cara ini, biarlah satu badan yang lebih profesional seperti MPM yang sudah ada pengalaman ini diberikan tugas tersebut supaya peperiksaan-peperiksaan seperti PTK ini lebih mempunyai kualiti yang lebih baik, lebih tinggi dan menepati kepada kehendak kita untuk melahirkan minda kelas pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat berkehendakkan kuasa yang diminta itu digunakan di situ?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Dengan izin, ya Tuan Yang di-Pertua. Sebab bagi saya itulah kenapa saya menyokong Rang Undang-undang ini terutamanya seksyen 7 ini, kerana melihat permasalahan sistem penilaian kita ini masih di takuk lama. Tapi Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun saya berharap MPM sendiri pun seperti mana yang saya katakan tadi, wajar melihat orientasi keseluruhan maksud peperiksaan itu.

Jangan pula mereka terbawa-bawa sistem peperiksaan dalam akademik seperti SPM, PMR itu digunakan pendekatan yang sama dalam Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang bersifat *close-ended* dan sebagainya, objektif dan sebagainya yang akhirnya tidak dapat sebenarnya sampai kepada maksud kita untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam Peperiksaan Perkhidmatan Awam ini.

Itu yang saya maksudkan. Sebab itu saya lebih suka tadi bila disebut barangkali perkataan peperiksaan itu pun diubah kepada Majlis Penilaian Malaysia ataupun apa-apa yang lebih sesuai yang menyebabkan kita faham apa sebenarnya fokus kita dan matlamat kita dalam menyediakan peperiksaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang paling penting sekarang ini ialah peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh badan profesional ini. Yang harus juga perlu diberi perhatian. Sebagai contohnya seperti CLP. Kita sering mendengar masalah kebocoran soalan dan sekarang ini apa yang saya faham, ini pun sudah menjadi kes mahkamah.

Kerana itu saya kata tadi bahawa barangkali kita juga harus memikirkan peperiksaan-peperiksaan seperti ini, ini saya mengambil contoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna kuasa yang diminta ini boleh digunakan juga bagi pada pertimbangan Yang Berhormat dalam bidang tersebut.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Sebab dia sebut bukan akademik? Dan ini CLP bagi saya tujuannya lebih kepada soal profesion mereka iaitu untuk mereka diiktiraf sebagai seorang peguam. Jadi, sebab itu saya kata biarlah peperiksaan ini juga dikendalikan ataupun sebenarnya MPM diminta pandangan dan nasihat mereka untuk mengendalikan peperiksaan seperti ini supaya CLP ini juga tujuannya nanti supaya mereka yang terlibat dalam profesion ini.

Ini saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, iaitu bahawa supaya mereka ini juga mempunyai *value added* dengan izin, perkara-perkara yang lain terutamanya soal budaya dan sebagainya tidak semata-mata terlalu akademik dan yang melibatkan kepada bidang perundangan sahaja tetapi menyeluruh kepada kefahaman mereka yang lebih menyeluruh sebenarnya. Jadi, banyak lagi peperiksaan-peperiksaan seperti itu. Kadang-kadang kita melihat ada pekerjaan-pekerjaan dan kadang-kadang kita perlu membuat penilaian terhadap mereka. Sebagai contohnya barangkali mereka yang bekerja sebagai Jururawat.

Kita perlu menyediakan penilaian supaya mereka ini faham bidang tugas mereka supaya mereka ini memberikan layanan yang lebih mesra kepada pesakit kepada orang ramai dan sebagainya sebab di sini tempat-tempat yang selalu menimbulkan teguran, kompelin daripada orang ramai. Barangkali kerana mereka ini tidak dinilai tentang tahap kecekapan. Jadi, kalau boleh MPM juga menyediakan peperiksaan penilaian-penilaian yang sesuai untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir oleh sebab timbul soal persoalan-persoalan pendekatan tadi maka keseluruhan orientasi yang ada kepada Majlis Peperiksaan Malaysia ini baik dalam mengendalikan peperiksaan-peperiksaan non akademik seperti perkhidmatan, profesional ataupun peperiksaan akademik sendiri perlulah diubah orientasinya jangan terlalu *outdated* ya, sebab kita ini kadang-kadang terlalu dipengaruhi oleh *British oriented* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, patut barangkali kita lebih mengambil apa yang dikatakan pendekatan *American oriented* kerana *American oriented* ini dalam sistem peperiksaan ialah mencabar daya intelek.

Sebab itulah soalan-soalan mereka dia berbentuk seperti huraikan, jelaskan, bincangkan ya, bukannya soalan-soalan objektif ya, yang *open ended* seperti mana yang saya sebut sebelum daripada ini. Iaitu yang membuka minda mereka. Maka keseluruhan daripada sistem penilaian kita itu perlu dirombak sebenarnya iaitu jangan lagi seperti mana yang kita sebut sebelum daripada ini iaitu peperiksaan yang lebih bersifat tabuh yang menakutkan yang timbul persoalan perkataan gagal.

Kalau gagal dia tak boleh ke mana seperti yang disebut di peringkat awal tadi. Iaitu peperiksaan yang sebenarnya yang membuka minda maksudnya yang saya sebut di peringkat

awal tadi iaitu kita berfikir di luar kotak itu sendiri iaitu yang menggalakkan mereka bertanya soalan kembali.

Maka keseluruhan orientasi peperiksaan yang digunakan MPM mestilah berubah juga dengan pindaan yang kita ini iaitu bahawa kita perlukan peperiksaan yang sebenarnya yang menjadikan rakyat Malaysia ini adalah rakyat yang mengamalkan budaya berfikir yang menggunakan daya intelek mereka ataupun yang disebut sebagai apa ni, manusia galah panjang ni, *quantum leap* yang jauh ke hadapan pemikiran mereka. Dan saya rasa ini paling penting sebenarnya jangan lagi kita menggunakan pendekatan peperiksaan yang lama. Baik untuk perkhidmatan awam, baik profesional ataupun yang akademik sekalipun sebenarnya kita tidak boleh terikat dengan yang lama.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa MPM ini untuk menjaga imejnya maka soal kualiti kontrol ini cukup penting ya, kadang-kadang kita lihat ada soalan-soalan yang silap kandungannya, kadang-kadang memberikan contoh-contoh yang silap ataupun kadang-kadang contoh-contoh yang boleh menyinggung perasaan kita. Kita pun baru sahaja semalam melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh soal fakta-fakta sejarah.

Tapi, bagi saya kalau sekiranya ada soalan-soalan yang tujuannya untuk meningkatkan patriotisme, nasionalisme kita, kefahaman sejarah. Bagi saya biarlah maksudnya kita menggunakan fakta-fakta yang sudah menjadi sejarah, kenapa kita harus takut dengan fakta yang sudah menjadi sejarah. Sebagai contohnya katalah kita ingin bertanya tentang kefahaman mereka tentang keselamatan, kita tanya tentang Bukit Kepong apa salahnya soalan-soalan seperti itu dikemukakan untuk mereka bincang. Apakah kesannya kepada generasi masa depan dan sebagainya.

Kenapa kita takut dengan fakta sejarah, kenapa kita takut dengan fakta-fakta itu yang tujuannya kalau kita guna dengan baik untuk mereka berfikir, menghurai, menjelaskan, bukan berbentuk objektif maka ini akhirnya kita sampai kepada matlamat. Bahawa peperiksaan itu sebenarnya bukan kerja untuk menghafal tetapi untuk menghayati, memahami dan menjadikan satu komitmen kepada kita untuk melakukan sesuatu perubahan.

Jadi saya harap maksud *quality control* ini perlu dijamin oleh MPM, terutama jangan ada soalan-soalan bocor dan kita baru-baru ini kita tengok sebagai contoh ada dibangkitkan tentang soalan yang cuba dikaitkan dengan manusia yang masih hidup tetapi boleh membawa fakta yang salah kemudian menyinggung perasaan.

Saya ambil contoh apa ni, Tuan Yang di-Pertua, tapi soalan ni lebih pada peperiksaan akademik dia ambil contoh tentang tak salah saya Mawi kah, apa, sebagai contohnya 'putus tunang' lebih kurang begitulah. Jadi, benda tu, seolah-olah memang betul tetapi kalau pelajar baca kemudian orang yang hidup itu tahu maka menyinggung perasaan. Kenapa mesti diambil contoh-contoh seperti ini, sebagai contohnya ya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang, kadang-kadang fakta sejarah walau pun fakta boleh dijadikan helah untuk cari gaduh.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, itu benar tetapi itu saya kata tadi bagaimana sejauh kejayaan kita dalam mendidik mereka menggunakan fakta sejarah itu. Sebab itu kadang-kadang kesilapan dasar kita ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kita melihat ilmu hanya untuk ilmu ya, ilmu untuk *problem solving*. Tetapi bukan ilmu untuk penghayatan.

Saya ambil contoh orang belajar matematik dia melihat matematik itu hanyalah ilmu untuk ilmu dua campur dua empat ataupun untuk *problem solving* iaitu dengan ambil pelajaran Matematik dia mudah dapat kerja, menyelesaikan masalah dia. Tetapi dia tidak melihat Matematik itu sebagai penghayatan iaitu untuk dia memahami alam, untuk dia menjadi seorang yang lebih mesra alam, menjadi seorang yang lebih bermoral, menjadi seorang yang mendekati dirinya kepada tuhan. Jadi, dia tidak melihat, dan ini puncanya kerana cara kita mengajar untuk memahami tujuan ilmu.

Jadi, sebab itulah yang ini yang barangkali kadang-kadang terbawa oleh majlis peperiksaan iaitu peperiksaan gagal atau lulus, 5A atau 4A. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita melihat wujud budaya apa yang disebut sebagai tuisyen *maniac*, di kalangan ibu bapa iaitu anak-anak dihantar tuisyen untuk mendapatkan 5A, kalau tak hantar tuisyen tak dapat 5A, sebab dia dah tak percaya guru di sekolah boleh mengajar anak dia mendapat 5A.

Mesti ambil *extra*, ini satu budaya di kalangan khususnya di golongan kelas menengah ini. Iaitu anak mesti ambil tuisyen dan ini saya kata bahawa persepsi ini yang sebenarnya di tanam oleh sistem peperiksaan kita dan terbawa-bawa juga kepada perkhidmatan awam, peperiksaan perkhidmatan awam CLP dan sebagainya sebab itu kadang-kadang orang sanggup keluar duit untuk merasuah, untuk mendapat soalan lebih awal untuk lulus kerana dia bukan melihat itu sebagai menilai kecekapan dirinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita janji dengan Yang Berhormat tadi, beliau boleh jawab dan golong dalam lingkungan jam pukul 3.00. Boleh kita tunaikan janji kita.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa anggota-anggota MPM ini mestilah dilantik di kalangan mereka yang betul-betul profesional, yang faham, yang terlatih dan amanah. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin.

**2.50 ptg.**

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya sama-sama berbahas dalam suatu akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Fasal 7 – membenarkan Majlis menetapkan *fee* atau caj yang dikelolakan oleh Majlis.

Saya menyokong penuh Fasal 7 ini dan berharap agar caj ataupun fee ini bersesuaian dengan nama peperiksaan itu. Kalau tinggi peperiksaan itu lebih sedikit bayarannya, kalau di peringkat rendah kuranglah bayarannya. Contohnya di sekolah rendah, peperiksaannya ialah UPSR ada lima subjek atau tujuh subjek untuk SJKC atau SJKT bayarannya hanya RM5 sahaja. Sejak dahulu hingga sekarang, harga kertas naik begitu juga dengan keperluan yang lain tetapi yuran peperiksaan UPSR masih lagi RM5. Saya rasa dan sangat sesuai yuran peperiksaan ini ditambah RM5 kepada RM10 dan saya rasa itu pun masih rendah lagi.

Di Tingkatan 3 dahulu kita panggil Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan hari ini kita panggil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Yuran peperiksaannya hanya RM20 sahaja. Saya rasa caj ini terlalu rendah dan juga boleh ditambah kerana harga rokok sekarang pun satu kotak sudah sampai kepada RM5, ini anak kita belajar, kalau daripada Tahun Satu sehingga Tahun Enam mengambil peperiksaan UPSR, selama enam tahun duduk di bangku sekolah, bayaran peperiksaannya hanya RM5 sahaja. Begitu juga dengan PMR tadi, tambah lagi tiga tahun di sekolah menengah, bayarannya hanya RM20 sahaja. Tetapi di Tingkatan 5 adalah agak tinggi sedikit iaitu RM130 mengikut tambahan mata pelajaran. Jadi, ini saya fikir munasabah. Kalau hendak tambah untuk UPSR boleh tambah, untuk PMR juga boleh ditambah tetapi bukan untuk Tingkatan 5 ini, SPM.

Saya sangat kesal kerana ada di antara ibu bapa yang berharap agar kerajaan menghapuskan sama sekali fee ini. Sebenarnya bukanlah duit itu sangat yang dilihat oleh kerajaan tetapi mungkin dengan caj yang sedikit, RM5, RM20 ataupun RM130 tadi adalah nampak tanggungjawab ibu bapa, *commitment* ibu bapa terhadap anak-anaknya sendiri. Itu yang lebih penting. Cuma saya ingin menyentuh ada peperiksaan tentulah ada.....

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya nampak kenaikan yuran peperiksaan seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah, apa akan berlaku kepada keluarga-keluarga yang tidak berkemampuan. Hari ini kita sudah bayar RM20 pun kita rasa ada masalah di peringkat keluarga-keluarga yang tidak berkemampuan. Kalau dinaikkan apa akan terjadi, adakah Yang Berhormat rasa boleh mendapat bantuan daripada mana-mana pihak tentang kenaikan yang Yang Berhormat cadangkan itu? Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan juga boleh menambah lagi berkenaan dengan yuran peperiksaan ini, boleh kalau melalui pengetua ataupun guru besar sekolah itu sendiri. Dan juga, saya selaku bekas guru besar, sebenarnya kami di peringkat sekolah memang mempunyai tabung khas kami sendiri ataupun – ini kadang-kadang ibu bapa sudahlah tidak mampu untuk bayar yuran ataupun sengaja membuat ini sebagai satu dalih kerana beli benda yang lain boleh, cuma hendak bayar duit peperiksaan sahaja tidak boleh, cubalah datang ke sekolah jumpa guru besar beritahu keadaan yang sebenar.

Ini mereka mengelakkan datang berjumpa sama ada dengan pengetua ataupun guru besar ataupun YDP PIBG sendiri. PIBG pun ada duit, tidak ada menjadi masalah. Kami hanya hendak tahu siapa dia, anak siapa, betulkah dia tidak mampu. Kalau betul dia tidak mampu, kita tolong, tidak ada jadi masalah. Jangan jadikan ini sebagai satu helah sahaja. Cuma saya ingin menyentuh ada peperiksaan tentu ada pemeriksa skrip yang dipanggil skrip jawapan. Bayaran untuk pemeriksa skrip masih lagi ditakuk lama, sejak tahun 1995 sehingga sekarang tidak berubah. Jadi, saya harap dapat dibuat penambahan untuk jawapan ini, untuk skrip jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kaitankah di sini? Adakah kerana bayaran yuran peperiksaan terlalu rendah maka bayaran untuk pemeriksa tidak setimpal dengan perhatian yang mereka perlu beri kepada kertas peperiksaan?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Mungkin juga Tuan Yang di-Pertua. Boleh jadi! Oleh sebab bayaran yang terlalu sedikit maka skrip jawapan juga dibayar dengan terlalu rendah daripada tahun 1995 sehingga sekarang masih lagi bayaran skrip ini ditakuk yang lama. Begitu juga dengan penyelia peperiksaan. Ketua pemeriksa terlampau sedikit elaun yang diberi kepada mereka sedangkan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka adalah terlampau berat.

Keselamatan soalan, keselamatan skrip jawapan ditanggung oleh mereka, maka itulah terjadi ada skrip jawapan di dalam kereta ditinggal sementara gurunya masuk bank. Apabila keluar didapati skrip jawapan telah hilang dan sehingga hari ini saya pun tidak tahu apa jawapan. Kalau skrip soalan hilang tidak apa, kita boleh cari yang lain tetapi kalau skrip jawapan yang hilang, saya tidak tahu cara mana kementerian mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna bukan semua orang macam Senatorlah, elaun rendah tetapi mutu perkhidmatan tidak terjejas, ya! *[Ketawa] [Tepuk]*

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Itu saya sokong Tuan Yang di-Pertua. Harap-harap selepas ini elaun Senator juga akan naik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keselamatan, sama juga seperti kawan saya tadi iaitu berkenaan dengan soalan yang bocor. Ini juga adalah imej kementerian dan juga imej negara kita. Saya sangat berharap agar kes soalan bocor ini dapat dihindari. Selalunya berlaku di tuisyen *center* iaitu swasta. Ia beri latihan di peringkat akhir yang mana soalnya itu kalau tidak pun tepat hampir-hampir tepat. Saya tidak tahu bagaimana keadaan ini berlaku. Adakah guru tuisyen itu sendiri terlibat di dalam menggubal soalan? Itu kita tidak tahu. Jadi, kita harap kementerian juga dapat mengatasi hal-hal yang seperti ini.

Saya juga menyokong Majlis Peperiksaan Malaysia mengambil alih tugas peperiksaan yang bukan akademik yang menyentuh perkhidmatan, contoh PTK tadi iaitu Penilaian Tahap Kecekapan. Diharap apabila Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah mengambil alih peperiksaan yang seumpama ini, biarlah ada pakar yang benar-benar pakar dalam bidang yang tertentu untuk menggubal soalnya. Objektif peperiksaan juga perlu ada. Format soalan juga hendaklah tepat dalam konteks hari ini dan biarlah menyeluruh. Ada pengetahuan amnya, isu-

isu semasa, sejarah Malaysia dan apa juga yang boleh membantu pekerja-pekerja kita mempunyai minda kelas pertama. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat tepat pada janji.

**2.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas rang undang-undang yang telah dibentang oleh saya pagi tadi.

Saya ucapkan berbilang terima kasih dan mengucapkan penghargaan kepada pandangan, teguran juga cadangan-cadangan dengan tujuan ialah untuk meningkatkan prestasi Majlis Peperiksaan Malaysia. Sebenarnya saya dapati bahawa cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang memang baik, sudah tentu ia akan dijadikan panduan untuk Kementerian Pelajaran dan juga Majlis Peperiksaan Malaysia untuk merangka dan juga mengambil langkah untuk memperbaiki sistem peperiksaan yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Saya juga merakamkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan sokongan kepada pindaan yang diminta oleh Majlis Peperiksaan Malaysia supaya ia boleh selain daripada peperiksaan akademik juga dapat juga dikendalikan peperiksaan dalam bentuk profesional dan juga perkhidmatan. Saya merakamkan berbilang-bbilang terima kasih dan saya ingin memberikan jaminan bahawa Kementerian Pelajaran dan juga Majlis Peperiksaan Malaysia akan melakukan sesuatu atas sokongan dan juga kebenaran yang diberikan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia yang cukup berharga itu dan tidak akan membuat sesuatu yang akan menghampakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat pertama ialah Datuk M. Ratam yang telah menyentuh beberapa perkara tentang sistem peperiksaan di negara kita dan juga harapannya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya peperiksaan yang diadakan di negara ini tidak lebih berorientasikan kepada peperiksaan.

Rata-rata saya mendapat pandangan bahawa peperiksaan harus diteruskan walau pun ada dicadangkan supaya nama peperiksaan ditukar dengan perkataan penilaian. Tetapi tidak ada seorang Ahli Yang Berhormat yang berhujah tadi berpendapat bahawa peperiksaan tidak perlu lagi, jadi saya rasa ini adalah suatu pandangan yang kita akan teliti. Memang betul setakat ini masih belum ada suatu sistem penilaian atau peperiksaan yang dapat kita elakkan untuk menilai prestasi para pelajar sama ada mereka sudah faham atau menguasai ilmu pengetahuan yang telah diajar oleh guru-guru kita.

Oleh kerana itulah saya rasa peperiksaan masih relevan dan masih dapat diteruskan lagi. Tetapi apa yang harus diberi perhatian ialah supaya masyarakat kita dan juga murid-murid tidak terlalu terikat atau terlalu berorientasikan kepada peperiksaan. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri mempunyai pandangan yang sama. Semasa perasmian majlis Jubli Emas Lembaga Peperiksaan Malaysia beberapa bulan sudah, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah meminta supaya pegawai-pegawai kita dan pegawai peperiksaan kita supaya dapat memberi perhatian dan dapat mengambil langkah bagi mengurangkan antara lain mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah. Selain daripada itu beliau juga meminta supaya pegawai kita melihat semula sistem penggal dan menggantikan dengan sistem semester supaya dengan perubahan ini mungkin sistem peperiksaan itu tidak terlalu berasaskan kepada peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sekarang pun usaha untuk menjadikan peperiksaan awam daripada terlalu berasaskan kandungan atau *content phase* kepada yang lebih berasaskan kepada kemahiran atau *skill phase* atau daripada yang bersifat ujian pencapaian atau *achievement test* kepada yang bersifat ujian kebolehan am atau *general liability test*. Ini pun pegawai kita telah diminta supaya dia dapat menuju ke arah seperti ini supaya kita boleh ubah sistem peperiksaan yang sedia ada supaya ia tidak menakutkan atau terlalu serius terhadap murid-murid kita termasuklah ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah untuk menuju ke arah itu dan kita berharap sistem peperiksaan pada masa akan datang khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dapat kita gubalkan suatu sistem peperiksaan yang lebih sesuai terhadap kehendak semasa. Ini telah kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai caj dan *fee* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan Yang Berhormat Dato' pun telah sebut bahawa *fee* yang dicaj untuk UPSR terlalu rendah cuma RM5 seorang sahaja. Memang benar kerajaan tidak mengubah caj RM5 bagi seorang murid semenjak beberapa tahun yang sudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kos operasi bagi peperiksaan UPSR sebenarnya sebanyak RM30 seorang. Ini bermakna setiap murid yang menduduki peperiksaan UPSR kerajaan memberi subsidi sebanyak RM20. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang sentiasa membantu kerana kita tahu mungkin ada ibu bapa yang miskin mungkin tidak mampu untuk membayar caj peperiksaan UPSR kerana mungkin bilangan anak terlalu ramai dan bebanan kehidupan yang lain atau tanggungan yang lain maka kerajaan masih belum bercadang untuk menaikkan *fee* atau caj untuk UPSR.

Bagi peperiksaan PMR memang apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah itu benar dan sekarang hanya Lembaga Peperiksaan Malaysia caj hanya RM20 seorang sahaja. Tetapi kalau kita ikut kos sebenar adalah RM40. Ini juga bermakna kerajaan

juga memberi subsidi kepada setiap calon yang mengambil peperiksaan PMR sebanyak RM20 dan untuk SPM – RM150 tetapi kos sebenar peperiksaan SPM adalah sebanyak RM300, jadi kita pun bagi subsidi separuh. Cuma bayar RM150 tetapi kerajaan tanggung RM150 menjadikan kos sebenar RM300 seorang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan masih belum ada cadangan untuk menghapuskan tetapi ada juga permintaan supaya kerajaan timbangkan supaya caj atau *fee* dihapuskan sama sekali. Tetapi kalau kita lihat dari sudut ini memang ini merupakan tanggungjawab seorang ibu bapa untuk menanggung sedikit perbelanjaan untuk anak kita.

Tetapi kalau kita lihat jenis bantuan yang diberikan kepada anak-anak kita, kepada murid-murid kita memang cukup banyak. Saya cuma hendak sebut beberapa jenis bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan:

- (i) skim pinjaman buku. Ini juga melibatkan banyak wang dari kerajaan untuk mengendalikan Skim Pinjaman Buku Teks atau SPBT dengan peruntukan RM264 juta untuk mengendalikan dan untuk memberikan Skim Pinjaman Buku Teks kepada para murid;
- (ii) selain daripada itu bantuan makanan di bawah Rancangan Makanan Tambahan yang melibatkan sejumlah 532,500 murid sekolah rendah, dengan peruntukan sebanyak RM124 juta. Jadi inilah merupakan satu jumlah wang yang agak besar untuk membantu murid-murid kita;
- (ii) selain daripada itu bantuan susu pula berjumlah untuk program ini RM16 juta; dan
- (iv) bantuan biasiswa juga telah memberikan bantuan kepada murid-murid yang miskin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah saya cuma hendak menunjukkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dari segi bantuan daripada pihak kerajaan memang cukup banyak. Ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang begitu prihatin terhadap kebajikan murid-murid kita kerana kita harap setiap murid sama ada tinggal di luar bandar atau bandar dapat bantuan daripada pihak kerajaan. Saya juga tertarik apa yang dikatakan oleh Datuk M. Ratnam bahawa masih ada terdapat sekumpulan murid yang tercicir.

Jadi, saya anggap ini adalah satu masalah yang harus kita sama-sama tangani supaya usaha kerajaan dapat kita capai supaya memastikan setiap rakyat, setiap anak kita dapat pelajaran yang sempurna. Sebenarnya sejak tahun 2003 kerajaan telah mewajibkan menjadikan sekolah rendah sebagai wajib dari segi tanggungjawab ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah untuk menerima sekurang-kurangnya enam tahun pendidikan. Selain daripada itu, setiap anak pelajar juga diberi peluang untuk meningkatkan pelajaran mereka ke tahap sekolah

menengah dan juga kalau mereka lulus peperiksaan SPM yang memenuhi syarat juga dibenarkan terus belajar STPM atau *Lower Six* dan *Upper Six*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh sedikit apa yang disebutkan oleh Datuk M. Ratnam tadi mengenai dua sistem peperiksaan, satu ialah Matrikulasi dan satu lagi ialah STPM. Memang benar bahawa negara kita mempunyai dua sistem peperiksaan untuk diterima masuk ke IPTA kerana kita rasakan IPTA tidak harus mempunyai satu sistem kemasukkan ke universiti. Kalau kita lihat dari segi sudut peperiksaan Matrikulasi ini, Matrikulasi bukan seperti STPM, Matrikulasi hanya memfokuskan kepada peperiksaan mata pelajaran Sains dan juga Perakaunan sahaja manakala STPM merangkumi beberapa mata pelajaran. Ia juga masuk Geografi, *History*, Sastera dan sebagainya. Jadi kalau kita mempunyai satu sistem peperiksaan maka ia tidak akan bantu kita menerima murid-murid yang belajar selain daripada Sains dan Perakaunan. Jadi saya harap penjelasan itu dapat diterima dengan baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini memang selalu disebut, selalu ditanya-tanya oleh masyarakat kita dan saya harap dengan penjelasan, saya harap Ahli Yang Berhormat boleh tolong terangkan kepada masyarakat kita apa sebenarnya tujuan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk menjelaskan keadaan di United Kingdom misalnya terdapat berbagai lembaga misalnya *Cambridge, Syndicate, Wellsford* dan terdapat GCSE dan A-Level, O-Level, adakah itu rasional dan pendekatan mengenai penilaian terhadap di dalam sistem pendidikan?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, memang benar dan memang betul di universiti-universiti di England dan Amerika Syarikat. Memang universiti itu bukan hanya menerima satu peperiksaan sahaja tetapi mereka juga ada peperiksaan lain atau A-Level dan peperiksaan yang lain. Memang tidak ada sebuah universiti cuma hanya menerima satu peperiksaan sahaja. Jadi inilah satu hakikat yang patut kita terima. Walau bagaimanapun pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak akan terus diterima dan kita akan kaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengendalian peperiksaan yang masih mempunyai kelemahan. Saya mengakui bahawa masih kita dengar ada kertas bocor, ada kertas jawapan hilang dan sebagainya. Jadi memang ini kalau kita lihat dari jumlah murid yang terlibat dan juga begitu ramai pegawai yang terlibat kerana kita memang hanya manusia biasa. Sudah tentu ada kalanya membuat kesilapan dan walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai kita dan juga mempunyai satu sistem pemantauan yang ketat. Dari soalan yang digubal dan juga sampai masa mencetak dan juga pengangkutan supaya kertas soalan disampaikan kepada pusat-pusat peperiksaan dan selepas itu kutip balik jawapan dan hantar ke pemeriksa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah ini ada kaitan dengan bayaran yang terlalu rendah?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada hubung kait secara langsung terhadap bayaran. Saya rasa rata-rata pemeriksa yang ditugaskan memang mempunyai semangat yang baik dan komitmen yang tinggi. Sebab itu saya tidak rasa ini satu alasan mengapa kadangkala kesilapan berlaku. Tetapi walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa memantau seperti yang disebutkan tadi dan juga Kementerian Pelajaran juga akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai-pegawai yang melakukan kesilapan. Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah pun sebut kebocoran berlaku mungkin ada hubung-kait dengan pusat-pusat tuisyen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya perkara-perkara yang terlibat secara langsung dari segi pembubaran soalan dan sebagainya, mereka tidak dibenarkan menjalankan tuisyen di mana-mana tempat. Itu memang satu syarat.

Satu syarat yang ditetapkan kepada mereka. Kalau mereka sanggup menerima sebagai pegawai untuk bertugas dalam apa sahaja hubung-kait dengan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Mereka tidak dibenarkan memberi tuisyen atau buka tuisyen kepada murid-murid. Jadi saya rasa itu secara kebetulan, walau bagaimanapun setiap kali ia berlaku, kita akan siasat dan ambil tindakan terhadap apa jua yang cuai. Jadi saya hendak berikan jaminan dan sekarang kita anggap sistem peperiksaan yang diadakan di negara kita ini patut berwibawa yang tidak harus dipertikaikan dari mana-mana pihak. Ini adalah satu perkara yang cukup penting.

Kalau ada orang mempertikaikan kewibawaan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia atau Majlis Peperiksaan Malaysia ia tidak akan menjadikan negara kita apa yang berada sekarang. Jadi sebenarnya peperiksaan yang dikendalikan oleh badan peperiksaan Malaysia telah diiktiraf dan juga telah diterima di mana-mana universiti umpamanya STPM. Jadi saya rasa tidak perlulah kita ada sangkaan bahawa peperiksaan yang dikendalikan di negara kita ini tidak sampai standard kalau dibandingkan dengan umpama *Cambridge Examination Syndicate* dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang saya dapat mengulas, yang saya tidak dapat komen atau memberi jawapan mungkin pegawai saya telah pun cetak apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan yang cukup bernas, akan ditinjau dan kalau sesuai sudah tentu akan diterima pakai oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dalam keadaan kita penuh sedar dan dalam keadaan kita penuh insaf dan mendengar segala perbincangan dan penjelasan. Sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNG 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Antarabangsa [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Pelindung 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang. Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini merupakan suatu peruntukan penentuan langkah perlindungan terhadap keluaran yang diimport ke Malaysia. Ia merangkumi penubuhan badan pihak berkuasa penyiasat peringkat penyiasatan bentuk berkenaan langkah perlindungan dan arahan pengutipan duti kepada pihak KASTAM.

Peruntukan Undang-undang Pelindung ini bertujuan memutuskan penentuan langkah pelindung yang perlu diperkenalkan apabila berlaku kemudaratan dan serius ke atas industri dalam negeri akibat dari peningkatan import. Langkah pelindung atau *safeguard measure* dengan izin membenarkan sesebuah negara ahli WTO menyekat import bagi tempoh sementara apabila berlakunya peningkatan import secara mendadak yang mengakibatkan kemudaratan atau ancaman kemudaratan yang serius kepada industri tempatan. Langkah pelindung ini adalah termaktub di dalam perjanjian WTO *safeguards*.

Tindakan pelindung yang boleh diambil untuk mengelak atau mengatasi kemudaratan adalah menahan obligasi perdagangan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya telah menarik balik atau meminda konsesi perdagangan yang telah diberi kepada Ahli-ahli WTO. Tindakan ini hanya dibenarkan sekiranya dapat dibuktikan bahawa peningkatan kemasukan produk import dalam situasi perdagangan yang adil, dengan izin *fair trade* telah atau boleh mengakibatkan kemudaratan kepada industri tempatan yang mengeluarkan produk yang serupa atau produk.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna konsep perlindungan atau *safeguards* di sini adalah yang menyentuh dagangan antarabangsa atau *International Trade* semata-mata? Adakah itu tepat telahan saya?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Tuan Yang di-Pertua, ada berbeza antara Pelindung dan Perlindungan. Rang Undang-undang ini untuk Pelindung atau *safeguards*, kalau perlindungan adalah *protection* ada sedikit perbezaan. Tindakan Pelindung yang boleh diambil untuk ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon maaf kerana ganggu Yang Berhormat.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Dengan itu objektif utama langkah Pelindung ini adalah untuk memberi masa dan peluang bagi industri tempatan membaik pulih keadaan mereka supaya dapat bersaing semula dengan import apabila tindakan Pelindung perlu ditamatkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Undang-undang Pelindung ini adalah diperlukan oleh negara berdasarkan empat faktor-faktor utama iaitu kelebihan sedia ada langkah pelindung di bawah WTO, menangani kesan liberalisasi perdagangan, persaingan daripada negara-negara membangun yang baru muncul akibat globalisasi dan kesan dari tindakan oleh *remedy* negara-negara lain. Faktor pertama kelebihan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat saya sekali lagi mohon maaf, jika tiada WTO tidak perlulah undang-undang ini?

**Tuan Ng Lip Yong:** Ya saya bersetuju. Faktor tersebut adalah:

- (i) Kelebihan sedia ada langkah pelindung di bawah WTO. Perjanjian WTO *safe guard* membenarkan ahli WTO mengenakan tindakan pembetulan serta-merta dengan izin *immediatly* sebagai langkah pelindung kepada kemudaratan yang menimpa industri tempatan akibat daripada peningkatan import secara mendadak. Langkah pelindung dibenarkan di bawah WTO untuk memberi perlindungan sementara kepada industri tempatan. Sesebuah negara ahli WTO melalui peningkatan import daripada semua ahli-ahli negara WTO. Dalam jangka masa perlindungan industri tempatan berpeluang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memulihkan kemudaratan membina upaya serta meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran daripada import seterusnya. Tempoh langkah pelindung bagi negara-negara membangun adalah sebanyak 10 tahun iaitu 4 tahun pertama boleh dilanjutkan selama 4 tahun tambahan 2 tahun lagi jika perlu. Jangka masa adalah mencukupi bagi industri tempatan yang terlibat untuk memulihkan kedudukan dan keadaan mereka. Negara-negara membangun diberi keistimewaan melanjutkan tempoh perlindungan

selama 2 tahun melebihi tempoh maksimum dan diperuntukkan di bawah Perjanjian WTO, *safe guard*.

Masa lebihan ini adalah penting kerana industri tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana memerlukan masa yang panjang untuk bersaing dengan pesaing-pesaing dari luar negeri. Tambahan langkah-langkah pemulihan industri dan keberkesanan seperti menerima pakai proses baru, aktiviti-aktiviti penambahan nilai, penyerapan teknologi semasa, bantuan latihan dan meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan akan mengambil masa yang lama.

Lantikan pihak berkuasa penyiasatan yang diwajibkan di bawah WTO memberii jaminan siasatan secara terperinci dijalankan ke atas aduan yang dikemukakan oleh industri tempatan sebelum langkah pelindung diluluskan. Penyiasatan sedemikian juga dijurus ke arah kesahihan dan ketelusan supaya tidak timbul syak wasangka dari negara-negara ahli WTO dan tindakan-tindakan pelindung yang diadakan. Proses dan penyiasatan secara teratur dan berperingkat memudahkan kerja-kerja penyiasatan bagi kepentingan industri tempatan yang terancang daripada import yang mendadak. Penyekatan yang dibenarkan adalah melalui kenaikan duti import dan menggunakan kuota import. Kenaikan duti juga boleh dilakukan kepada tarif yang telah diikat atau dengan izin *bound tariff* dan pada kebiasaannya tidak dibenarkan mengikut perjanjian WTO.

- (ii) Mengenai kesan liberalisasi perdagangan. Perdagangan antarabangsa merupakan satu dari faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Dalam eksport barang perdagangan atau *merchandise export*, Malaysia menduduki tempat ke-19 pengeksport terbesar dunia dan merupakan pengimport ke-24 terbesar dunia dalam tahun 2005. Kedudukan ini berpunca daripada dasar perdagangan dan pelaburan Malaysia yang berpunca proses liberalisasi ekonomi secara progresif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna sebagai negara yang mempunyai penduduk sejumlah 26 juta sahaja kita berada di tempat yang ke-19 eksport dan yang ke 24 import. 26 juta insan begitu hebat.

**Tuan Ng Lip Yong:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya Malaysia jumlah perdagangan Malaysia adalah 20% dari GDP negara kita. Ini adalah satu boleh dikatakan satu situasi yang istimewa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang kata Malaysia *supreme trading nation* satu penghargaan yang besar kita ada a *very great trading nation*.

**Tuan Ng Lip Yong:** Boleh dikatakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi banyak orang Malaysia tidak bawa diri macam warga *Great Trading Nation* pun.

**Tuan Ng Lip Yong:** Akibatnya pelaburan asing semakin meningkat dan seterusnya membawa faedah kepada industri tempatan melalui pemindahan teknologi dan pendedahan kepada pemikiran serta idea-idea baru dalam dunia perniagaan. Dia juga memupuk persaingan yang sihat kepada industri tempatan. Oleh yang demikian dasar liberalisasi akan dikekalkan kerana pelbagai manfaat yang di peroleh. Selaras dengan dasar ini Malaysia akan terus berunding dalam rundingan-rundingan di bawah WTO untuk menentukan pasaran dunia dibuka kepada barangan eksport negara. Untuk mempercepatkan lagi pembukaan pasaran di negara-negara yang penting Malaysia juga sedang mengadakan rundingan perjanjian bebas secara dua hala dengan negara-negara tertentu dan secara serantau melalui ASEAN dan negara-negara ketiga.

Pasaran terbuka akibat liberalisasi perdagangan memberi peluang bagi industri tempatan berkembang maju dan mengeksport barang mereka ke merata dunia. Namun demikian penurunan tarif telah dan akan mempercepatkan lagi melalui kawasan perdagangan bebas ASEAN atau AFTA serta perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dan rundingan WTO yang telah dan bakal ditamatkan. Ini akan meningkatkan peningkatan import ke dalam Malaysia secara mendadak yang boleh memudaratkan industri-industri tempatan yang mengeluarkan produk yang serupa atau saingan secara terus. Untuk menangani kemudatan yang berlaku Malaysia perlu bersedia dengan langkah pelindung bagi memelihara kepentingan industri tempatan .

- (iii) Persaingan daripada negara membangun yang baru muncul akibat globalisasi. Penggubalan dasar-dasar baru akibat globalisasi telah menyebabkan beberapa buah negara membangun menghasilkan barangan eksport yang kompetitif dan muncul sebagai negara-negara dagangan yang dinamik. Antaranya ialah China, India, Vietnam, Thailand dan beberapa negara di Amerika Selatan. Negara-negara berkenaan dapat mengeksport dan bersaing dengan negara lain walaupun tarif di negara-negara berkenaan tidak berada di tahap yang

rendah. Bagi Malaysia kadar tarif yang rendah sebanyak 7.7% telah mengakibatkan persaingan daripada negara-negara adalah lebih mencabar. Situasi ini boleh menyebabkan peningkatan import secara mendadak dan menjejaskan industri-industri tempatan.

- (iv) Kesan dari tindakan negara-negara lain tindakan langkah pelindung anti lambakan dan timbal balas semakin bertambah dalam perdagangan antarabangsa.

Tindakan-tindakan ini boleh mengakibatkan lebihan kapasiti global dan peralihan perdagangan atau *trade diversion*. Keadaan ini akan menyumbang kepada peningkatan import secara mendadak dalam sesuatu negara pengimport. Penggunaan tindakan anti lambakan telah meningkat daripada 156 kes pada tahun 1995 kepada jumlah tertinggi sebanyak 211 kes pada tahun 2003. Dalam tahun 2005, jumlah kes adalah sebanyak 191. Penggunaan tindakan pelindung pula meningkat dalam tahun 2002 sebanyak 132 kes akibat daripada kes penyiasatan perlindungan besi dan keluli oleh Amerika Syarikat. Ini diikuti pula oleh dengan langkah pelindung oleh Persatuan Eropah atau *European Union* ke atas produk yang sama yang berlanjutan sehingga tahun 2003. Trend juga menunjukkan bahawa negara membangun tidak ketinggalan dalam menggunakan langkah pelindung. Dalam tahun 2003 negara Ecuador merupakan pengguna tindakan pelindung yang terbanyak iaitu sebanyak empat kali dan diikuti negara Filipina sebanyak tiga kali. Malaysia telah dikenakan beberapa tindakan pelindung oleh negara lain dari tahun 2001 termasuk *Steel Tube and Pipe Fitting* oleh Amerika Syarikat pada 26 Jun 2001, *Stainless Steel Tube* dan *Pipe Fitting* oleh European Union pada 28 Mac 2002, *Tiles Ceramic* oleh Filipina pada 28 Mei 2001, *Cement Portland* oleh Filipina pada 28 Mei 2001 juga, 'Barbearing' oleh Russia pada 2 April 2002 dan minyak sayuran oleh India pada 27 Mei 2002.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 47 buah negara ahli WTO mempunyai undang pelindung. Ini termasuk negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun serta negara membangun seperti Filipina, Indonesia, Thailand, China, India, Afrika Selatan dan Brazil. Setakat ini, Malaysia mempunyai undang-undang anti lambakan yang digunakan apabila terdapat perdagangan tidak adil atau *unfair trade* yang memudaratkan industri tempatan. Untuk melindungi industri tempatan yang terjejas akibat import yang mendadak

dalam keadaan perdagangan yang adil, adalah penting untuk Malaysia mengadakan undang-undang pelindung seperti yang dibenarkan oleh WTO.

Sekian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat katakan tadi berapa negara yang sudah adakan undang-undang begini rupa?

**Tuan Ng Lip Yong:** 47

**Tuan Yang di-Pertua:** 47, terima kasih. Ahli-ahli ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyiasatan dan penentuan langkah pelindungan terhadap keluaran yang diimport ke Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. *Trade specialist* di sini, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bukan *trade specialist* tetapi ada juga beberapa perkara yang....

**Tuan Yang di-Pertua:** *Trading specialist?*

**Tuan M. Munusamy:** *Not that trading specialist.* Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pelindungan 2000 ini. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pelindungan 2006 yang di hadapan kita sekarang adalah merupakan suatu bentuk pengecualian daripada pemakaian prinsip-prinsip WTO. Seperti yang kita maklum, umumnya prinsip-prinsip WTO adalah menjurus kepada penggalakan amalan pasaran terbuka dan bebas antara negara-negara yang menganggotai tanpa halangan-halangan perdagangan.

Rang Undang-undang ini juga memenuhi satu peruntukan yang diberi dan dibenarkan di bawah perjanjian WTO *Safeguard*. Di mana industri-industri tempatan negara anggota yang berkaitan dengan barangan yang menghadapi masalah yang serius dari peningkatan barangan import boleh mengambil tindakan tertentu untuk melindungi industri tersebut dengan cara menaikkan duti atau mengenakan kuota atau kedua-duanya sekali. Menurut perjanjian WTO *Safeguard*, langkah-langkah pelindungan ini boleh dikenakan untuk melindungi industri-industri tempatan terbabit akibat dari peningkatan import yang mendadak.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa negara kita adalah sebuah negara perdagangan yang aktif dengan jumlah dagangan mencecah RM1 trilion. Dalam situasi perdagangan antarabangsa dan persaingan bebas pasaran, permintaan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Trilion tu berapa kosong? Sembilan kosong? Trilion itu berapa kosong?

**Tuan M. Munusamy:** 12.

**Tuan Yang di-Pertua:** *American trillion* dengan British trillion ada bezanya.

**Tuan M. Munusamy:** RM1 trillion. Dalam situasi perdagangan antarabangsa dan persaingan bebas pasaran, permintaan untuk barangan bergantung kepada banyak faktor seperti faktor kualiti, harga, keyakinan pengguna, berkhidmat selepas jualan dan sebagainya. Rang Undang-undang Pelindung seperti ini seharusnya hanya digunakan sebagai satu alat sementara untuk melindungi industri-industri tempatan kita, untuk menyelesaikan dengan perubahan-perubahan semasa yang mendadak dan pasaran-pasaran tersebut dan bukannya sebagai penyelesaian kepada persaingan dari luar. Pergantungan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang untuk menangani isu persaingan dalam sesebuah industri atau pasaran bukanlah satu cara yang sihat dalam jangka masa panjang. Jika ini dibiarkan berlaku, ia boleh menyebabkan industri-industri tempatan kita tidak berupaya membina jati diri dalam jangka panjang dan akhirnya kita juga akan gagal sekiranya kita cuba menembusi pasaran luar kerana kekuatan industri kita yang bergantung kepada undang-undang pelindung seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang mempunyai hak untuk melindungi industri-industri tempatan kita seperti mana terdapat banyak negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang masih juga melindungi sektor pertanian seperti industri gandum. Tetapi kita juga harus sedar bahawa dalam jangka panjang, kekuatan industri kita seharusnya dibina atas keupayaan sebenar iaitu keupayaan kita untuk bersaing dengan syarikat-syarikat asing, baik dalam pasaran tempatan atau pun pasaran antarabangsa. Sungguhpun demikian Rang Undang-undang Pelindung ini akan dapat memberi *priding space* dengan izin kepada industri-industri tempatan yang berhadapan dengan kesukaran terutamanya hasil dari peningkatan import.

Saya ingin mengutarakan beberapa isu dalam Rang Undang-undang ini. Pertama, Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa inisiatif untuk penyiasatan bagi mengenakan satu langkah perlindungan boleh dimulakan sama ada oleh pihak kerajaan atau pun pihak industri. Kita sedia maklum dalam sesebuah industri lazimnya terdapat syarikat-syarikat yang besar, sederhana dan kecil. Impak peningkatan import akan memberi kesan yang berbeza kepada syarikat-syarikat ini. Kesan peningkatan import lazimnya lebih memberi kesan kepada penguasa-penguasa bersaiz kecil dan sederhana jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat besar.

Sekiranya ini berlaku, apakah bentuk langkah perlindungan yang diambil akan mengambil kira kesan-kesan yang berbeza kepada penguasa-penguasa yang berlainan saiz ini. Sekiranya terdapat elemen oligopoli dalam industri ini iaitu *multiple big sellers*, dengan izin, di mana terdapat beberapa syarikat besar yang menguasai sebahagian besar industri tempatan tersebut, manakala penguasa-penguasa kecil hanya mempunyai kuasa pasaran yang terhad. Adakah langkah-langkah perlindungan masih boleh dikenakan untuk melindungi penguasa-penguasa kecil di dalam industri itu?

Kedua, berkenaan dengan industri-industri herba tempatan, misalnya yang mengeluarkan ubat-ubat tradisional atau produk-produk kosmetik. Adakah industri ini boleh dilindungi dari peningkatan produk-produk *pharmaceutical* atau alat-alat kosmetik dari luar negara misalnya? Bagaimana kita mendefinisikan keluaran yang bersaing secara langsung seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini?

Perkara ketiga, terdapat sedikit kekeliruan mengenai istilah “pelindung” dan istilah “perlindungan” seperti yang dikatakan oleh timbalan menteri tadi ada perbezaan. Apa kriteria utama yang membezakan kedua-dua konsep ini? Kita sedia maklum bahawa Proton misalnya telah diberi perlindungan sejak ia ditubuhkan lebih 20 tahun lalu. Tetapi sekarang dengan liberalisasi sektor automatif negara, adakah industri ini masih boleh diberi langkah pelindung sekiranya terdapat peningkatan import alat-alat gantian kereta misalnya.

Perkara yang keempat seperti yang saya sebutkan pada awal tadi, langkah perlindungan seperti Rang Undang-undang Pelindung ini tidak seharusnya dijadikan sebagai alat untuk mengelakkan persaingan kerana persaingan yang sihat mampu membentuk industri tempatan yang lebih jati diri dan mapan. Industri tempatan kita harus berani bersaing di mana jua pasarannya tetapi pengguna-pengguna juga harus disedarkan bahawa barangan import itu tidak semestinya lebih baik daripada barangan-barangan keluaran tempatan.

Dalam era globalisasi ini kaedah *contract manufacturing* banyak digunakan di mana syarikat-syarikat ternama dunia memindahkan urusan pembuatan barangan ke negara-negara yang lebih murah kos buruhnya. Apa yang membezakan kadang-kadang adalah jenama sahaja sedangkan barang-barang itu datang dari sumber atau kilang yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada Yang Berhormat kaitkan dengan Proton. Walaupun terdapat banyak rakyat kita di Malaysia menyatakan bahawa kereta lebih mahal di Malaysia daripada negara-negara jiran kerana Proton. Tetapi United Kingdom yang sekarang tidak mengeluarkan kereta, hampir tidak langsung, juga sungutan yang sama mengapa kereta lebih mahal di United Kingdom daripada di Perancis, Belgium, Germany di EU. Jadi saya tidak faham rasionalnya sedikit. Macam mana?

**Tuan M. Munusamy:** Saya juga tidak faham, Tuan Yang di-Pertua. Katanya industri kereta Proton itu ada diberi perlindungan tetapi kita pun tidak berapa fahamlah. Ini mengelirukan ramai rakyat Malaysia. Saya cuba sambung.

Oleh yang demikian kita harus mengambil langkah-langkah yang lebih agresif dan berterusan untuk menyedarkan rakyat kita bahawa negara kita dengan kepakaran teknologi dan kualiti pekerja-pekerja mampu mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi dan berkualiti tetapi ini mestilah bukan retorik semata-mata. Ia hanya akan berjaya sekiranya industri-industri tempatan kita benar-benar dapat mengeluarkan dan mengekalkan pengeluaran barang yang bermutu yang bukan sahaja dapat bersaing di pasaran tempatan malah di pasaran antarabangsa.

Hanya daya saing yang tinggi sahaja yang akan mampu mempertahankan industri-industri tempatan kita dan bukan peruntukan undang-undang semata-mata. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

**Tuan M. Munusamy:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memang tahu Yang Berhormat sudah hendak duduk tetapi dia tidak mahu lepaskan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dan tahniah kepada kerajaanlah kerana nampak implikasi akan berlaku apabila berlakunya AFTA ataupun dengan kemasukan undang-undang di bawah WTO. Jadi di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, kita sentiasa memperkatakan soal daya tahan perlu, daya saing perlu, daya kompetitif perlu bagi usahawan-usahawan dalam negara kita bagi menyaingi saingan daripada peringkat global.

Apa pandangan Yang Berhormat, hari ini kita lihat usahawan-usahawan ataupun kilang-kilang tempatan yang rata-rata FDInya dikuasai termasuk asing dan juga dalam negara. Tetapi dari segi saingan ini sudah berlaku lambakan-lambakan yang menyebabkan kilang-kilang tersebut tutup, umpamanya alat-alat elektronik dan kilang kasut hari ini berpindah ke Vietnam dan China yang meninggalkan implikasi yang negatif kepada kita dari segi KDNK kita dari segi pengangguran.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat sendiri, walaupun dengan ada AFTA ini yang akan melindungi kita buat sementara dengan perkembangan peringkat dari masa ke semasa dari segi ketahanan, dari segi daya saing kita, mampukah apabila tiba masanya nanti dengan status hari ini untuk menghadapi "tsunami import" yang akan melanda kita apabila sampai waktunya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang betul bahawa perkara ini adalah sukar. Kita akan menghadapi banyak masalah. Itulah sebabnya saya tadi berkata bukan undang-undang ini boleh melindungi kita dengan sepanjang masa tetapi kita kena meningkatkan kualiti pengeluaran kita. Kalau kualiti tidak ada, kita tidak boleh bersaing dengan apa-apa juga di dalam negara ataupun di luar negara. Itulah pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kata misalnya *Macintosh software*, kualitinya tinggi daripada *Windows* tetapi macam mana *Windows* menguasai pasaran?

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kualiti yang tinggi tetapi juga ada faktor-faktor lain dalam *marketing*. Itu kita perlu mengambil kira juga. Dengan itu saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Ikhwan Salim, kemudian Dato' Dr. Norraesah.

**3.58 ptg.**

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pelindung. Sebenarnya apa yang hendak saya katakan telah banyak pun dikatakan oleh Yang Berhormat Munusamy tadi. Hanya mungkin menjawab sedikit juga pandangan Tuan Yang di-Pertua tadi tentang kaedah perniagaan sekarang di mana antara lain maklumat menjadi satu perkara yang amat penting dan sudah tentulah sekarang ini di internet dan sebagainya, kita boleh dapat maklumat dengan begitu cepat sekali.

Jadi kadang-kadang dalam kita menyiasat sesuatu kes dalam Rang Undang-undang Pelindung ini, katakan ada sesuatu pembuat barangan di mana Malaysia juga buat tetapi dengan sebab-sebab perniagaan mungkin *special sale* ke atau apa ke, dengan izin, dan ini diimport oleh peniaga di sini sebagai satu peluang perniagaan yang agak luar biasa tetapi berlaku. Jadi adakah ini menjadi satu perkara juga yang mungkin nampak sebagai satu perkara yang boleh merosakkan industri kita kerana antara lain seperti juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam Starbucks dengan Kopitiam?

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** ....[Ketawa] Memang itulah., juga seperti tadi Tuan Yang di-Pertua kata tentang Windows, pandangan saya kerana Windows ini pandai dengan komputer *manufacture*, jadi semua komputer sudah ada pun Windowsnya. Hendak beli Macintosh pun tidak boleh. Jadi saya merasakan dalam kita menggunakan rang undang-undang ini, memang kita harus memikir juga apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, bahawa jangan digunakan sehingga persaingan tidak wujud, kerana yang akan rugi adalah rakyat kita sendiri dan saya merasakan sangat dengan adanya kaedah-kaedah terkini,

kadang-kadang peluang-peluang yang wujud, yang membenarkan *trading* ini berjalan dengan cepat dan sebagainya, ataupun katakanlah dari segi produk-produk farmaseutikal tadi, di mana mungkin *expire datenya* tinggal setahun. Apabila tinggal setahun, dia mungkin kalau salah guna, digunakan sebagai *dumping*, produk *dumping* dengan izin.

Tetapi pada masa yang sama kalau kegunaan ini amat ketara sekali di negara kita, mungkin ini dapat menguntungkan kalaulah *demand* untuk produk ini begitu kuat. Jadi saya merasakan antara lain juga kita harus tentukan dari segi peranan penyiasat ini, maknanya apakah ciri-ciri yang akan didapati sebagai mungkin perkara-perkara yang kita tidak boleh setuju seperti produk *dumping*, ataupun perkara-perkara di mana barangan ini tidak lagi boleh digunakan di sesuatu negara. Kemudian dia mencari peluang untuk jual kepada negara-negara lain, termasuklah negara kita.

Jadi sudah tentulah ini menjadi satu perkara juga yang harus kita ambil kira. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak tekankan bahawa dengan kaedah sekarang, kita jangan pula menyekat perdagangan yang berjalan begitu cepat, kalau digunakan Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini yang mungkin boleh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak jelaskan, bermakna, hujah Yang Berhormat ada ketika lindung industri boleh jejas dagang orang tempatan?

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Itu pandangan saya, yes. Maksudnya, kalau kita membenarkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Lindung industri, niat kita dengan tindakan kita menjejaskan pedagang.....

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Lindung industri, menjejaskan pedagang....

**Tuan Yang di-Pertua:** .....Tempatan. Pendapat kemungkinan.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Saya, bermakna kalaulah satu situasi di mana barangan boleh diimport dengan harga yang baik dan dengan cara tulen, saya rasa ini mungkin satu perkara yang harus, pasal yang untung adalah pembeli, akhirnya. Jadi, itulah pandangan saya. Jadi, dengan kata-kata itu, saya pun mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

#### 4.03 ptg.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 6(3) untuk meminta Dato' Hamzah bin Zainudin untuk mempengerusikan mesyuarat, terima kasih.

[Dato' Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk membahas....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak memberi pun peluang.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tadi, sudah bagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ok, silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih sekali lagi pada Tuan Yang di-Pertua yang baru masuk tadi. Di hadapan kita adalah satu rang undang-undang yang sebenarnya adalah satu *instrument* yang dinamakan *double-edged sword*, dengan izin iaitu satu pedang yang kedua-dua belahnya tajam. Ini adalah kerana kita berbincang tentang satu rang undang-undang yang akan melindungi pengeluar-pengeluar kita di negara ini, sekiranya dapat pengimportan yang begitu besar yang memudaratkan pengeluar-pengeluar tempatan kita. Tetapi, jangan lupa kita juga adalah merupakan satu negara yang mengekspor 19 yang terbesar, yang tertinggi di dalam dunia sebagai pengeksport dan dijangkakan pada tahun 2006, jumlah eksport kita akan mencapai RM1 trilion. Ini adalah satu kebanggaan.

Saya pernah bekerja dengan 'GATT', masa saya muda dahulu, sekarang pun muda tetapi dahulu amat muda. Soal *safeguard measure* ataupun *safeguard clause* ini, iaitu perlindungan, perlindungan itu tidak memberi satu tafsiran ataupun gambaran yang *exact* yang

lebih dekat dengan *safeguard*. *Safeguard* itu membawa erti yang lebih daripada perlindungan. Ia membawa satu artikel 19, artikel 19 daripada GATT yang sekarang diterima pakai oleh WTO. Saya merujuk kepada hujah-hujah yang disebutkan oleh sahabat saya di sebelah kanan saya, nampaknya beliau adalah seorang promoter yang amat besar yang amat penting dalam soal globalisasi dan liberalisasi.

Di sini saya hendak bantangkan kepada Dewan yang mulia ini, soal yang dinamakan dilema globalisasi, dilema liberalisasi. Ia memberi faedah kepada kita sebagai negara yang mengimport, kerana kita dapat mengimport barangan yang lebih murah apabila kita sebut tentang kompetitif, persaingan yang tinggi, yang baik maknanya kita sebagai *consumer*, sebagai pembeli, akan memperoleh barangan yang lebih murah. Tetapi, dalam masa yang sama industri domestik kita adalah tertekan juga. Kalau kita lihat di sini, kita kadangkalanya terlalu taksab kepada soal globalisasi. Bukalah pasaran kerana kita hendakkan pasaran di luar juga, dibuka untuk kita. Mereka yang mendakwah, pendakwah yang terbesar, yang orang Penang kata yang 'hingak' sekali yang suaranya lantang sekali adalah negara-negara Barat. Tetapi kalau kita teliti tindakan yang diambil oleh mereka, mereka sebenarnya adalah merupakan negara-negara yang banyak meletakkan perlindungan terhadap pengimportan barangan mereka.

Kita tidak boleh nafikan bahawa barangan pertanian dan berasas tani adalah satu sektor yang banyak mendapat subsidi dan mendapat perlindungan di USA, Amerika Syarikat, di EU, dan juga di Jepun. Jadi mereka yang melaung-laungkan globalisasi adalah juga mereka yang mempunyai tarif dan juga *none-tariff barriers*, iaitu lindungan yang bukan takrif yang amat ketara sekali. Jadi saya mengalu-alukan rang undang-undang yang di hadapan kita ini oleh kerana inilah satu-satunya *instrument* yang dapat membantu kita menangani pengimportan yang begitu besar nanti, yang tentunya akan datang daripada negara China, negara India, negara Vietnam dan lain-lain.

Yang penting juga ialah barangan kita ini Tuan Yang di-Pertua, ke negara Amerika, ke negara EU dan negara-negara yang sudah pun mengambil, mengguna pakai *safeguard measures* yang 47 tadi juga akan mengenakan perlindungan terhadap barangan eksport kita, oleh kerana kita juga mempunyai daya saing yang amat baik dalam barangan-barangan pengeksportan kita. Jadi di sini kita kena ada *balance* di antara tindakan kita di sini supaya pengeksportan kita tidak terjejas untuk di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, barangan-barangan yang sudah dikenakan *safeguard measure* ataupun tindakan *safeguard* oleh negara-negara Amerika Syarikat, EU, hanya segelintir daripada produk-produk yang sudah dikenakan *safeguard clause* ini. Ini bermula dalam tahun 2001, tetapi sebelum itu *ball bearing* umpamanya daripada tahun 70-an dan 80-an sudah pun dihadapi dengan *safeguard measure* ataupun *safeguard* daripada negara-negara Eropah umpamanya. Mereka ini... itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua *General Agreement on Tariff and Trade*, dan sekarang ini menjadi WTO.

Kadangkala disebut sebagai *rich man's club* dengan izin. Ini adalah kerana sungguhpun ada peruntukkan *safeguard clause* dan lain-lain perlindungan untuk negara-negara membangun, tetapi negara-negara maju ini yang mempunyai begitu besar kuasa ekonominya sering kali mengambil tindakan *unilateral*. Tidak langsung merujuk kepada *General Agreement on Tariffs and Trade* iaitu GATT dan juga kepada WTO.

Sebab mereka *muscle* nya lebih besar daripada *muscle* kita. Jadi dengan ini, kita juga harus bertindak dengan sewajarnya untuk melindungi industri-industri kita yang memerlukan seperti Yang Berhormat sebut tadi, memerlukan satu *adjustment period* untuk menghadapi *tsunami* pengimportan barangan daripada luar. Namun, kalau tindakan itu diambil oleh negara-negara maju terhadap kita umpamanya, kita tidak ada mempunyai "*recourse*" yang begitu kuat.

Sungguhpun ada WTO, tetapi kadangkala orang yang orang kata *rich man's club* ini mempunyai lebih gagasan, lebih kekuatan untuk melakukan apa jua mereka inginkan. Ini satu yang tidak dapat kita nafikan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam penyiasatan diadakan kalau dikatakan terdapat kemudahan terhadap barangan yang sama atau pun yang bersaing sama, maka mereka akan dikenakan *safeguard duty*.

Tetapi ukuran atau jumlah *safeguard duty* ini adalah ditentukan oleh jawatankuasa yang akan dibentuk. Maka kita tidak dapat mengetahui apakah jumlahnya. Tetapi saya kira bahawa tahap yang akan dikenakan adalah tahap yang akan meletakkan kesamarataan kepada barangan yang kita keluar. Mungkin saya tidak begitu tepat di sini tetapi tentunya Yang Berhormat akan dapat memberikan keterangan yang lebih lanjut.

Katakanlah, dalam 200 hari penyiasatan itu dilakukan, iaitu cagaran atau *bond* itu dikenakan hanya untuk 200 hari, tetapi kalau dalam 200 hari ini atau pun sebelum 200 hari ini didapati bahawa *tsunami* pengimportan ini adalah kerana adanya "*anti dumping*" *element*. Adakah ini dimasukkan sebagai soal *anti-dumping* di mana *counter veiling duty* dengan izin pula akan dikenakan. Maka dengan itu, 200 hari itu akan berterusan daripada jumlah yang sudah, tempoh yang sudah dikenakan atau ditentukan dalam Rang Undang-undang ini.

Kalau ini berlaku, adakah negara kita akan mengenakan *safeguard duty* atau pun *counter veiling duty*. Dan di antara kedua-dua ini, kedua-dua in sebenarnya adalah mendatangkan mudarat yang amat besar kepada industri kita. Dan di sini lah saya rasa kementerian harus meneliti sedikit bagaimana kita hendak menyesuaikan tindakan kita itu. Iaitu *investigation* atau pun penyiasatan yang hendak kita lakukan.

Saya memberi contoh umpamanya negara China merupakan satu gergasi yang besar yang pengimportannya bukan sahaja ke Malaysia tetapi ke seluruh dunia, merupakan sesuatu yang akan menjejaskan domestik industri di semua negara, termasuk negara kita. Dan di negara China, saya mengambil contoh *handphone*, telefon bimbit. "*Far Way*" umpamanya adalah satu

syarikat yang amat besar dan harga yang dikenakan terhadap *handphone* atau pun telefon bimbit rata-rata di dunia orang mengatakan ialah satu anti *dumping element*.

Sebab harganya adalah terlalu rendah, rendah daripada kos pengeluaran itu sendiri. Itu, *this is a definisi anti dumping*. Tetapi dalam satu syarikat macam "*Far Way*" yang begitu besar sekali, dia ada *element transfer pricing*. Maksudnya kita tidak dapat menentukan sama ada kos itu benar-benar kos yang lebih murah daripada kos pengeluaran sebab segala-galanya ditransferkan atau pun dipindahkan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan.

Amat sukar bagi WTO sungguh pun WTO juga untuk meneliti dan mencari menganalisa sama ada aspek jauh lebih murah daripada kos pengeluaran itu sememangnya ada. Jadi, saya rasa kalau kita tidak mempunyai satu jawatankuasa penyiasatan yang canggih, yang mempunyai maklumat yang sungguh-sungguh mendalam dan luas, maka amat sukar kita hendak menentukan sama ada sesuatu barangan yang diimport daripada luar negara ke Malaysia itu adalah sesuatu *direct* dengan secara langsung memudaratkan barang pengeluaran domestik kita.

Tambah lagi, kalau dalam soal "*anti-dumping*" itu. Jadi sini kalau bolehlah saya ingin mendapatkan maklumat lanjut dan juga keterangan daripada kementerian di mana berakhirnya *safeguard duty* di mana bermulanya "*anti-dumping duty*" dan *counter veiling duty*. Sebab dia ada kaitan yang amat rapat. Adakah *counter veiling duty* dengan izin itu akan juga dianggap sebagai *safeguard duty*. Cukai *safeguard* atau pun perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dalam masa 200 hari di mana cagaran dan bond itu dikenakan melalui *safeguard duty* itu, sekiranya *supply* yang sudah pun dikeluarkan, yang diimport oleh katalah Yang Berhormat saya ini ialah pengimport baju daripada negara China umpamanya. *Supply* nya datang bukannya untuk bulan ini sahaja. *Supply* nya datang untuk satu tahun untuk dua tahun sebab dia pun ada sistem "*hygiene*" dia juga. Untuk menentukan harga barangan yang diimport itu tetap pada harga itu.

Adakah barangan yang sudah pun diimport akan dapat dijual dengan harga yang sama? Bagaimanakah kerajaan dapat meneliti dan menentukan bahawa barangan ini adalah barangan yang diimport yang harus dikenakan juga *safeguard duty* tadi. Sebab dia boleh lari. Dia boleh melalui Yang Berhormat Tuan Ratnam juga yang mempunyai satu kilang, dia boleh menjuruskan kepada kilang Yang Berhormat Tuan Ratnam dan menjual di negara kita.

Dan sekarang ini kita pula kena tanya Yang Berhormat Tuan Ratnam, *investigation* juga akan dikenakan kepada Yang Berhormat Ratnam sebab dia juga menjual barangan yang sama tetapi tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat saya ini sebab dia pandai lah hendak membawa lari barangan itu. Ini adalah *detail* satu perincian yang harus kita teliti. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah keupayaan, apakah keupayaan negara Malaysia apabila satu *safeguard major*, satu tindakan perlindungan diambil oleh negara seperti USA dan EU, Amerika Syarikat dan EU terhadap barangan kita umpamanya yang tiga yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Berapa lama kah sudah mereka itu, barangan ini dikenakan dengan *safeguard duty*, dan apakah tindakan kita? Saya rasa ianya berlanjutan sebab suara kita adalah suara yang halus. Sungguhpun kita merupakan negara ke -19 yang terbesar sebagai negara pengeksport tetapi suara kita adalah suara yang halus. Hanya suara Datuk Seri Rafidah yang garang. Tapi sebagai negara kita, sebagai negara masih dianggap sebagai negara yang tidak begitu garang kalau dibandingkan dengan Jepun, Amerika Syarikat dan EU.

Jadi, di sini untuk *safeguard measure* ini, kita harus ada juga *appendix* kepadanya bagaimana kita hendak menghadapi tindakan yang diambil oleh pengeksport-pengeksport atau pun pengimport-pengimport barangan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sahabat-sahabat saya yang mengata bahawa perlindungan itu tidak harus berterusan. Saya rasa dalam falsafah yang sudah pun disuarakan oleh kerajaan kita, sememangnya kita hendak hidupan industri yang berdaya tahan dan berdaya maju serta berdaya saing.

Dan tentu sekalilah apa jua tindakan perlindungan yang kita ambil adalah sesuatu yang sementara. Ini adalah sesuatu yang memang menjadi azam dan niat kita.

Tapi, soal Proton itu yang sudah disebutkan ialah satu di dalam apa juga FTA yang kita rundingkan tentu ada *exclusion clause* maknanya sesuatu yang kita keluarkan daripada rundingan dalam Asian juga Proton sudah dikeluarkan dari Automotif Industri dikeluarkan daripada perundingan. Sebab di semua negara di dunia ini terdapat sektor-sektor yang harus di lindung oleh kerana apa yang kita katakan kaitan-kaitan yang terdapat dalam ekonomi, yang terdapat dalam industri itu. Jumlah pekerja dan kita juga hendak membangunkan satu industri yang besar yang boleh memajukan teknologi kita dan lain-lain.

Bukan sahaja kita yang melindungi hal ini tetapi akhirnya kita akan membuka pasaran kita kepada automobil industri dan di situlah kita nak lihat sama ada hebat atau tidak kedudukan kita dan saya rasa apabila ia pasaran untuk automobil ini dibuka, saya rasa di situlah mungkin tindakan *safe guard* akan dipergunakan. Sebab ia memudaratkan, definisi dalam undang-undang ialah ia mendatangkan kemudaratan terhadap industri domestik.

Kalaulah Proton ataupun automatif-automatif industri kita dibuka luas kepada pasaran, maka tentu sekali kita akan menghadapi satu persaingan yang amat hebat sekali. Dan sini saya rasa tuntutan *safe guard measure* akan dapat kita lihat dengan jelas. Mungkin juga mungkin tidak tetapi saya rasa ia akan berlaku.

Tapi, ialah untuk kita apa orang kata menentukan bahawa kerajaan, pekerja-pekerja tidak akan hilang pekerjaan mereka, industri kita masih ada, fizikal infrastruktur masih juga teguh. Dan Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini sebenarnya *bottom line* dengan izin, adalah asas..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** ...ialah tak apa. Saya beri laluan kepada dua-duanya sekali.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, menyebut tentang Proton ini, baru tahun ini saja kita ada satu dasar automatif negara yang telah pun diumumkan oleh kerajaan. Saya tidak tahulah kenapa begitu lambat kita ada satu dasar. Tapi, Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang globalisasi ini dan saya libat bahawa wujud pertikaian juga di kalangan setengah pemimpin tentang isu Proton ini.

Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, apakah dasar automatif negara ini yang baru sahaja diperkenalkan itu memberi jaminan tentang masa depan Proton kita sesuai dengan globalisasi dan perjanjian-perjanjian yang akan kita tandatangani yang mana ada setengah pihak juga mempertikaikan.

Sebenarnya, dia kata ini pun sebenarnya telah melakukan satu kesilapan iaitu sebenarnya tidak ada kereta nasional, tidak perlu *national car* ini sebab mana ada negara ada *national car* dengan izin, Australia pun sudah tutup. Sebab kereta mesti bersaing, tapi kalau maksudnya kita nak satu kereta nasional tapi dia tak boleh bersaing sebab banyak sangat perlukan sokongan dan sebagainya jadi masa depannya dalam keadaan dengan globalisasi dan sebagainya itu maka akhirnya memang kita tak boleh ke mana. Jadi, saya ingin tahulah iaitu apakah dasar automatif negara ini memang responsif terhadap permasalahan yang sedang berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ini satu isu yang saya rasa harus di bincang dalam Kabinet. Walau bagaimanapun, menjawab dengan ikhlas *I may not be politically correct* dengan izin, tapi menjawab dengan ikhlas saya merasakan bahawa Proton akan menghadapi satu persaingan yang amat dahsyat, sebab sudah pun ada beberapa bukan andaian, tetapi beberapa analisa di seluruh dunia yang mengatakan tidak lama lagi dalam tujuh hingga sepuluh tahun akan hanya terdapat empat pengeluar automobil di dunia ini

Sekarang ini, saya rasa kalaulah Proton hendak menjadi satu syarikat yang berdaya saing maka kita harus melakukan apa yang Thailand sudah lakukan iaitu segala *spare parts*, segala *maintenance parts* dengan izin, *Ford* akan dilakukan di Thailand, sebab dia kosnya adalah rendah. Jadi, kalau di sini kita hanya hendak mengeluarkan kereta, sebiji kereta itu kita dapat lihat bahawa kita tidak dapat berdaya saing dan berdaya maju dan kalau kita jawab dengan ikhlas, saya jangan ikhlas saya yang cakapkan bahawa agak sukar bagi Proton hendak mempertahankan hidup dan nyawanya.

Kalau hidup, nyawanya pun agaknya dengan tak lama dan memerlukan fuis, memerlukan tiup ICU. Jadi saya rasa kita harus melihat, tidak semestinya kita *surrender* ya, kita mengangkat tangan mengatakan kita lepaskan. Ada cara lain untuk kita meneruskan, menjamin bahawa Proton itu akan terus hidup. Maksudnya mungkin bukan sebagai pengeluar kereta tetapi sebagai pengeluar *parts* kereta-kereta lain. Mungkin Proton akan diberikan nama yang lain, saya tak tahulah tapi..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan sekali lagi..

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** ...Tak mahu cakap?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya sebenarnya ialah bila dasar automotif negara itu diumumkan bekas Perdana Menteri kita, dia kata dasar automotif negara itulah yang akan membunuh Proton, sedangkan ada para *economist* yang mengatakan bahawa dengan izin, “*we’ve got it right*” dengan dasar automatif negara ini sebab dia kata kereta memang perlu bersaing, perlu persaingan dasar automotif negara itu menggalakkan persaingan sebab jika tidak dia kata Proton tak akan ke mana, sebab tak konsep *national car* ini sebenarnya.

Tetapi, bekas Perdana Menteri kata, dasar automatif negara itulah yang akan membunuh Proton dan jadi di sinilah yang maksudnya yang kita rasakan bahawa apakah sebenarnya apabila kereta nasional ini ya, kita buat dulu, kita tidak melihat apa yang akan berlaku di masa depan terutamanya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tentang globalisasi itu tadi. Mohon sekali lagi penjelasanlah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sila jelaskan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, secara ikhlas.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Secara ikhlas, saya kata dasar automatif yang diperkenalkan oleh kerajaan dapat membantu memanjangkan hayat Proton. Tetapi, untuk ia terus lama hidup seperti yang saya cakapkan tadi, kita harus melihat kepada cara yang lain untuk membantu kehidupan yang lebih panjang ini. Kita harus meneliti dan melihat ini.

Jadi, saya tidaklah menjadi penasihat Proton dan ini adalah satu perkara yang saya rasa memang masing-masing mempunyai pandangan yang berlainan Tun Mahathir mempunyai pandangannya, *experts* lain mempunyai pandangan mereka. Tapi, saya rasa macam Dr. Mohd. Puad, Insya-Allah satu hari Dato' bulan depan kut. Katakan bahawa mula ianya tercetus daripada HICOM itu didirikan pada tahun 80-an. Banyak kritikan sudah pun di maju diajukan tentang *national car*.

Tapi saya rasa soal penggunaan perkataan *national car* itu bukan isu sebab kalau kita sebut *Mercedes* dan *Volkswagen* di negara Jerman, ia bermula bertahun-tahun awal masa kita belum dilahirkan lagi. Tetapi apabila kita menubuhkannya, ia adalah sesuatu yang hendak membawa kebanggaan bangsa, kebanggaan kebangsaan dan kita memanggilnya sebagai *national car*.

Tetapi panggilannya itu tidak menjadi masalah, saya rasa itu bukan isunya. Isunya ialah bagaimana kita hendak mempertahankan daya saing dan daya kebolehan Proton itu sendiri. Saya rasa saya ingin serahkan kepada Yang Berhormat untuk tolong menjawab sebab dia lebih mengetahui dan saya harap ini adalah sesuatu perkara yang sama-sama kita boleh bincangkan dan saya ingin menjemput ....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih. Saya juga tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat tadi dan juga rakan-rakan saya iaitu

tentang kereta nasional dan juga dengan Akta Pelindung. Pelindung ini kita melindungi termasuk kereta nasional atau apa sahaja barang yang ada di Malaysia yang buatan kita.

Kalaulah kita hendak bandingkan kereta nasional sebagaimana Yang Berhormat kata tadi bahawa 10 tahun lagi kereta nasional ini mungkin jadi penjual *spare part*. Saya tidak setuju macam itu sebab kita kena bangga dengan kereta nasional kita. Kenapa kereta nasional kita hari ini menurun, kita hendak cari. Sebab bagi saya, AP yang kita import kereta daripada luar ini masuk bersaing dengan kereta kita dan orang itu sudah pun bertamadun 30 atau 40 tahun, kita baru hendak buat lepas itu kita hendak kata kereta ini satu hari kereta nasional ini akan hilang.

Kalau negara lain, dia melindungi industri dia. Dia jaga industri dia. Dia cemburu, tetapi kita ini sampai besi buruk pun kita bawa masuk dalam Malaysia hendak suruh *compete* dengan kereta nasional. Matilah kereta nasional. Jadi AP-AP yang ada patut dikurangkan. Satu hari saya ada dengar menteri kata insya-Allah satu hari AP ini pun sudah tidak ada, tidak akan import kereta masuk. Kalau tidak import kereta masuk, kita ada kereta nasional, kita ada industri sendiri, kita buatlah *spare part* sendiri.

Dahulu kita pun tidak pandai buat kereta. Tetapi hari ini kita sudah ada kereta nasional. Hendak buat *spare part* ini memakan masa. Begitu juga dengan motosikal kita. Industri motosikal kita hendak *compete* dengan industri motosikal negara China, tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua pergi ke negara China beli seluar ini RM30 hendak buat dekat tukang jahit, lain Tuan Yang di-Pertua pakai RM1,000 lebih. Kalau saya pakai RM200. Dia punya *brand* itu lain sedikit.

Maknanya kita tidak boleh *compete*. Tetapi kalau industri kita, buatan kita, kita lindung, kita boleh lakukan. Kalaulah kita katakan kita tidak ada *confident* dengan kereta nasional, kita sendiri yang buat kesilapan. Kelemahan terletak kepada kita, jadi kita hendak salahkan orang lain tidak boleh. Inilah kalau kita hendak soal Akta Perlindungan, ini kita kena pelindung barang kita.

Kita tengok hari ini ada orang import barang-barang macam garpu atau barang-barang lain berharga RM2 atau RM3 ini, padahal kita ada juga industrinya dalam Malaysia. Industri ini juga akan hilang dan industri ini juga akan hapus kalau kita tidak kawal supaya barang-barang negara China ini tidak masuk dan bersaing dengan barang-barang kita. Kita kena cemburulah, kalau kita sendiri tidak cemburu sehingga kita sendiri bawa masuk barang orang dan lepas itu kita kata barang kita tidak boleh *compete*. Itu tidak betul.

Pandangan saya, kita kena lindung barang kita. Kalau kita hendak bagi AP atau hendak bagi apa, bawa barang lain masuk ke Malaysia ini tengoklah kalau barang kita ada, kita jangan bawa masuk. Kita bolehlah kawal harga kita, kalau setakat kita hendak bersaing dengan orang lain, boleh! Tetapi kita kena jaga barang kita dan lindung barang kita. Hari ini kita tengok sama ada betul atau tidak betul, saya tidak tahulah. Saya ingat wakil kementerian ada, Timbalan Menteri boleh jawab. Ada orang mengatakan kereta yang dibawa masuk daripada luar atau diimport masuk harganya lebih murah daripada harga kereta kita.

Padahal kalau kita buat kereta itu tidak cukup pun hendak buat. Maksudnya kalau mahu masuk hanya RM11,000 *under-declare* dengan izin, tetapi perkara ini adakah benar? Kalau benar, maksudnya kita kena hentikan perkara-perkara ini. Kalau tidak, kita tidak boleh *compete*, kita tidak boleh bersaing dengan barang-barang kereta nasional kita. Saya akui kalau kita tidak melindungi kereta nasional kita, apa sahaja yang buatan di Malaysia ini maka semuanya akan hilang.

Pada pandangan saya, kita kena salahkan diri kita sendiri. Dasar kita itu kena betul. Perbetulkan dasar kita dahulu maka insya-Allah kita boleh lindungi barang-barang kita. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Musa, sebelum duduk, sebelum duduk Yang Berhormat Dato' Musa, Yang Berhormat saya hendak tanya, Yang Berhormat Dato' Musa pakai suit itu cantik, *brand* apa Yang Berhormat pakai itu? Saya hendak tanya ....

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir :** Beli di Penang Road. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak ikut saya, boleh saya bawa sebab saya orang Pulau Pinang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Import kah ?

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir :** Tidak, yang *local* di Penang Road, saya boleh bawa pergi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Fabriknya importkah buatan dalaman?

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir :** Tidak, tidak, buatan negara. Kain ini pun buatan di sini. Di kilang di Perai, saya boleh bawa Tuan Yang di-Pertua pergi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tambah sedikit bagi Yang Berhormat yang menggulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ikuti ucapan permulaan Yang Berhormat keluarkan kata-kata yang bermaksud Akta yang akan diluluskan nanti merupakan pedang tajam depan dan belakang. Saya percaya pedang ini juga hujungnya juga tajam kerana Akta ini boleh menjuruskan kepada serampang mungkin tujuh mata, bukan kita tengok satu aspek sahaja.

Kalau lihat akta ini akan merangkumi bidang pertanian, bidang pembuatan, mungkin juga *human capital* nya merupakan saingan kita dan juga kalau kita lihat Yang Berhormat apa-apa akta pun yang kita buat dari segi penguatkuasaannya selalu kita lihat aktanya cantik, penguatkuasaannya. Di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang apa yang berlaku hari ini dan tentang kerisauan Yang Berhormat nyatakan tadi tentang jangka hayat Proton yang telah pun beliau nyatakan akan berlaku kepupusan atau akan lenyap.

Sebagai warga atau anak watan kita atau anak Malaysia, perasaan cemburu mesti ada baik apa sekalipun dasar yang hendak dibuat, apa sekali pun perundingan hendak dibuat sama

ada dagangan dua hala atau tiga hala dengan negara-negara luar, pokoknya cemburu di hati untuk anak tempatan iaitu warganegara Malaysia harus diberi keutamaan.

Justeru itu, kalau kita lihat dalam apa-apa dasar perjanjian, kadang-kadang melibatkan atau melihatkan seolah-olah kita ini diperkotak-katikkan. Faedah kadang-kadang kita dapat kulit orang lain dapat isi. Kita dapat tulang, orang lain dapat otak-otaknya. Sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi itu lahir secara ikhlas tentang hidup Proton tidak lama.

Saya juga rasa ragu Tuan Yang di-Pertua, kita juga seorang pakar termasuk Yang Berhormat sebagai pakar dalam macam-macam bidang. Kita tahu musuh-musuh yang akan datang, jangka hayat 10 tahun dengan cabaran-cabaran *tsunami* berbagai-bagai-bagai aspek, kenapa kita tidak.., kita sekarang ada kuasa, kita ada pemikiran, kita ada *think tank* merangka untuk berhadapan dengan saingan-saingan yang telah pun mungkin Yang Berhormat nampak.

Mengapa tidak kita *surrender* macam itu sahaja? Kita lepaskan macam itu sahaja? Kita lihat negara kita berhadapan dengan berbagai-bagai *tsunami* besar, global tetapi dengan kepintaran atau kepakaran sesama kita, kita berjaya berhadapan menangani isu-isu antarabangsa.

Ini soal Proton, kita merupakan Proton suatu kebanggaan negara. Puluhan ribu anak watan ada di dalam Proton. Kenapa kita tidak mencari jalan untuk mempertahankan undang-undang yang dibuat itu adalah undang-undang manusia. Kita lihat saingan-saingan kepada Proton adalah berpunca daripada beberapa dasar yang nampaknya ada *look hole*. Kedatangan kereta Korea yang melimpah-limpah. Kedatangan kereta Jepun yang melimpah-limpah. Mereka telah pun maju mungkin 50 tahun atau 100 tahun ke hadapan. Kita baru setahun jagung.

Jadi padang permainannya tidak sama. Jadi bagaimana kalau kita mempersalahkan Proton kerana daya saingannya tidak betul, daya tahannya kita harus perkemasan, kita terdedah kepada arus tsunami yang tidak diduga dengan lambakan yang begitu banyak dan sahabat-sahabat kita sebut AP tadi, mengapa perkara itu boleh berlaku dan kita kena lihat sejarah, sejarah kegagalan kita, kita gagal hari ini dan kita harus lihat bagaimana untuk mempertahankan tsunami yang akan datang. Bukan kita terdedah dan melihat ancaman-ancaman dan menerima ancaman-ancaman tersebut dengan begitu longlai tanpa semangat.

Lihat Proton, satu ketika dahulu dipertikaikan wujudnya HICOM dengan kereta nasional tetapi satu ketika kita, telah pun mendapat kebanggaan kepujian seluruh dunia tentang keistimewaan kereta Proton. Anugerah-anugerah kita dapat dan sekarang ini sekitar dengan adanya Dasar Automotif Nasional ini, ada pro dan ada consnya tetapi penguatkuasaan itu lebih penting, hendak lihat arah mana jurus mana yang akan kita bawa automotif negara dengan dasar-dasarnya dan kita tidak boleh *surrender* yang saya katakan tadi, apa akan berlaku kepada puluhan ribu tenaga kerja dan jangka panjangnya lahirnya Proton ini akan membuahkan benih-benih yang boleh menumbuhkan buah-buah yang lebih berguna, bermanfaat kepada warga negara Malaysia anak watan kita.

Justeru itu, akta ini walaupun disebut sementara mahu tidak mahu kerana negara-negara lain buat, walaupun 47 negara telah buat tetapi mahu tidak mahu iri hati kita kerana mereka juga amalkan perkara yang sama, mesti cari jalan mempertahankan hak-hak kita. Macam dasar pertanian, lambakan-lambakan kadang-kadang barang keluaran tempatan kita tetapi isinya dinikmati oleh negara-negara jiran, inilah perkara-perkara kementerian harus fikir. Petani-petani yang mengeluarkan peluh tidak kira siang malam kerja kuat kalau orang kata malas orang luar bandar saya tidak percaya, bertungkus-lumus siang dan malam tetapi hasilnya, hasilnya siapa yang dapat? Inilah perkara-perkara yang kita harus fikir bersama, tentang kelapa sawitnya, tentang kereta *second handnya*.

Negara jiran yang tidak ada ladang tetapi menjadi jaguh eksport dunia. Negara jiran mempunyai kepakaran-kepakaran dari segi *human capital* nya yang boleh *high jack* segala hasil yang sepatutnya kita nikmati. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang isu pokok yang saya sebutkan tadi itu dari segi akta ini yang merupakan pelindung sementara tetapi harapan kita bukan sementara, mahu tidak mahu walaupun apa sekali pun dasar luar negara, dasar antarabangsa tetapi kita harus memikirkan cara bagaimana untuk mempertahankan hak-hak keluaran tempatan.

Saya tidak kira sama ada kadang-kadangnya ia boleh menimbulkan implikasi hubungan diplomatik yang kurang senang tetapi itulah hakikatnya kadang-kadang negara lain bertindak dia tidak peduli soal hubungan antarabangsa dia peduli hak watan, hak kepentingan rakyat dia sendiri. Jadi Yang Berhormat kalau boleh saya hendak semangat Yang Berhormat itu naik balik jangan tengok Proton akan lenyap, jangan, jangan ulang-ulang perkara ini, kita bangun bersama dan pastikan Proton akan mempunyai daya saing boleh lawan, FORD kah, PORT kah, dia boleh lawan, terima kasih Yang Berhormat dan apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Sebelum Dato' Dr. Norraesah Yang Berhormat boleh saya sambung sedikit sahaja, saya amat tertarik dengan perbincangan ini.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Dato' Dr. Norraesah ada memberitahu berhubung dengan nasional, saya tertarik dengan nasional ini. Jadi saya amat bersetuju dengan pandangan bahawa kita haruslah mempertahankan hal-hal yang bersangkutan dengan nasional. Saya hendak sebut satu perkara ialah berhubung dengan filem nasional kerana hari ini filem nasional tidak dipertahankan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ...[Ketawa]

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Kerana tidak ada perlindungan kalau kita lihat, kita import filem dari luar lebih daripada 80% tidak ada perlindungan filem nasional. Sebagai contohnya di antara perkara-perkara yang selalu saya sentuh ialah mengenai filem-filem yang kita import - filem asing. Khususnya di negara-negara ASEAN, maka kalau boleh kita fikirkan semula ubah

sedikit pandangan kita, ubah sedikit dasar kita. Hari ini kita mempunyai dasar *free enterprise* dengan izin. Kalau di negara jiran kita dia mengamalkan *guidance free enterprise* dengan izin. Jadi dia memandu segala bahan-bahan yang berunsurkan nasional dia pertahankan, dia pandu yang ini boleh dan yang ini tidak boleh, yang mana yang boleh bersaing atau menjadi persaingan kepada bahan dia pertahankan dia pertahankan.

Sebagai contoh negara Indonesia, filem-filem kita kerana sama bahasa jadi oleh kerana itu dia pertahankan, dia tidak boleh membenarkan filem-filem kita ditayangkan di Indonesia maka saya pun baru-baru ini telah timbulkan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa supaya dapat di bawa kepada FTA supaya perkara ini dapat kita laksanakan dan ini barangkali kita harus pertahankan juga kerana filem juga memainkan peranan yang penting untuk mempertahankan nasional identiti di dalam filem kita dari segi bahasa, budaya dan juga dari segi bangsa Malaysia yang berbilang kaum, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ada lagi?... [Ketawa]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih kepada semua yang memberi pandangan mereka. Soal AP saya rasa saya tidak ingin menjawab kerana ini sudah pun banyak diperbahaskan terlebih awal daripada sekarang ini cuma saya hendak menyentuh tentang soal Rang Undang-Undang ini adalah rang undang-undang untuk pelindung bukan Rang Undang-undang Perlindungan. Perlindungan bermakna kita *protectionist*, kita mengenakan sesuatu duti atau duti bukan tarif untuk menahan dan menidakkan kemasukan sesuatu barangan ataupun perkhidmatan tetapi rang undang-undang ini saya terpaksa mengkhususkan kepada perbahasan Rang Undang-Undang Pelindung iaitu *safeguard*.

Apabila terdapatnya kemudaratannya kepada industri domestik akibat daripada kemasukan barangan import itu dan bukannya kemudaratannya yang timbul atau wujud yang tidak ada kaitan dengan pengimportan itu, ini perbezaannya. Namun saya ingin menjawab kalau tidak mungkin Yang Berhormat, Dato' Musa sahabat saya maklum sahajalah harimau sarkas ini sekejap lagi dia terkam kejam lagi, susah juga kan!... [Ketawa]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Siapa yang jadi harimau sarkas ini?... [Ketawa]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** .... [Ketawa] Kita semualah dalam Dewan ini kiranya. Umpamanya dalam soal pengimportan AP barangan motor ataupun kereta yang bersaing kita difahamkan dan sudah pun diberi taklimat dan maklumat bahawa kereta-kereta di bawah AP tidak bersaing dengan secara terus-menerus dengan Proton sebab harga barangan ataupun harga kereta yang diimport di bawah AP adalah tidak sama dengan harga Proton itu sendiri. Maka saya rasa tidak ingin untuk melanjutkan perbahasan saya dalam soal Proton ini sebab tidak berakhir nanti....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** [Bangun] Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Namun, sekejap boleh tidak?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sedikit sahaja hendak perbetulkan sahaja? Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sila Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan kata hari ini AP dan kereta yang diimport tidak akan bersaing dengan kereta nasional. Saya minta Yang Berhormat, saya ingat esok Yang Berhormat apa kalau ada masa saya bawa Yang Berhormat pergi tengok di Kuala Lumpur ini ada atau tidak kereta-kereta yang murah-murah yang masih diimport dan yang masih bersaing lebih murah lagi daripada Proton yang diimport masuk, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tidak apa saya terima undangan daripada Dato' Musa, esok boleh kita pergi sama. Namun saya rasa saya bersetuju dengan kawan-kawan bahawa ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jangan berdua sahaja, saya ingat yang lain pun kena ikut.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kena ikut sama, kalau tidak....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dua sahaja, saya tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Dua sahaja bahaya ya Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yalah, yalah.. [Ketawa]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** .... [Ketawa] Tentang soal kereta Proton itu, saya memang bersetuju bahawa ianya satu kebanggaan negara kita. Tetapi dalam membanggakan sesuatu itu kita harus membuat dan mengambil tindakan. Untuk menentukan bahawa kebanggaan itu terus menjadi satu kebanggaan.

Maknanya ia terus mapan, terus mempunyai daya tahan, terus mempunyai daya saing, terus harganya adalah kompetitif. Dan di sini katalah sekiranya kalau Yang Berhormat Datuk Yaakob membuat satu *comparison* dengan kereta-kereta yang datang daripada luar negara, mereka hidupnya sudah lama, tetapi kita ini baru hendak mula berjalan mula taktik, maka mudah kita jatuh apabila ribut datang. Namun kalau kita lihat kepada kereta-kereta seperti Jaguar, seperti Ford sendiri sudah pun dibeli oleh General Motors. Sudah di *absorb* ataupun dibeli oleh syarikat-syarikat yang lebih besar, yang lebih kompetitif.

Ini satu realiti yang saya rasa kita tidak harus ketepikan. Tetapi saya bersetuju juga memandangkan kita berhadapan dengan realiti ini, sekiranya kita benar-benar hendak melindungi produk kita yang dinamakan Proton dan kereta-kereta di bawah keluaran Proton itu, maka kita harus mencari jalan yang penuh komited yang benar-benar dapat mempertahankan kedudukan Proton itu sendiri. Dan saya menjangkakan bahawa dasar automatik yang sudah pun diterima pakai oleh kerajaan kita dapat membantu menentukan bahawa Proton itu panjang hayatnya akan lebih lama dan insya-Allah akan berterusan.

Saya memang bangga dengan kereta Proton, saya sendiri pun ada kereta Proton di rumah, anak-anak saya semua guna kereta Proton. Ini tidak mengetepikan ataupun kita tidak

harus menafikan bahawa cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh Proton adalah sesuatu yang amat hebat sekali.

Tentang soal filem tadi oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, soalnya sama Datuk, kita bercakap tentang perlindungan tetapi akta ini ialah suatu akta perlindungan. Maknanya kalaulah bahan filem yang datang dari Indonesia umpamanya adalah didapati dengan secara langsung memudaratkan industri perfileman kita, maka tindakan *safeguard*, tindakan lindungan dapat dilakukan, bukannya kita dengan tanpa membuat penyiasatan melihat tentang impak langsungnya itu terhadap industri kita tidak dapat kita letakkan suatu duti perlindungan, iaitu satu *protectionist measure* yang akan mendapat tegahan daripada *World Trade Organization* itu sendiri.

Jadi saya meneruskan perbahasan ini, saya ingin bertanya satu kemusykilan yang ada pada diri saya. Sekarang ini untuk berdaya saing, untuk menentukan bahawa syarikat-syarikat kita ini mempunyai ketahanan menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi, kita digalakkan ataupun kita menggalakkan syarikat-syarikat kita melabur ke luar negara di mana kos pengeluaran adalah jauh lebih rendah terutama sekali kos pekerja.

Maka banyak daripada syarikat-syarikat kita sudah pun melabur di negara China umpamanya. Umpamanya mereka melabur untuk membuat *mattress* (tilam) dan bantal umpamanya dan juga pakaian, kerana Malaysia merupakan satu pengeluar penting pakaian dan tekstil. Katakanlah syarikat-syarikat ini melabur di negara China, pengeluarannya amat besar dan daripada syarikat kita subsidiari di negara China anak syarikat di negara China, kita mula mengeksport kepada Malaysia dan harganya adalah harga yang jauh lebih murah, efektif dan kompetitif. Di samping itu kita juga mengeluarkan dan mengeksport kepada negara-negara di Asean yang lain.

Adakah tindakan *safeguard* yang sama akan kita kenakan terhadap anak syarikat kita sendiri yang sekarang ini sudah pun menjadi satu syarikat yang amat kompetitif sekali. Ini saya rasa di antara perkara-perkara yang harus kita teliti. Kalau tidak, tidak ada gunanya juga syarikat kita melabur di luar negara untuk meningkatkan daya saing mereka, dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap anak syarikat mereka di sini yang mengimport semula barangan-barangan yang dikeluarkan di negara China melalui *buy-back instrument* umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa cabaran globalisasi akan memberi tekanan yang hebat terhadap negara kita terutama sekali barangan-barangan yang akan datang daripada pengeluar-pengeluar yang lebih murah kosnya, iaitu negara India, Vietnam, Kemboja dan juga negara China, maka adalah wajar kita memberi perlindungan dalam erti kata *safeguard duty*, iaitu dalam rang undang-undang ini supaya kita memberi dalam lima hingga sepuluh tahun, memberi satu tempoh bagi syarikat kita menyesuaikan cara dan corak pengeluaran mereka supaya mereka menjadi lebih kompetitif menghadapi cabaran dan juga import daripada luar yang begitu hebat sekali.

Memandangkan ini Tuan Yang di-Pertua, dan memandangkan bahawa negara lain mengambil tindakan perlindungan begitu banyak sekali terhadap eksport-eksport negara-negara membangun terutama sekali, maka saya rasa wajar kita mempunyai rang undang-undang seperti yang ada di hadapan kita. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Ada sesiapa lagi? Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**4.57 ptg.**

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah ambil bahagian dalam perbahasan dan saya akan cubalah menjawab satu persatu.

Yang pertama, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, saya hendak memperbetulkan sedikit kita punya eksport bukan eksport yang mencapai RM1 trilion tetapi dagangan kita, jumlah dagangan, *total trade* belum mencapai RM1 trilion dan kita harap dalam tahun ini kita boleh mencapai RM1 trilion...

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan. Saya juga sebut perdagangan bukan eksport.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat berkenaan langkah-langkah yang diambil di bawah Rang Undang-undang Pelindung 2006 ini, bukan satu langkah yang harus diambil untuk masa jangka panjang. Langkah yang terbaik membangunkan kompetitif industri kita adalah kita mesti membangunkan dari segi *human capital* dan untuk *design* atau kualiti dan sebagainya. Sebab itu rang undang-undang ini cuma untuk sementara sahaja, maksimumnya 10 tahun dan saya bersetujulah langkah-langkah pelindung dikenakan di atas produk yang berkenaan, *across the board* dengan izin. Mana-mana industri tempatan yang mengalami kemudaratan boleh membuat aduan sama ada melalui individu ataupun melalui pertubuhan organisasi.

Ini telah dimasukkan dalam definisi industri dalam negeri di mana industri dalam negeri adalah pengeluar dalam negeri secara keseluruhan *major producer* ataupun pengeluar dalam negeri yang berkemungkinan mempunyai pengeluaran dalam negeri tetapi merupakan satu atau dua pengeluar dalam produk berkenaan, dengan itu syarikat-syarikat yang kecil dan sederhana adalah dilindungi juga.

Produk-produk seperti kosmetik juga boleh dilindungi. Produk bersaing secara langsung adalah produk yang tidak serupa tetapi mempunyai ciri-ciri atau *characteristics* yang serupa di mana kegunaannya atau *end used* adalah serupa.

Kepada Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim, penentuan kemudaratan yang serius atau ancaman kemudaratan yang serius telah ditentukan oleh bukti objektif dengan faktor-faktor. Di sini saya ada satu senarai. Kita mesti ambil kira situasi industri iaitu jumlah kenaikan import produk berkenaan atau *the rate and the amount of increase in imports of the products concerned in absolute and relative terms*, dengan izin, perkongsian pasaran dalam negeri melalui

peningkatan import, pertukaran di peringkat penjualan, pengeluaran, produktiviti, kapasiti *utilization*, keuntungan atau kerugian atau *profit and losses*, dengan izin dan pekerjaan. Ini semua adalah *benchmark* atau tanda aras ke atas kemudaran serius. So, kita ada definisi.

Selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, kita akan menubuhkan satu agensi di bawah kementerian saya iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Apabila tindakan *safeguard* diambil, badan penyiasatan ini akan menentukan jumlah duti atau kuota atau kedua-duanya. Kastam akan hanya memantau kemasukan dan mengutip duti yang berkenaan sebagai dicadangkan oleh MITI. Kita pun telah buat permohonan supaya kita tambah lagi jawatan dalam kementerian kita ini supaya kita boleh melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Awal-awalnya saya pun telah memperjelaskan perbezaan pelindung dan perlindungan. Dalam pelindung ini, kita biasanya yang utamakan kita jaga kuantiti yang masuk, bukan berkenaan dengan harga. Ini adalah berbeza dengan *anti-dumping* di mana harga yang utama.

Kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, saya ucap terima kasihlah sebab bagi banyak penjelasan bagi pihak saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Di dalam penyiasatan langkah pelindung terdapat dua *stage* atau dua fasa di mana untuk situasi yang *urgent* atau segera, kita boleh gunakan langkah pelindung sementara di mana penyiasatan masih boleh diteruskan dan mengenakan satu langkah pelindung sementara adalah berdasarkan kepada penentuan awam atau *preliminary determination*.

Pengenaan adalah dalam tempoh 200 hari. Ini bermakna kita boleh mengenakan atau mengutip duti selama 200 hari dan sekiranya di dalam penyiasatan muktamad didapati tiada kemudaran, maka duti yang dikutip dalam 200 hari ini boleh dikembalikan. Ini adalah satu langkah yang segera.

Berkenaan anti lambakan atau *anti dumping*, ujian atau *test* yang digunakan adalah berbeza. *Anti-dumping* terjadi oleh kerana negara berkenaan mengeksport produk berkenaan jauh lebih murah di luar negaranya. Ini bermakna di luar negara dia jual sangat murah tetapi dalam negara asalnya harga lebih tinggi. Tindakan anti lambakan yang dikenakan berbentuk duti dikenakan ke atas negara yang terlibat dengan *dumping* yang mengakibatkan *distortion* di pasaran iaitu mengakibatkan *unfair trade* atau perdagangan yang tidak adil.

Ini tidak akan berlaku pada masa yang sama dengan *safeguard measure* diambil. *Dumping* berlaku dalam situasi eksport manakala *safeguard measure* digunakan dalam peningkatan import ke dalam sesebuah negara.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Selalunya pengimportan itu adalah meningkat oleh kerana harganya adalah lebih murah sebab kalau harga itu mahal maka tidak akan terdapat satu lonjakan yang tinggi dalam pengimportan. Maknanya ini ada kaitan rapat antara harga dan kuantitinya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat::** Apa yang saya kata tadi langkah pelindung kita mengenakan apabila kemudaran dalam *volume, in terms of volume* yang besar yang diimport

ke negara kita. Tetapi *anti-dumping* ini biasanya dikenakan dengan harga yang lebih murah kepada negara pengimport dari negara eksport.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham itu sebab saya kaitkan lonjakan pengimportan kepada harga yang jauh lebih murah. Maknanya *anti-dumping*, elemen *dumping* itu ada bersama dengan peningkatan kuantiti yang kita import. Bila terjadinya perkara ini, kaitan yang rapat antara kuantiti dan harga yang murah itu, maka kita dapat kenakan kedua-duanya sekali. Maknanya *safeguard duty* dan juga *countervailing duty*.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Kemungkinan situasi ini boleh berlaku tetapi tadi saya pun telah memberitahu kriteria atau *benchmark* di mana kita mengenakan agar pelindung dan kalau kita dapati ada elemen *dumping*, kita boleh kenakan *anti-dumping measures* juga. Berkenaan...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini lain sedikit daripada isu *dumping* tetapi menyentuh barang-barang import iaitu berkaitan dengan kereta. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan dan penjelasan berkaitan dengan kereta-kereta import melalui AP yang mana rata-rata kita lihat kereta import ini terlalu boleh dikatakan berdasarkan AP yang berada di stor-stor dan di tapak-tapak penjualan. Dari segi pelaksanaan, kereta-kereta yang ada yang diimport melalui AP itu di tapak-tapak penjualan, adakah kereta-kereta ini telah pun dibayar cukai ataupun hanya dibayar cukai apabila ada pembeli. Sila beri pandangan sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Sebenarnya ini terkeluar dari tajuk Rang Undang-undang ini. Tetapi kita kawal AP yang dikeluarkan. Kita tidak melebihi 10% pengeluaran kereta tempatan dari tahun lepas. Berkenaan dengan cukai, ini adalah satu langkah yang dilaksanakan oleh Kastam. Cukai bukan di bawah MITI. Tetapi kita hanya mengeluarkan AP sahaja. Saya tidak tahulah sama ada betul atau tidak sekarang pengimport mesti bayar cukai dalam beberapa hari sahaja. Dahulu mungkin ada satu sistem di mana mereka boleh mengimport kereta, letak di Port Klang ke dan bila ada pembeli, baru mereka bayar cukai. Tetapi saya tidak tahu apa kedudukannya.

Berkenaan *counter willing duty* pula, ini adalah di bawah isu subsidi, *purview of WTO* subsidi *and counter weaning measures agreement*. Isu ini adalah berkenaan *knowledgefication of benefits* dengan izin oleh sesebuah negara ahli WTO walaupun tiada pelanggaran perjanjian WTO. Tetapi oleh kerana produk berkenaan boleh dieksport atau dipasarkan dengan murah dan banyak. Oleh kerana ia telah disuntik dengan subsidi atau insentif. Ini adalah berkenaan isu harga dan timbal balas. Timbal balas yang dikenakan adalah berdasarkan kepada perbezaan margin harga produk tersebut.

Banyak lagi. Dato' Dr. Norraesah juga membangkitkan isu-isu seperti *forward supply* yang telah import untuk jangka panjang, tetapi sama ada boleh dijual dengan harga yang sama, dan macam mana kita boleh menentukan pelindung. Ini kita gunakan *benchmark* yang sama

juga yang kriteria yang saya sebutkan tadi. Berkenaan Proton, saya rasa Proton tidak masuk dalam di bawah pelindung, ini adalah satu langkah perlindungan iaitu *protection* atau *protectionist policy*. Saya rasa Dato' Dr. Norraesah pun telah bantu saya dalam jawapan. Ada lagi berkenaan daya saing, kita menggalakkan syarikat kita membuat *investment* di negara lain dan apabila mereka mengeluarkan barang-barang import, anak syarikat kita sendiri di luar negeri, apabila mengimport, sama ada kita kenakan boleh ambil langkah pelindung.

Saya rasa ini boleh, sebab kita tidak kira syarikat mana, syarikat asal, tuan punya siapa kita tidak kira. Tetapi, apa yang penting apabila sesiapa import ke negara kita, kita boleh pakai *benchmark* dan *benchmark* itu sahaja yang akan menentukan sama ada langkah pelindung akan diambil.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat, bukankah ini satu *signal* kepada syarikat-syarikat yang lain yang mengeluarkan barangan yang tidak serupa tetapi sama, iaitu bersaing. Anak syarikatnya kita faham, sebab dia melabur di negara China, dia membawa masuk semula barangannya. Tetapi kepada syarikat-syarikat yang lain, yang mengeluarkan barangan yang bersaing bersama dengan syarikat Malaysia yang sudah pun melabur di negara China, bukankah ini satu *signal* kepada mereka supaya mereka juga untuk menjadi kompetitif untuk berdaya saing harus juga mula melabur di luar negara seperti negara China.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Saya rasa ini adalah satu keputusan perniagaan, kerana pengilang tempatan, mereka harus dapat maklumat dari negara-negara luar sama ada daya saing *competitiveness* mereka di negara ini atau di pasaran luar negeri macam mana *competitiveness* nya. Kalau kita tengok dalam industri kita, biasanya industri yang berteknologi rendah, awal-awalnya mereka datang ke negara kita, tetapi selepas itu, mereka pindah ke negara ketiga sebab *labour* kos di sini, tidak murah lagi dan kita selalunya *up the value change*, supaya kita boleh mengadakan barangan yang berharga lebih tinggi dan teknologi lebih tinggi dan sebagainya.

Ini adalah satu cara kita hendak memajukan negara kita dan saya rasa kita tidak menggalakkan banyak lagi industri berintensif manusia di sini. Saya bersetuju, ini mungkin boleh jadi satu *signal* kepada industri kita, beritahu. Tetapi, pada pandangan saya, kita tidak perlu ada kemudahan dalam negara kita. Mereka pun telah tahu, sebab kalau mereka tidak boleh masuk ke pasaran, eksport, mereka memang tahu *attitudeness* mereka tidak begitu tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah sedikit sebanyak jawapan yang boleh saya bagi pada petang ini dan saya ucap terima kasih sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, peningkatan import secara mendadak dan mengejut akibatkan kemudahan yang serius kepada industri tempatan hendaklah diberi perhatian yang serius.

Tindakan mengambil langkah-langkah pelindung sebagaimana yang dibenarkan oleh WTO hendaklah dilakukan melalui penguat kuasa undang-undang oleh kerana ia melibatkan

kutipan *duty*. Berdasarkan kepada faktor-faktor utama keperluan undang-undang pelindung serta persaingan daripada negara-negara maju dan membangun akibat globalisasi adalah penting. Negara Malaysia mempunyai langkah-langkah pelindung melalui perundangan supaya dapat melindungi industri tempatan yang terjejas akibat import yang mendadak di dalam perdagangan yang adil atau *trade fair* ini.

Sekian. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Dato' Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan mesyuarat*]

**Fasal-fasal 1 hingga 42** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.21 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Minta Yang Berhormat memberikan huraian.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 telah diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2006 yang lalu. Mesyuarat kelapan *Multimedia Super Corridor* pada 28 Jun 1999 telah mengarahkan Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia menjalankan satu kajian untuk mengkaji dan mengesyorkan perubahan yang perlu kepada Akta-akta yang sedia ada dan bagi memudahkan peralihan ekonomi berdasarkan elektronik.

Dalam kajian yang telah dijalankan, perunding telah mencadangkan supaya dua undang-undang baru digubal dan salah satu daripadanya adalah Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik. Jemaah Menteri pada 19 Mac 2003 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang ini digubal dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dilantik sebagai agensi pelaksana bagi Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik.

Rang Undang-undang ini merupakan satu Akta Persekutuan yang bertujuan mengatasi halangan-halangan yang wujud bagi menjalankan transaksi secara elektronik. Rang Undang-undang ini mengiktiraf dari segi undang-undang transaksi yang dijalankan secara elektronik tetapi pada masa yang sama tidak melarang transaksi dibuat secara konvensional.

Objektif undang-undang ini adalah bagi memberi pengiktirafan undang-undang bagi transaksi dibuat secara elektronik. Ia juga akan memberi keyakinan kepada masyarakat secara umum untuk membuat transaksi elektronik dengan mengurangkan keraguan yang timbul berkenaan pengiktirafan undang-undang bagi transaksi elektronik. Rang Undang-undang ini berkuat kuasa ke atas semua jenis transaksi perdagangan dalam bentuk perutusan elektronik termasuk transaksi perdagangan yang dibuat oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Malaysia sedang bergerak ke arah mencapai Wawasan 2020. Bagi Malaysia menjadi sebuah negara maju, negara harus memperkukuhkan lagi infrastruktur perundangan selari dengan perkembangan-perkembangan dunia pada masa sekarang. Dunia pada masa kini bergerak ke arah globalisasi dan perdagangan telah melampaui sempadan. Oleh itu, kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengawal selia perdagangan dalam persekitaran perdagangan yang baru ini.

Perkara ini bukan mudah untuk dikawal selia tetapi ia perlu bagi menjamin kepentingan pengguna dan peniaga di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MCMC bertajuk *Household Use of the Internet Survey 2005* dengan izin, aktiviti penggunaan *internet* sebahagian besarnya adalah untuk *email* dan hanya 2.4 peratus sahaja adalah untuk pembelian atau penempahan barangan dan perkhidmatan.

Ini menunjukkan transaksi melalui *internet* masih mempunyai banyak ruang untuk berkembang. Ke arah ini, rang undang-undang ini akan menjadi satu penggerak bagi pengguna melibatkan diri dalam perdagangan elektronik. Rang undang-undang akan membantu dalam mengurangkan kos dan menjimatkan masa kerana ia tidak memerlukan kehadiran fizikal seseorang di suatu tempat.

Kedua-dua perkara ini merupakan faktor yang penting dalam mana-mana perniagaan. Kerajaan juga sedang mengambil beberapa langkah bagi memastikan Undang-undang Perdagangan Elektronik Malaysia konsisten dan selari dengan rakan-rakan dagang dan negara-negara serantau. Ini penting kerana ia akan menggalakkan lagi perdagangan di antara negara-negara terbabit dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Di rantau ASEAN, lima negara sudah menggubal Undang-undang Perdagangan Elektronik. Singapura merupakan negara pertama menggubal undang-undang tersebut iaitu pada tahun 1998, diikuti oleh Brunei dan Filipina pada tahun 2000, Thailand pada tahun 2001 dan Myamar pada tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, dari aspek perlindungan pengguna, ianya amat penting bagi memastikan pengguna secara amnya mempunyai keyakinan untuk menjalankan transaksi secara elektronik.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan dipinda untuk memasukkan aspek ini. Rang Undang-undang ini mempunyai klausa-klausa yang memanfaatkan pengguna dan peniaga secara amnya. Klausa-klausa ini akan memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa transaksi elektronik adalah diiktiraf dari segi undang-undang dan sekali gus lebih ramai membuat transaksi secara elektronik bagi tujuan perniagaan atau peribadi mereka. Prinsip-prinsip Am Kontrak seperti yang terkandung dalam Akta Kontrak 1990, masih digunakan pakai bagi transaksi elektronik.

Rujukan akan dibuat kepada Akta tersebut. rang undang-undang ini juga akan berfungsi bagi memperkuatkan lagi rangka kerja perundangan siber. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 25 fasal. Antara peruntukan yang penting adalah seperti berikut. Bahagian Satu mengandungi peruntukkan permulaan.

Fasal 3, Penggunaan Tidak Mandatori. Rang Undang-undang ini tidak memaksa mana-mana pihak untuk membuat transaksi secara elektronik. Pilihan untuk membuat transaksi secara konvensional atau secara elektronik tertakluk kepada keizinan seseorang individu. Walau bagaimanapun, keizinan seseorang bagi mengguna, memberi atau menerima mesej elektronik dapat disimpulkan daripada perlakuan orang itu.

Fasal 4, Rujukan Kepada Undang-undang Bertulis Lain. Rang undang-undang ini tidak akan menjejaskan operasi undang-undang lain yang mengawal selia urusan niaga perdagangan. Akta-akta lain seperti Akta Kontrak 1950, Akta Tandatanganan Digital 1997 dan Akta Perlindungan Pengguna 199 yang digunakan bagi mengawal selia urusan niaga perdagangan akan terus digunakan pakai.

Fasal 5, Taksiran. Fasal ini menerangkan secara terperinci makna beberapa perkataan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini. Antara lain, ia menerangkan makna elektronik yang ertinya adalah teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektro magnetik, biometrik, ptonik atau teknologi lain yang seumpamanya.

Bahagian dua mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik. Fasal 6, Pengiktirafan Undang-undang Mesej Elektronik. Fasal ini memperuntukkan bahawa sebarang maklumat tidak boleh menafikan kesahihan undang-undang atau kebolehlaksanaan hanya kerana ianya secara keseluruhan atau sebahagian dalam satu bentuk elektronik.

Ia juga tidak boleh dinafikan kesan undang-undang hanya kerana maklumat tersebut tidak dalam mesej elektronik tetapi hanya dirujuk dalam mesej elektronik tersebut. Jika sesuatu maklumat hanya dirujuk dalam suatu mesej elektronik, ianya tidak boleh dinafikan kesan undang-undang dengan syarat maklumat yang dirujuk boleh dicapai oleh pihak yang terlibat...

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Yang Berhormat, saya ingin tanya, panjang lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Berapa, agak lama?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Saya ingat 15 ke 20 minit lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Kalau begitu, boleh kita bawa di hari yang lain?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Ya.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 24 Julai 2006. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang***